

BAB TIGA

Fasal I:

Konsep-konsep Umum Berhubung

Kesaksian Wanita

Fasal I:

Konsep-konsep Umum Berhubung Kesaksian Wanita

Pendahuluan

Syahadah (kesaksian) merupakan salah satu kaedah keterangan (pembuktian) terpenting untuk membuktikan fakta di hadapan hakim di mahkamah. Hal ini amat dipandang berat oleh Undang-undang Keterangan Islam sehingga di sisi mazhab Hanafi, kesaksian lebih kuat dari ikrar kerana ia merupakan hujjah mutlak dan konsisten pada hak semua manusia serta tidak terhad kepada pihak yang mendakwa semata-mata.¹ Ia juga menjadi salah satu kaedah keterangan terpenting di dalam Undang-undang Keterangan Sivil sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Keterangan 1950.²

Bagi merealisasikan kebenaran dan keadilan di dalam masyarakat berhubung kaedah syahadah, Islam telah menggariskan syarat-syarat tertentu yang melayakkan seseorang menjadi saksi seterusnya dapat menyampaikan kesaksian yang benar. Prosedur menyampaikan kesaksian dan kebajikan saksi turut di ambil kira bagi memastikan keterangan yang diberikan benar dan tepat sehingga boleh mengikat hakim untuk membuat keputusan bersabit dengan kes.

¹ Wahbah al-Zuhayli (Dr.) (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 6, c. 3. Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 612.

² Lihat Seksyen 101 Akta Keterangan 1950 (Akta 56)

Dalam persoalan syahadah, masalah kesaksian wanita terus mendapat perhatian para sarjana Islam masakini untuk membahaskannya. Seterusnya mencari kedudukan yang paling tepat bagi wanita dalam isu tersebut. Secara umumnya, wanita di terima menjadi saksi di mahkamah oleh semua mazhab dan *fuqahā'* namun mereka berbeza pendapat dalam menentukan kes kesaksian wanita. Sehingga tulisan ini dibuat, penulis masih belum menemui kata sepakat antara para *fuqahā'* berkenaan kesaksian wanita khususnya di dalam kes hudud dan jenayah. Apa yang boleh dikemukakan ialah mengambil pendapat paling kuat berlandaskan hujjah yang paling sahih.

1. Definisi *al-Syahādah* (الشهادة)

Menjadi tabiat wahyu Ilahi apabila ingin memberitahu, menyampai dan menerangkan sesuatu maka perkataan yang tepat, ringkas dan padat (dengan maksud yang dikehendaki) digunakan. Oleh sebab itu pengertian sesuatu perkataan dari sudut bahasa secara ekstensif perlu diambil kira terlebih dahulu sebelum melanjutkan skop perbahasan berkenaan topik tersebut.

Pengenalan terhadap sesuatu istilah selalunya berkait rapat dengan makna asal perkataan tersebut yang semestinya didasarkan kepada pengertian yang diketengahkan oleh al-Quran dan hadis-hadis Nabi S.A.W. Justeru seringkali berlaku kegelinciran maksud yang sebenar di dalam mentakrifkan sesuatu apabila takrifan tersebut cuba menggunakan istilah yang berlainan daripada bahasa asal yang digunakan.

Kegelinciran tersebut biasanya dapat dikenal pasti setelah melalui pelbagai amali dan perlaksanaan dan mengambil masa yang agak lama untuk diterjemahkan semula kepada diksi yang lebih tepat.³

1.1. Takrif Kesaksian

i) Kesaksian merupakan perkataan Melayu yang diterjemahkan dari Bahasa Arab yang berbunyi *al-Syahādah* (*الشهادة*).⁴ Perkataan *al-Syahādah* diambil dari kata *syahida* (*شهيده*). Menurut Abū Ishāq *al-Syahīd* (*الشهيد*) ialah salah satu daripada sifat-sifat Allah S.W.T. yang bererti Allah bersifat amanah (diperlakukan) di dalam kesaksianNya. Juga bermaksud tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada pengetahuanNya. Maksud lain bagi *al-Syahīd* ialah orang yang hadir.⁵ Jika dikatakan: *Asyhad bikadħā* (*أشهد بكتنا*) ertiinya aku bersumpah.⁶ Manakala *al-Syahādah* secara literal ialah pemberitahuan yang pasti.⁷ Firman Allah S.W.T;

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ

Maksudnya:

Allah bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Dia.

Surah Āli 'Imrān (3): 18

³ Antara contoh yang dapat dilihat ialah apabila kebanyakan mufassir menterjemahkan perkataan *al-'Aq* kepada segumpal darah, sedangkan setelah tamadun manusia berkembang maju dalam bidang penyelidikan ilmu embriologi, hasil yang didapat ialah maksud *al-'Aq* itu tadi lebih tepat dengan makna asal bahasa tersebut iaitu 'sesuatu yang bergantung'. Banyak lagi contoh-contoh lain yang berjaya ditemui dalam kajian ilmu embriologi yang menunjukkan bahawa maksud yang dikehendaki adalah daripada makna asal perkataan tersebut secara literal. Hal ini telah dijelaskan oleh seorang pengkaji yang belum Islam semasa kajian dibuat iaitu Dr. Maurice Bucaille. Sila lihat Maurice Bucaille (Dr.) (1994), *op.cit.*

⁴ Mahmud Yunus (Prof.)(1972), *Kamus Arab-Indonesia*, Klang: Klang Book Centre, h. 206.

⁵ Ibn Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī (1994), *op.cit.*, j. 3, h. 238 – 239.

⁶ *Ibid.*, h. 239

⁷ *Ibid.* al-Fayrūz Ābādī (1991), *op.cit.*, j. 1. h. 588.

Abū al-'Abbās memberi maksud *syahida* di sini ialah menerang dan menyatakan. Ibn al-A'rābī berpendapat ianya bermaksud mengetahui.⁸

Pemberitahuan yang pasti hanya dapat direalisasikan setelah menyaksikan atau mendengar sendiri sesuatu peristiwa yang bertepatan dengan pengertian *musyāhadah*.⁹ Menurut Ibn Manzūr, asal *syahādah* ialah pemberitahuan terhadap perkara yang telah disaksikannya (oleh saksi).¹⁰ Pengertian syahadah juga dapat diambil dari sebuah hadis yang berbunyi;

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمَا، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِرَجُلٍ ثَرَى الشَّمْسَ قَالَ: يَعْمَلُ مِثْلَهَا فَأَشْهَدُهُ أَوْ دُعَاهُ

Maksudnya:

Daripada Ibn 'Abbās r.a, bahawa Nabi S.A.W telah berkata kepada seorang lelaki: (Adakah) Kamu lihat matahari? Dia berkata: Ya! Rasulullah S.A.W lalu berkata: Apabila kamu lihat sedemikian maka persaksikanlah atau tinggalkan.¹¹

Iaitu pengetahuan yang jelas diyakini seperti jelasnya kita melihat matahari.

Hasil daripada pengertian-pengertian yang diberikan di atas, dapat dirumuskan bahawa kesaksian ialah pemberitahuan terhadap perkara yang telah disaksikan yang mengandungi unsur-unsur amanah, pengetahuan yang diyakini, kehadiran dan sumpah.

⁸ *Ibid.*

⁹ Ibn Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī (1994), *op.cit.*

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1989), *Bulūgh al-Marām min Adillah al-Ahkām*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 292. Kitāb al-Qaḍā', Bāb al-Syahādāt, no. hadis 1434. al-Šan'ānī (1995), *op.cit.*, h. 1937. Kitāb al-Qaḍā', Bāb al-Syahādah, no. hadis 1322/7.

ii) Terdapat pelbagai definisi *al-Syahādah* yang dikemukakan oleh *fiqahā'* pelbagai mazhab. Antaranya seperti berikut;

a) Imam Taqiy al-Dīn al-Husaynī mentakrifkan syahadah sebagai *memberitahu apa yang telah disaksikan*.¹² Takrifan ini mengandungi maksud benar secara tersirat kerana pemberitahuan tanpa berdasarkan apa yang disaksikan merupakan rekaan semata-mata.

b) Syaykh Maḥmud Abū Daqīqah menghuraikan syahadah sebagaimana berikut;

“ Pemberitahuan mengenai sesuatu perkara yang dihadiri oleh saksi serta menyaksikannya: sama ada melalui penglihatan kepada perbuatan seperti bunuh dan zina atau pendengaran seperti akad dan pengakuan (ikrar). Maka tidak harus baginya memberi kesaksian melainkan pada perkara yang dihadiri dan diketahuinya melalui penglihatan dan pendengaran. Oleh sebab itu juga saksi tidak harus menyampaikan kesaksian sehingga dia mengingati peristiwa yang telah berlaku.”¹³

Takrifan ini menekankan sifat *musyāhadah*¹⁴ dan *dābiṭ*¹⁵ terhadap perkara yang disaksikan.

c) Muḥammad al-Syarbīnī al-Khaṭīb menyatakan kesaksian ialah ‘*pemberitahuan terhadap sesuatu dengan lafaz khusus*.’¹⁶ Definisi ini mensyaratkan lafaz kesaksian supaya kesaksian boleh diikat dan diterima.

¹² Taqiy al-Dīn Abī Bakr b. Muḥammad al-Husaynī al-Husnī al-Dimasyqiyyī al-Syāfi'iyyī (1994), *Kiṣāyah al-Akhyār fi Ḥallī Ghāyah al-Ikhtiyār*, (taḥqīq oleh 'Alī 'Abd al-Hamid Balatjī dan Muḥammad Wahbī Sulaymān), Dimasyq: Dār al-Khayr, h. 565.

¹³ al-Muṣilī al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 139.

¹⁴ *Musyāhadah*: Melihat sendiri sesuatu peristiwa yang berlaku atau mendengar sendiri sesuatu perkataan dilafazkan.

¹⁵ *Dābiṭ*: Konsisten dengan ingatan sesuatu perkara.

d) Menurut al-Jurjānī kesaksian ialah

pemberitahuan tentang perkara yang dilihat (dengan jelas dan tidak ragu-ragu dengan penglihatannya)¹⁷ dengan lafaz kesaksian di dalam majlis kehakiman bagi hak (kepentingan) orang lain ke atas yang lain. Perkhabaran itu ada tiga keadaan sama ada berkenaan hak orang lain iaitu *al-Syahādah* atau memberitahu hak ke atas orang lain iaitu *al-da'wā* atau sebaliknya (diri sendiri) iaitu ikrar.¹⁸

Secara tidak langsung takrifan ini telah membezakan antara ikrar dan kesaksian iaitu bagi kepentingan orang lain.

Hasil daripada pengertian dari sudut bahasa dan beberapa takrifan yang diberikan oleh para ulama fiqh¹⁹ di atas, dapat disimpulkan bahawa syahadah dari sudut istilah ialah:

"Pemberitahuan yang benar terhadap perkara yang disaksikan dengan lafaz kesaksian di mahkamah untuk mensabit sesuatu hak bagi kepentingan orang lain".

Definisi ini merangkumi unsur makna paling tepat dan menyeluruh menurut kehendak syarak dengan susunan bahasa paling ringkas (mengandungi *jāmi'* *māni'*). Ini adalah kerana setiap perkataan yang digunakan mempunyai korelasi makna antara satu sama lain sehingga maksud yang lebih umum tidak terkandung di dalamnya.

¹⁶ Syams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1996), *al-İqnā' fī Ḥallī Alfiṭ Abī Syūjā'*, (taḥqīq oleh 'Alī 'Abd al-Hamīd Abū al-Khayr dan Muḥammad Wahbī Sulaymān), j. 2. Beirut: Dār al-Khayr, h. 876.

¹⁷ Lihat takrif '*Iyān* oleh al-Fayrūz Ābādī (1991), op. cit., j. 4. h. 357.

¹⁸ 'Alī ibn Muḥammad al-Jurjānī (t.t), *al-Ta'rīfūt*. (T.T.P)(T.P), h. 87. Muḥammad b. Muḥammad b. al-Ḥusayn b. Muḥammad b. al-Farrā' al-Hanbali al-Baghdādī (1414H), *Kitāb al-Tamām*, (taḥqīq: Dr. 'Abd Allāh b. Muḥammad b. Aḥmad al-Ṭayyār dan Dr. 'Abd al-'Azīz b. Muḥammad b. 'Abd Allāh al-Madd Allāh), j. 2. Riyadh: Dār al-'Āsimah, h. 261.

¹⁹ Lihat juga Mahmud Saedon A.Othman (Dr)(1990), op. cit., h. 56 - 57. Beliau telah memetik beberapa takrifan *fugahā'* iaitu Aḥmad Fathī Bāhānsī, Ibn al-Humām, Syaykh Syihāb al-Dīn al-Qalyūbī dan 'Abd al-Salām Madkūr.

Oleh yang demikian perkara-perkara yang terkeluar dari landasan Undang-undang Keterangan Islam berhubung kesaksian akan diabaikan secara automatik.

Justifikasi kepada maksud syahadah secara istilah seperti berikut;

1. **Pemberitahuan yang benar:** artinya pemberitahuan mestilah mengandungi kebenaran terhadap hakikat perkara yang telah disaksikan iaitu fakta. Oleh itu penyelewengan atau pembohongan dalam kesaksian terkeluar dari maksud ayat ini. Setiap perkara yang benar pula akan mengikat saksi untuk menyampaikan kesaksian dengan yakin dan pasti serta mengingati perkara yang telah disaksikan, oleh itu sifat ragu-ragu akan menimbulkan syubhat di dalam kesaksian. Seterusnya kesaksian yang syubhat akan tertolak dengan sendirinya. Begitu jugalah sifat lupa akan menghalang saksi daripada berkata benar.

Oleh kerana sifat benar menjadi asas dalam kesaksian, secara tidak langsung ia menuntut seseorang saksi itu berakhhlak mulia menurut kehendak Islam sehingga mencapai darjat adil dan *dābiṭ*. Menurut ilmu akhlak dan psikologi Islam, hanya *syakhsiyah* yang mempunyai *'izzah* serta jelas ciri-ciri takutkan Allah S.W.T padanya akan bersifat benar. Dari sinilah timbulnya perbahasan ulama dalam menggariskan ciri-ciri yang perlu ada pada seorang saksi untuk memenuhi kriteria adil dan *dābiṭ*. Perbahasan kriteria adil dan *dābiṭ* mengheret mereka untuk berselisih pendapat dalam beberapa syarat seperti syarat bilangan saksi, kesaksian wanita, kesaksian kanak-kanak dan kesaksian orang kafir.

2. *terhadap perkara yang disaksikan*: Perkataan saksi itu sendiri mempunyai kekuatan pada maknanya iaitu saksi melihat sendiri terhadap peristiwa berupa perbuatan seperti mencuri atau mendengar sendiri seperti akad nikah dan sebagainya.²⁰ Oleh sebab itu kesaksian terhadap perkara yang tidak dilihat atau didengar sendiri adalah tidak diterima. Takrifan ini juga adalah untuk membezakan pemberitahuan yang benar tetapi bukan didasarkan dengan penglihatan/pendengaran sendiri. Berdasarkan takrifan ini, secara tidak langsung sifat boleh melihat dan mendengar menjadi asas bagi seseorang saksi sebagaimana yang telah digariskan oleh para ulama fiqh.

3. *dengan lafaz kesaksian*: ertinya lafaz yang benar selain kesaksian tidak termasuk di dalam syahadah.²¹ Oleh sebab itulah para *fujahā'* meletakkan syarat supaya menggunakan lafaz kesaksian ketika menyampaikan kesaksian sekalipun mereka berbeza pandangan dalam menentukan kalimah yang harus digunakan.

4. *di mahkamah*: iaitu di hadapan hakim di dalam majlis kehakiman kerana kesaksian yang disampaikan di luar mahkamah tidak dapat di ambil kira untuk mensabitkan hukum.

²⁰ Hajah Noresah bt. Baharom *et al.* (ed.) (2000), *op.cit.*, h. 1172. Lihat al-Muṣīfi al-Hanafī (t.t), *op.cit.* al-Fayrūz Ābādī (1991), *op. cit*.

²¹ Yūsuf ‘Alī Maḥmud Ḥasan (Dr.)(1982), *Al-Arkān al-Māddiyah wa al-Syar‘iyah li Jarīmah al-Qatl al-‘Amd wa Ajziyatihā al-Muqarrarah fī al-Fiqh al-Islāmī*, j. 1. Amman: Dār al-Fikr, h. 397.

5. ***untuk mensabit sesuatu hak:*** Menurut al-Fayrūz Ābādī, *al-Haq* mengandungi maksud adil, Islam, harta, kepunyaan (milik), fakta dan benar.²² Dr. Wahbah al-Zuhaylī pula menyatakan ‘*ithbāt al-haq*’ ialah mengemukakan bukti-bukti atau perkara yang berlaku (fakta).²³ Oleh itu tujuan kesaksian ialah untuk membuktikan fakta²⁴ yang mana dengannya kebenaran dapat ditegakkan seterusnya hak-hak dapat dikembalikan kepada pemiliknya yang sebenar sama ada hak Allah²⁵ atau hak-hak hamba.²⁶ Setelah sesuatu fakta dapat dibuktikan dengan kesaksian, maka menjadi tanggungjawab hakim untuk menjatuhkan hukuman berdasarkan kesaksian tersebut. Oleh kerana kesaksian yang benar bersifat definitif,²⁷ maka *fiqahā'* berselisih pendapat pula dalam menentukan tabiat kesaksian sama ada ia bersifat ‘*al-Ikhbār*’ atau ‘*al-Wilāyah*’.

6. ***bagi kepentingan orang lain:*** untuk plaintiff dan bukannya bagi kepentingan saksi itu sendiri. Sekaligus ia membezakan antara syahadah dan ikrar.

²² al-Fayrūz Ābādī (1991), *op. cit.*, j. 3. h. 323.

²³ Wahbah al-Zuhaylī (Dr.)(1989), *op.cit.*, h. 777.

²⁴ Bagi mendapatkan keterangan lanjut berkenaan definisi al-Haq yang lebih tepat serta diksi bagi maksud ‘*untuk mensabitkan hak*’ menurut dimensi Kehakiman Islam sila lihat Hassan b. Abdul Rahman (2001), “Pemakaian Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam Dalam Statut-statut Keterangan Syariah Malaysia: Suatu Kajian Perbandingan Dengan Peruntukan Akta Keterangan 1950” (Kertas Kerja Seminar Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

²⁵ Hak Allah ialah segala perintah dan laranganya. Lihat Wahbah al-Zuhaylī (Dr.)(1989), *op.cit.*, h. 44.

²⁶ Hak-hak hamba ialah kemaslahatannya dan tanggungjawabnya. Lihat *ibid*.

²⁷ *Definitif:* Pasti dan dapat memutuskan, dapat dipertanggungjawabkan dan layak menjadi pegangan. Lihat Hajah Noresah bt. Baharom *et al.* (ed.) (2000), *op.cit.*, h. 282. Maksudnya di sini ialah kesaksian yang benar dapat memberi impak muktamad kepada sesuatu perbicaraan.

Sekalipun pada asalnya syarat mengemukakan saksi dibebankan ke atas orang yang mendakwa dan sumpah pada yang *inkar*, namun realiti semasa memperlihatkan bahawa defendan juga berhak membawa saksi-saksinya sendiri bagi menangkis tuduhan yang dilemparkan ke atasnya. Kaedah ini tentunya lebih utama dan lebih kuat berbanding sumpah semata-mata. Syarat sumpah tersebut hanyalah merupakan kaedah minimum bagi defendan mempertahankan diri dan ia sudah dianggap memadai kerana ‘*al-Asl Barā’ah Dhimmah*’.

1.2. Perbezaan antara *al-Syahādah* dan *al-Bayyināt*

1.2.1. Takrif *al-Bayyināt* Secara Ringkas

Sabda Nabi S.A.W yang berbunyi;

الْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُدَعِّي وَالسِّيمَنُ عَلَى الْمُدَعَى عَلَيْهِ

Maksudnya:

Al-Bayyinah ke atas pendakwa dan sumpah kepada yang didakwa.²⁸

²⁸ *Sunan al-Tirmidhi*. Bāb mā Jā'a fī anna al-Bayyinah 'alā ... no. hadis 1339. j. 4. Beirut: Syarikah al-'Aris li al-Kombüter, h. 553. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*. Bāb mā yastadillu bihī 'alā Tark Tad'if al-Gharāmah. no. hadis 17645. j. 13. Beirut: Syarikah al-'Aris li al-Kombüter, h. 45. *Ibid.*, Bāb al-Bayyinah 'alā al-Mudda'i wa al-Yamin 'alā al-Mudda'ā 'alayh. no. hadis 21667, 21669, 21674. j. 15. h. 393 – 396.

Sabda Baginda S.A.W lagi;

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لَادْعَى رِجَالٌ أَمْوَالَ قَوْمٍ وَدِمَاءَهُمْ، وَلَكِنْ
الْبَيْنَةُ عَلَى الْمُدَعِّيِّ، وَالْمُسْمِنُ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ

Maksudnya:

Kalaularum manusia diberi (apa sahaja) dengan semata-mata dakwaan mereka, nescaya akan ada sebahagian manusia mendakwa mempunyai hak terhadap harta dan darah kaum yang lain. Oleh kerana itu orang yang mendakwa hendaklah mendatangkan saksi (*bayyinah*) dan orang yang menginkari hendaklah bersumpah.²⁹

Hadis di atas menunjukkan bahawa tidak diterima kata-kata seseorang semata-mata dakwaannya bahkan perlu kepada *bayyinah* atau pihak yang didakwa mengakui tuduhan ke atasnya. Sekiranya pihak tertuduh menafikan dakwaan tersebut maka dia dikehendaki bersumpah bagi mensabitkan penafiannya. Hikmah pensyariatan ini ialah kedudukan pendakwa adalah lemah kerana dia mendakwa pada perkara berlawanan dengan realiti. Maka dia dipertanggungjawabkan dengan beban pembuktian yang kuat iaitu *al-Bayyinah*, yang mana dengannya dapat menguatkan kelemahan pendakwa itu tadi. Manakala pihak yang dituduh berada pada kedudukan yang kuat iaitu pada asalnya bersih dari segala tuduhan yang dibuat, maka memadai ia bersumpah yang mana sumpah dikategorikan sebagai hujjah yang lebih lemah berbanding *al-Bayyinah*.³⁰

²⁹ Telah ditakhrijkan dalam Bab Pendahuluan di muka surat xxiii.

³⁰ *al-Šan'ānī* (1995), op.cit., h. 1940 – 1941.

Menurut Syaykh Maḥmūd Abū Daqīqah, telah disepakati bahawa maksud *al-Bayyinah* ialah *Syahādah*³¹ iaitu mengadakan saksi-saksi bersesuaian dengan kes yang didakwa seperti 4 orang saksi bagi kes zina, dua orang saksi lelaki bagi kes curi dan seterusnya sebagaimana yang telah digaris di bawah konsep kesaksian menurut Undang-undang Keterangan Islam.

Walaubagaimana pun jika dilihat dari sudut literal, *al-Bayyinah* bermaksud terang, jelas dan nyata. Justeru menurut Ibn al-Qayyim, *al-Bayyinah* lebih umum daripada *al-Syahādah*. Ia adalah satu nama bagi setiap sesuatu yang menerangkan hak. Ia lebih umum daripada semata-mata saksi lelaki atau saksi perempuan atau enggan bersumpah atau *yamīn* atau tanda-tanda *zahir*.³² Tafsiran ini menepati dengan makna literal bagi perkataan *Bayyinah* itu sendiri. Justeru, dapat difahami bahawa setiap kaedah yang dapat membuktikan fakta dengan penuh keyakinan tanpa ragu-ragu, maka dapat diputuskan hukuman dengannya. Oleh itu hakim boleh menilai sendiri bahan bukti yang dikemukakan tanpa mengabaikan panduan yang telah diturunkan nas mengenainya.

³¹ al-Muṣīlī al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 139. Mustafa al-Bugha Muhyiddin Misto (Dr)(1995), *op.cit.*, h. 380.

³² Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 124. Sila lihaturaian lanjut Mahmud Saedon A.Othman (Dr)(1990), *op.cit.*, h. 8 –12.

1.2.2. Persamaan Dan Perbezaan antara *al-Syahādah* dan *al-Bayyināt*

Berdasarkan takrifan Ibn al-Qayyim yang diasaskan kepada pengertian *al-Bayyinah* menurut al-Quran dan aspek perlaksanaan maka boleh dikatakan *al-Syahādah* ialah *al-Bayyinah* atau salah satu *al-Bayyinah* tetapi *al-Bayyinah* bukanlah semata-mata *al-Syahādah*, bahkan merangkumi semua wasilah pembuktian. Perbezaan penggunaan dua istilah ini memberi implikasi yang besar kepada amalan pembuktian dalam Undang-undang Keterangan Islam. Secara ringkasnya, di bawah ini digariskan persamaan dan perbezaan yang dapat dikenalpasti antara *syahādah* dan *bayyinah*.

Persamaan secara umum antara saksi yang memberikan syahādah dan individu yang memberi keterangan:

1. Kedua-duanya berbentuk pernyataan secara lisan.
2. Kedua-duanya perlu dikemukakan di mahkamah.
3. Kedua-duanya perlu memahami subjek kes dan mengemukakan kesaksian/keterangan secara rasional.

Perbezaan antara al-Syahādah dan al-Bayyināt adalah seperti berikut;

Bil	<i>al-Syahādah</i>	<i>al-Bayyināt</i>
1	Secara literal maksudnya kesaksian.	Secara literal maksudnya keterangan.
2	Secara istilah maksudnya: Pemberitahuan yang benar terhadap perkara yang disaksikan dengan lafaz kesaksian di mahkamah untuk mensabit sesuatu hak bagi kepentingan orang lain.	Secara istilah maksudnya: Sesuatu perkara yang menerangkan hak atau segala unsur yang dapat memberi petunjuk dan menegaskan wujud/berlakunya sesuatu fakta.
3	Dinaskan secara khusus oleh al-Quran dan hadis.	Tidak dinaskan secara khusus bagi individu yang memberikan keterangan.
4	Kesaksian merupakan sebahagian daripada wasilah keterangan.	Keterangan bersifat umum merangkumi kesaksian, keterangan lisan, sumpah, ikrar dan qarinah.
5	Hanya individu yang memenuhi syarat saksi boleh menjadi saksi serta memberikan kesaksian di mahkamah.	Semua orang adalah kompeten memberikan keterangan selagi mereka waras dan memahami percakapan orang lain.
6	Terdapat syarat penerimaan dan syarat penyampaian bagi saksi. ³³	Tiada kedua-dua jenis syarat tersebut. Hanya dua syarat asas sebagaimana yang telah disebutkan bagi individu yang memberikan keterangan.
7	Disyaratkan jantina tertentu menurut kategori kes.	Tidak disyaratkan jantina tertentu untuk semua kes.
8	Disyaratkan bilangan tertentu bagi saksi menurut kategori kes. ³⁴	Tidak disyaratkan bilangan tertentu bagi individu yang memberi keterangan untuk semua kes.
9	Kesaksian saksi mengikat hakim untuk membuat keputusan.	Keterangan individu tidak mengikat hakim membuat keputusan.

³³ Sila lihat tajuk **Syarat Penerimaan dan Syarat Penyampaian** di muka surat 120 & 121.

³⁴ Sila lihat perbahasan di dalam Bab III Fasal II disertasi ini.

1.3. Tabiat/Sifat Kesaksian

Dalam membincangkan beberapa syarat kelayakan seseorang untuk diterima menjadi saksi (iaitu syarat merdeka, lelaki dan dewasa), jumhur ulama sering mengaitkan makna *al-Wilāyah* iaitu bersifat kepimpinan atau kekuasaan sebagai sebahagian tabiat kesaksian.³⁵ Sesetengah *fugahā'* menyatakan kesaksian adalah bersifat perkhabaran (*al-Ikhbār*) sahaja.³⁶ Perselisihan mereka dalam menentukan tabiat kesaksian ini menyebabkan timbulnya khilaf dalam menggariskan syarat-syarat kelayakan saksi. Analisis yang pernah dibuat oleh Prof. Tariq al-Bisyri, seorang tokoh pemikir Islam abad ini berkenaan topik di atas amat berharga sekali untuk diteliti.³⁷ Oleh itu sebahagian besar teori yang dikemukakan di bawah ini mengambil pendapat beliau. Natijah yang diperolehi mempengaruhi nilai kesaksian wanita yang menjadi intipati perbahasan.

Interpretasi Maksud *al-Wilāyah* Dan *al-Ikhbār*

Perkataan *al-Wilāyah* berasal dari kata ‘*Waliya*’ (ولیا). Salah satu nama-nama Allah S.W.T ialah *al-Wali* yang bermaksud ‘*Dia memiliki sesuatu dan bebas melakukan apa sahaja terhadap milikNya*’. Menurut Ibn al-Athīr *al-Wilāyah* mengandungi makna peraturan, kekuasaan dan perbuatan.

³⁵ al-Mūṣili al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 141. ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr b. Mas‘ūd al-Kāsānī al-Ḥanafī (1974), *Kitāb Baḍā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartib al-Syarā’i’*, j. 6, c. 2., Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, h. 276.

³⁶ Mohd Daud Bakar (Dr)(t.t), “Kedudukan Wanita Dalam Undang-undang Keterangan Islam Di Bawah Peruntukan Ayat 282 al-Baqarah”, dalam Ahmad Ibrahim *et al.* (2000), *Al-Ahkam: Penghakiman Dan Kepeguanan*, j. 5. c. 2. Kuala Lumpur: DBP.

³⁷ Hibah Rauf Izzat (1997), *op.cit.*, h. xxii – xxvi.

ia juga bererti strategi, kerajaan dan penguasa.³⁸ Sebagai rumusan ia memberi maksud memiliki kekuasaan, berpengaruh serta berhak mengambil tindakan terhadap sesuatu.

Al-Syahādah dikatakan sebahagian daripada kumpulan *al-Wilāyah* kerana ia merupakan satu bentuk kata-kata yang dikeluarkan serta dilaksanakan ke atas hak orang lain³⁹ atau menerima kata-kata seseorang ke atas orang lain. Oleh sebab itu, seseorang saksi mesti adil dan berakhlaq mulia yang mana ia dianggap mempunyai kelebihan dan keistimewaan sehingga kata-katanya diterima sebagai penyaksian.⁴⁰

Ringkasnya maksud *al-Wilāyah* secara istilah yang dikehendaki di bawah topik kesaksian ialah kebenaran untuk mengeluarkan kenyataan yang mengembangkan sudut pandangan hukum untuk orang lain, sama ada ia dipatuhi atau diabaikan. Sudut pandangan hukum ini adalah berupa hak-hak dan kewajipan. Kekuasaan (*wilāyah*) dalam bentuk yang lebih khusus ialah kebenaran untuk mengambil tindakan terhadap orang lain dengan membuat kumpulan konsekuensi yang ditimbulkan oleh hukum – berupa hak dan kewajipan – yang berkaitan dengan hak orang lain.⁴¹

³⁸ Ibn Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī (1994), *op.cit.*, j. 15. h. 406 – 407.

³⁹ Abū Muḥammad Maḥmud b. Aḥmad al-‘Aynī (1990), *al-Bināyah fī Syarḥ al-Hidāyah*, j. 8, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 163. al-Kāṣī al-Ḥanafī (1974), *op.cit.*

⁴⁰ Abu ‘Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1988), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*, j. 7. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 256.

⁴¹ Hibah Rauf Izzat (1997), *op.cit.*, h. xxiii.

Definisi perkhabaran (*al-Ikhbār*) pula ialah menyampaikan kenyataan kepada orang lain mengenai sesuatu perkara. *Ikhbār* merupakan satu bentuk pemindahan kesedaran tentang terjadinya sesuatu perkara dari seseorang yang mengetahuinya kepada orang lain yang tidak mengetahuinya. Kenyataan seperti ini tidak semestinya menjadi intipati undang-undang yang harus dipercayai atau diabaikan. Namun kadang-kadang ia menimbulkan konsekuensi daripada konklusi intipati undang-undang yang diakui atau diabaikan.⁴²

Perbandingan definisi *Wilāyah* dan *Ikhbār* di atas memperlihatkan bahawa kedua-dua sifat tersebut amat berbeza serta bertentangan antara satu sama lain. Hakikatnya, kesaksian merupakan satu bentuk pemberitahuan mengenai sesuatu perbuatan atau peristiwa yang terjadi, atau akuan hak seseorang terhadap orang lain. Namun kesaksian itu sendiri tidak membawa akibat terjadinya sesuatu perbuatan atau peristiwa, atau perhubungan hak dengan tanggungjawab; yang pada turutannya membawa suatu akibat hukum.⁴³ Kesaksian itu terjadi hasil penglihatan atau pendengaran terhadap perbuatan atau perkataan orang lain.

Sekiranya kita imbas kembali kepada definisi syahadah secara literal dan istilah syarak, secara umumnya tiada satu pun pendefinisian tersebut dikaitkan dengan makna *al-Wilāyah*. Semua takrifan yang diberikan menjurus kepada konsep pemberitahuan yang layak menduduki tahap kesaksian.

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*

Menurut Ibn ‘Arafah kesaksian ialah kata-kata yang mewajibkan hakim mendengarnya serta menjatuhkan hukuman sekiranya saksi tersebut adil bersama lengkapnya bilangan atau sumpah pendakwa.⁴⁴

Makna kekuasaan dalam kesaksian hanya dapat difahami secara tersirat. Ini adalah kerana dalam membincangkan impak atau kesan kesaksian, ianya boleh membawa akibat terjadinya sesuatu hukuman. Dengan perkataan lain hakim tidak mempunyai pilihan lagi sama ada menolak atau menangguhkan hukuman kerana kesaksian yang benar tidak dapat tidak, akan mengikat hakim menjatuhkan hukuman berdasarkannya.

Berlandaskan impak tersebut, timbulnya kaitan kesaksian dengan makna *al-Wilāyah*. Apa yang dimaksudkan ialah orang yang memberikan kesaksian seakan-akan membawa akibat hukum yang tertentu terhadap sesuatu yang diberikan kesaksian, atau orang yang memberikan kesaksian sama seperti orang yang menetapkan hukum atau hakim sendiri.⁴⁵ Oleh sebab itulah *fuqahā'* bersepakat mengetatkan syarat-syarat kesaksian berdasarkan wahyu Ilahi agar kesaksian yang diberikan benar dan tepat. Saksi-saksi itu pula terdiri daripada pelbagai ragam dan sifat. Ada yang kuat atau berkualiti dan ada yang lemah. Sebarang kelemahan yang boleh menimbulkan syubhat mesti dielakkan yang mana ia akan menghasilkan hukuman yang tidak adil berdasarkannya.

⁴⁴ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Muḥammad b. ‘Abd al-Rahmān al-Maghribī al-Ḥaṭṭāb (1992), *Kitāb Mawāhib al-Jalīl li Syarḥ Mukhiṣar Khalīl*, j. 6, c. 3. (T.T.P): Dār al-Fikr, h. 151.

⁴⁵ Hibah Rauf Izzat (1997), *op.cit.*, h. xxiv.

Konsep kekuasaan juga dikaitkan dalam syarat-syarat menyampaikan kesaksian yang mana pada pandangan jumhur *fuqahā'*, penyampaian kesaksian memerlukan kekuasaan khusus untuk melaksanakannya terutama dari kalangan mereka yang selamanya berada di bawah naungan seseorang seperti hamba, wanita dan kanak-kanak. Justeru itu, *fuqahā'* telah membezakan antara syarat penerimaan dan syarat penyampaian.

Pada pendapat penulis, kekuasaan khusus yang disyaratkan oleh jumhur *fuqahā'* sebenarnya telah dimiliki secara semulajadi oleh muslim yang mukallaf sama ada mereka hamba atau wanita kerana apabila kefarduan kesaksian menduduki tahap wajib ain bagi mereka, maka secara tidak langsung mereka mesti menunaikan kesaksian sebagaimana mereka menunaikan fardu solat, puasa dan lain-lain tanpa perlu meminta izin daripada wali mereka. Konsekuensi dengan firman Allah S.W.T;

وَلَا يَأْبَ الشُّهْدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا

Maksudnya:

Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila dipanggil.

Surah al-Baqarah (2); 282

Zahir ayat ini menunjukkan bahawa wajib bagi setiap orang yang menyaksikan sesuatu kes menunaikan kesaksian apabila dipanggil. Dalam konteks topik di atas boleh difahami barangsiapa yang menahan diri atau orang lain daripada menyampaikan kesaksian yang telah jelas wajib ditunaikan bererti dia telah bermaksiat kepada Allah S.W.T. Sabda Nabi S.A.W yang berbunyi;

Maksudnya;

Tiada ketataan kepada individu dalam perkara maksiat kepada Allah tabāraka wa ta'ālā.⁴⁶

Konsep kekuasaan yang diberikan kepada manusia hanyalah bersifat amanah yang perlu dilaksanakan dengan baik, tidak boleh menyalah gunakan kuasa untuk menindas yang lemah serta menafikan hak-hak asasi mereka. Lebih-lebih lagi kuasa tidak boleh digunakan untuk menyuruh yang munkar serta mencegah yang makruf. Hakikat kuasa sesama manusia hanyalah untuk menjaga kebajikan, keamanan dan ketenangan hidup mereka menurut lunas-lunas Ilahi serta tidak berusaha mengatasi kekuasaan Allah S.W.T yang mutlak. Baki lagi, wali kepada hamba, wanita atau kanak-kanak diberi ikhtiar untuk membuat pertimbangan pada kesaksian yang hukum menyampaikannya adalah sunat atau harus sebagaimana suami berhak melarang isterinya daripada berpuasa sunat.

Seperkara lagi yang perlu difahami ialah hakikat kekuasaan dari persepsi kehakiman terletak di bahu hakim yang bertanggungjawab mengadili kes dan memutuskan hukuman yang setimpal, bukannya pada kesaksian. Kesaksian hanyalah salah satu kaedah penetapan hak yang terpenting dari dahulu, sekarang dan akan datang.

⁴⁶ Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (1995), *Silsilah al-Āḥādīth al-Šāfiyah wa Syay' min Fiqhihā wa Fawā'iḍihā*, j. 1, qism 1. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, h. 348 – 354. no. hadis 179, 180, 181 dengan sedikit perbezaan pada lafaz.

Era pasca moden menyaksikan pelbagai alat-alat ciptaan manusia yang serba canggih telah mengambil alih kedudukan kesaksian sehingga kesaksian menduduki turutan kedua sebagai alat untuk menetapkan sesuatu hukum. Sedangkan jika dikaji dengan lebih teliti, hakikatnya peralatan-peralatan moden masih jauh lagi dapat mencapai tahap kesaksian dalam Islam. Hal ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut di bawah tajuk kepentingan kesaksian. Oleh sebab itulah penegasan para *fugahā'* mengenai peri pentingnya kesaksian adalah sangat wajar dalam konteks kehidupan kita sekarang.

Hasil daripada huraiān di atas dapat kita rumuskan beberapa perkara:

1. Sesungguhnya pendapat yang mengatakan bahawa kesaksian adalah kekuasaan, hanyalah merupakan pandangan berdimensi fiqh yang dapat menimbulkan konsekuensi terhadap orang lain. Oleh itu kekuasaan bukanlah intipati atau sifat kesaksian itu sendiri. Ia lebih merupakan penegasan terhadap kepentingan kesaksian sebagai bukti dan pemberitahuan yang berkaitan dengan hak seseorang atau sesuatu keadaan tertentu.⁴⁷
2. Kurangnya nilai kesaksian seseorang bukan disebabkan kurangnya kekuasaan kerana hakikat kesaksian ialah tergolong dalam bidang *Ikhbār*, bukannya *Wilāyah*.

⁴⁷ Hibah Rauf Izzat (1997), *op.cit.*, h. xxv.

1.4. Perbezaan Antara *Syahādah* Dan *Riwayah*⁴⁸

Bil	<i>Syahādah</i>	<i>Riwayah</i>
1	Disyaratkan bilangan	Tidak disyaratkan bilangan
2	Disyaratkan lelaki dalam hudud dan qisas	Tiada syarat lelaki sama sekali
3	Disyaratkan merdeka	Hamba pun boleh
4	Tidak diterima kesaksian antara progeni dan kenalan.	Diterima riwayat antara progeni.
5	Tidak diterima kesaksian atas kesaksian kecuali dengan keuzuran saksi asal.	Diterima riwayat perawi dari perawi dan seterusnya sebagaimana yang telah dimaklumi.

2. Hukum Kesaksian

Pada asalnya hukum menunaikan kesaksian ialah fardu kifayah.⁴⁹ Maksudnya sekiranya sesetengah mukallaf menunaikannya maka gugurlah kewajipan daripada orang lain.⁵⁰ Namun hukum tersebut berubah mengikut suasana semasa sebagaimana yang akan diterangkan dibawah ini;

2.1. *Wajib fardu ain* apabila seseorang telah menyaksikan sesuatu diminta memberikan kesaksiannya serta tidak harus menyembunyikannya. Firman Allah S.W.T;

⁴⁸ Zayn al-Dīn b. Ibrāhīm ibn Nujaym al-Ḥanafī (1983), *al-Asybāh wa al-Naṣā'ir*, Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 447.

⁴⁹ al-Mūṣili al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 139. Ibn Qudāmah Muqaddasiyy, Abū Muḥammad Muwaffaq al-Dīn ‘Abd Allāh (1982), *al-Kāfi fī Fiqh al-Imām al-Mujabbal Aḥmad bin Ḥanbal*, (taḥqīq: Muḥammad Zuhayr al-Sywāsi), j. 4, c. 3, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 519.

⁵⁰ Mansūr b. Yūnus b. Idrīs al-Buhūtī (1394H), *Kasisyāf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*, j. 6. Mekkah: (T.P), h. 399.

وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا

Maksudnya:

Janganlah saksi-saksi itu enggan apabila dipanggil.

Surah al-Baqarah (2); 282

- 2.2. *Wajib menunaikan kesaksian tanpa dituntut di dalam hak-hak Allah S.W.T seperti penyusuan, wakaf, melihat anak bulan Ramadan, zihar, Talaq Ba'in dan *Iylā*'.*
- 2.3. *Harus bagi saksi menyampaikan kesaksiannya atau menyembunyikannya seperti di dalam kes hudud. Namun menyembunyikannya lebih baik kerana ia sebahagian daripada hisbah.⁵¹ Sabda Nabi S.A.W:*

وَمَنْ سَرَّ مُسْلِمًا سَرَّهُ اللَّهُ يوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya:

Sesiapa yang menyembunyikan aib seseorang Islam nescaya Allah S.W.T menyembunyikan keaibannya di hari kiamat.⁵²

Walaupun begitu di dalam kes curi, hendaklah disampaikan kesaksian dengan mengatakan: '*Si fulan telah mengambil harta si fulan*' untuk mengembalikan hak pemilik barang yang dicuri dan tidak dikatakan '*si fulan telah mencuri*' kerana menjaga aib pencuri.⁵³

Manakala hukum mengadakan saksi-saksi di dalam semua jenis akad selain nikah dan rujuk seperti jual beli dan *mudāyanah* adalah sunat.⁵⁴

⁵¹ *Ibid. al-Muṣīlī al-Hanafī* (t.t), *op.cit.*

⁵² *Šaḥīḥ Buḫārī*. Bāb Lā Yażlim al-Muslim al-Muslim, no. hadis 2399.

⁵³ *al-Muṣīlī al-Hanafī* (t.t), *op.cit.*, h. 140.

⁵⁴ *Ibn Qudāmah Muqaddasīyy* (1982), *op.cit.*

Al-Buhūtī menjelaskan saksi hendaklah mampu menunaikan kesaksianya tanpa sesuatu mudarat akan menimpa badan, harta, ahli keluarga dan maruahnya hasil daripada kesaksian yang akan dikemukakan.⁵⁵ Selaras dengan sabda Nabi S.A.W:

لَا ضَرَرٌ وَلَا ضَرَارٌ

Maksudnya:

*Jangan melakukan kemudarat dan jangan melakukan tindakbalas dengan kemudarat juga.*⁵⁶

Hadis ini menegah daripada melakukan sesuatu yang dapat memudaratan diri sendiri sekalipun memberi manfaat kepada orang lain. Ini bermakna sekiranya terdapat ancaman pada diri saksi atau maka gugurlah tanggungjawabnya sebagai saksi.

Firman Allah S.W.T;

وَلَا يُضَارُّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ

Maksudnya:

Janganlah penulis dan saksi itu saling sulit menyulitkan

Surah al-Baqarah (2): 282

Berdasarkan hukum-hukum kesaksian di atas dapatlah difahami bahawa kesaksian merupakan satu amanah⁵⁷ yang mesti ditunaikan oleh mereka yang berkelayakan atau menyembunyikannya apabila perlu berbuat demikian baik lelaki maupun perempuan. Oleh sebab itu jugalah terdapat amaran kepada mereka yang tidak tampil ke hadapan untuk menunaikan kesaksian. Firman Allah S.W.T;

⁵⁵ al-Buhūtī (1394H), *op.cit.*, h. 400.

⁵⁶ Mālik b. Anas r.a (1985), *al-Muwaṭṭa'*, (ta'liq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī), j. 2. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 745. Kitāb al-Aqdīyah, Bāb al-Qaḍā' fī al-Mirfaq, no. hadis 31. *Masnād al-Imām Aḥmad*, j. 6. h. 429. no. hadis 22399.

⁵⁷ Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *op.cit.*

وَمَنْ أَظْلَمُ مِنْ كَتَمَ شَهَادَةً عِنْدَهُ مِنَ اللَّهِ

Maksudnya:

Maka siapakah yang lebih aniaya daripada mereka yang menyembunyikan kesaksianya dari Allah?

Surah al-Baqarah (2): 140

Bahkan semua manusia akan berdosa akibat keengganannya saksi-saksi yang layak mempersaksikan hak-hak yang dituntut. Firman Allah S.W.T;

وَلَا تَكُنُمُوا الشَّهَادَةَ وَمَنْ يَكُنْهَا فَإِنَّهُ أَثْمٌ قَلْبُهُ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

Maksudnya:

Dan janganlah kamu sembunyikan kesaksian. Barangsiapa menyembunyikannya maka berdosalah hatinya. Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Surah al-Baqarah(2): 283

Ini adalah kerana dengannya hak-hak dapat direalisasikan serta menjaminnya supaya dapat dinikmati oleh pemiliknya, di samping menjaga ummat daripada dipersiasiakan dan dizalimi.⁵⁸ Ibn ‘Abbās, Qatādah dan al-Rabi‘ menjelaskan sekiranya didapati saksi-saksi yang ada terhad bilangannya maka wajiblah saksi-saksi tersebut menyampaikan kesaksian sekalipun mereka adalah golongan hamba. Tuan milik hamba tersebut pula tidak harus mencegahnya dari menunaikan kesaksian.⁵⁹

Imam Syāfi‘ī turut mengulas ayat di atas dengan mengatakan saksi mesti menunaikan kesaksianya walaupun kepada ibu bapa, anak-anak dan kaum kerabat dekat atau jauh.

⁵⁸ Mustafa al-Bugha Muhyiddin Misto (Dr.)(1995), *op.cit.*, h. 379.

⁵⁹ al-Qurṭūbī (1988), *op.cit.*, h. 139

Dengan kata lain tidak boleh menyembunyikan dari seseorang pun, tidak boleh pilih kasih dan tidak boleh ditegah oleh orang lain.⁶⁰

Perlulah difahami bahawa dalam konteks pentaklifan kesaksian secara umum seperti yang tersebut di atas, ianya merangkumi wanita dan hamba kerana mereka juga termasuk di dalam golongan mukallaf yang memiliki *ahliyyah kāmilah*⁶¹ sehingga layak menunaikan fardu-fardu ibadah serta layak pula menerima hukuman yang sama seperti lelaki sekiranya melakukan jenayah. Tiada perbezaan pentaklifan sebagaimana zahir nas. Pengecualian wanita dan hamba dalam kes-kes tertentu hanya datang ketika membicarakan syarat-syarat menyampaikan kesaksian yang dihubungkaitkan dengan beberapa sebab.

3. Rukun Kesaksian

Rukun kesaksian terbahagi kepada 5 iaitu;⁶²

- | | |
|--|---------------------|
| 3.1. Saksi. | الشاهد |
| 3.2. Pihak yang diberikan kesaksian untuknya. (Plaintif) | مشهود له |
| 3.3. Pihak yang diberikan kesaksian ke atasnya.(Defendant) | مشهود عليه |
| 3.4. Perkara yang dipersaksikan.(Fakta) | مشهود به |
| 3.5. Lafaz kesaksian. | الصيغة/ لفظ الشهادة |

⁶⁰ Al-Muzani (1993), *Mukhtasar al-Muzani 'alā al-Umm li al-Imām Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi'i* dicetak bersama *Musnād al-Imām al-Syāfi'i wa Ikhṭilāf al-Hadīth*, (ta'liq oleh Maḥmūd Matrājī), j. 9. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 321.

⁶¹ *Ahliyyah kāmilah*: cukup kelayakan menurut perspektif Islam. Lihat Muḥammad Salām Madkūr (1955), *Al-Fiqh al-Islāmī*, j. 1, c. 2. Kaherah: Maktabah 'Abd Allāh Wahbah, h. 454.

⁶² al-Syarbīnī al-Khaṭīb (t.t), *op.cit.*, j. 4. h. 426.

4. Dalil-dalil Kesaksian.

Secara umumnya terdapat banyak dalil ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi S.A.W berkenaan kesaksian. Namun dalil-dalil al-Quran yang menyentuh kesaksian menurut kaedah keterangan secara khusus hanya ada 7 ayat serta diperkuat dan ditafsir pula oleh hadis - hadis Rasulullah S.A.W. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 282 surah al-Baqarah, ayat 6 dan 15 surah al-Nisā', ayat 4 dan ayat 6 hingga 9 surah al-Nūr, ayat 106 surah al-Mā'idah dan ayat 2 surah al-Ṭalāq. Di antara 7 ayat-ayat kesaksian tersebut, hanya satu ayat yang menyentuh secara langsung berkenaan kesaksian wanita iaitu ayat 282 surah al-Baqarah. Ayat inilah yang menjadi punca perselisihan pendapat para ulama tafsir dan *fugahā'* dalam menentukan kedudukan kesaksian wanita yang akan dibahaskan lebih lanjut. Manakala maksud kesaksian di dalam ayat 6 hingga 9 surah al-Nūr ialah perihal mengangkat sumpah (iaitu menjadikan Allah S.W.T sebagai saksi bagi diri-sendiri kerana situasi yang sangat darurat) untuk membersihkan diri dari sebarang tuduhan yang dibuat antara pasangan suami isteri. Berikut antara dalil-dalil disyariatkan kesaksian sebagai wasilah pembuktian di dalam Undang-undang Keterangan Islam.

4.1. Firman Allah S.W.T yang berbunyi;

وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ
وَامْرَأَانِ مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ

Maksudnya:

Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari kalangan lelaki kamu. Maka sekiranya tiada dua orang saksi lelaki, cukuplah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari kalangan saksi-saksi yang kamu redai.

Surah al-Baqarah(2): 282

Ayat ini memberi petunjuk berkenaan kaedah memilih saksi dan bilangan saksi yang layak dalam urusan *mudāyanah*. Para *fuqahā'* telah mengiaskan ayat ini kepada semua urusan mal (harta) dan apa yang berkaitan dengan harta. Penulis akan membincangkan nya secara terperinci di dalam fasal berikutnya.

4.2. FirmanNya lagi;

وَاللَّاتِي يَأْتِينَ الْفَاحِشَةَ مِنْ سَبَائِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوْا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِنْكُمْ

Maksudnya:

Orang-orang yang membuat pekerjaan yang keji (berzina) dari perempuan-perempuan kamu, maka persaksikanlah ke atas mereka empat orang dari kalangan kamu

Surah al-Nisā' (4): 15

Ayat ini adalah khusus berkenaan kesaksian yang lengkap untuk menyabitkan kes zina iaitu empat orang saksi lelaki.

4.3. Hadis Nabi S.A.W yang berbunyi;⁶³

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمَا، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِرَجُلٍ تَرَى الشَّمْسَ قَالَ: نَعَمْ قَالَ: عَلَى مِثْلِهَا فَاشْهَدْ، أَوْ دَعْ

Hadis ini menjelaskan bagaimana menyampaikan kesaksian dengan tepat dan benar iaitu setelah saksi melihat kes dengan nyata umpama melihat matahari.

⁶³ Telah ditakhrijkan di muka surat 91.

5. Kepentingan Kesaksian

- 5.1. Saksi yang memenuhi syarat adil dan *dābit* akan bersifat telus dan hanya mengatakan apa yang diyakini daripada apa yang dilihat dan didengar. Sekiranya saksi tersebut berasa ragu atau lupa, saksi yang adil tidak akan menyampaikan keterangannya.
- 5.2. Ikatan aqidah Islam pula akan mencegah seseorang saksi daripada berkata bohong atau menyelewengkan fakta dan tunduk kepada sebarang tekanan. Sebagaimana kata Syurayh, “.....kerana *aqal insan, agama dan ‘adālahnya akan mencegahnya daripada berdusta*”.⁶⁴ Inilah antara kepentingan asas iman kepada Allah S.W.T dan hari akhirat. Berkenaan kesaksian orang kafir yang diharuskan oleh sesetengah *fuqahā’* ianya adalah ketika darurat dan dalam kes yang ringan sahaja seperti wasiat dan sebagainya. Itu pun setelah dikenalpasti kejurumannya.
- 5.3. Kesaksian yang benar jauh dari kemungkinan ditipu atau dibuat helah sebagaimana yang boleh berlaku kepada qarinah atau teknologi-teknologi moden yang banyak terdapat pada hari ini. Fizikal dan *syakhsiyah* seseorang individu adalah berbeza antara satu sama lain dan tiada dua orang manusia yang benar-benar serupa seratus peratus. Teknologi-teknologi ciptaan manusia terdedah kepada ubah suai, penyamaran, penipuan dan tidak konsisten. Realiti semasa telah banyak membuktikan fakta tersebut. Beberapa contoh di bawah ini lebih menjelaskan lagi kenyataan di atas:

⁶⁴ al-Fakhr al-Rāzī (1995), *op.cit.*, j. 3. h. 94.

- a) Cop jari: Telah terbukti cop jari antara seorang dengan seorang yang lain tidak sama namun ianya masih terdedah kepada penipuan yang mana biasanya penjenayah akan berusaha mendapatkan cop jari seseorang untuk menfitnah individu tersebut dan melepaskan diri dari kesalahan yang akan dibuatnya.
- b) Rakaman video atau gambar foto: Pelbagai bentuk penipuan dapat dilakukan. Teknologi komputer yang berkembang pesat membolehkan pelbagai penyamaran atau ubahsuai dilakukan pada gambar-gambar untuk menfitnah seseorang.
- c) Rakaman pita suara: Wujud kesamaran dan suara yang serupa. Lebih-lebih lagi teknologi terkini yang mampu mengubah-suai nada suara seseorang. Oleh sebab itu pendapat sesetengah ulama yang menolak kesaksian orang buta adalah wajar.
- d) Dokumen: Terdedah kepada pemalsuan, paksaan tandatangan dan tulisan yang hampir sama atau boleh ditiru.

Sedangkan perkara sebegini tidak mungkin berlaku di dalam kesaksian yang memenuhi syarat kerana kesaksian yang berlandaskan aqidah tauhid bersifat tetap dan konsisten. Namun demikian peralatan moden itu tadi dapat dijadikan alat bantu pembuktian bagi menguatkan kesaksian saksi-saksi yang dipandang lemah.

5.4. Betapa pentingnya kesaksian sehingga Allah S.W.T juga telah menetapkan wasilah penyaksian sebagai alat pembuktian di mahkamah akhirat. Apa yang berbeza ialah di akhirat nanti saksi-saksi terdiri dari anggota badan manusia itu sendiri.

Firman Allah S.W.T;

وَيَوْمَ يُخْسِرُ أَعْنَاءَ اللَّهِ إِلَى النَّارِ فَهُمْ يُوزَعُونَ * حَتَّىٰ إِذَا مَا حَاءُوهَا
 شَهَدَ عَلَيْهِمْ سَعْيُهُمْ وَأَنْصَارُهُمْ وَجَلُودُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ * وَقَالُوا
 لَحْلُودُهُمْ لَمْ شَهِدُوكُمْ عَلَيْنَا أَنْطَقَنَا اللَّهُ الَّذِي أَنْطَقَ كُلُّ شَيْءٍ وَهُوَ
 حَلَقُكُمْ أَوَّلَ مَرَّةً وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ * وَمَا كُنْتُمْ تَسْتَرُونَ أَنْ يَشَهَدَ
 عَلَيْكُمْ سَعْيُكُمْ وَلَا أَنْصَارُكُمْ وَلَا جَلُودُكُمْ وَلَكِنْ ظَنَنتُمْ أَنَّ اللَّهَ لَا
 يَعْلَمُ كَثِيرًا مُّمَّا تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

Pada hari dikumpulkan musuh-musuh Allah (golongan kafir) ke dalam neraka, lalu mereka dihalau semuanya. Sehingga apabila mereka sampai di sana; penglihatan, pendengaran dan kulit mereka telah menjadi saksi terhadap apa yang mereka kerjakan. Mereka berkata kepada kulitnya: Mengapa kamu menjadi saksi ke atas perbuatan kita? Sahut kulit itu: Allah telah memperbolehkan kami berkata-kata sebagaimana Dia memberi kepadanya bercakap kepada setiap sesuatu serta Dia yang telah menciptakan kamu dan kepadanya kamu dikembalikan. Kamu tidak dapat menutupi dirimu (tatkala melakukan dosa), dari persaksian pendengaran, penglihatan dan kulit-kulitmu terhadapmu, bahkan kamu menyangka, bahawa Allah tidak mengetahui kebanyakan dari apa yang kamu lakukan.

Surah Fussilat (41): 19-22

Selain dari itu, para malaikat, nabi dan rasul juga akan mempersaksikan risalah yang telah disampaikan kepada ummat masing-masing.⁶⁵ Oleh itu di akhirat tiada lagi ikrar, tiada lagi *qarinh* dan pelbagai bahan pembuktian yang wujud di dunia hari ini selain kesaksian. Hakikatnya, sebesar-besarnya saksi di akhirat ialah zat Allah S.W.T itu sendiri sebagaimana firmanNya;

قُلْ أَئِي شَيْءٌ أَكْبَرُ شَهَادَةً قُلِ اللَّهُ شَهِيدٌ بِنِي وَبِنِتِكُمْ

Maksudnya:

Katakanlah: Apakah saksi yang lebih besar lagi? Katakanlah: Allah yang menjadi saksi antara aku dan kamu

Surah al-An'am (6): 19

⁶⁵ Lihat Surah al-An'am (6): 19.

Bersetujuan dengan sifatNya Yang Maha Adil serta Maha Bijaksana, maka kaedah kesaksian digunakan bagi menzahirkan keadilanNya dalam memutuskan hukuman kepada hamba-hambaNya. Sekaligus menafikan sifat terburu-buru dan membuta tuli dalam membuat keputusan.

5.5. Kesaksian seolah-olah hakim itu sendiri kerana apabila sesuatu fakta yang berupa pernyataan berkenaan hak-hak seseorang telah dijelaskan oleh saksi adil, secara tidak langsung ianya telah mendedahkan hal sebenar yang tidak dapat tidak mestilah diputuskan dengannya. Berbeza dengan wasilah pembuktian lain seperti sumpah dan qarinah yang agak lemah kerana masih mengandungi kesamaran yang mesti diselidiki lebih teliti.

6. Hikmah Disyariatkan Kesaksian

- 6.1. Menjamin keadilan dalam memutuskan pertikaian yang berlaku sesama insan.
- 6.2. Sebagai salah satu kaedah keterangan yang kukuh bagi memastikan kebenaran fakta yang tidak diketahui oleh pihak hakim.
- 6.3. Mengelakkan manusia daripada membuat tuduhan sesuka hati tanpa mengemukakan bukti.
- 6.4. Salah satu kaedah penetapan dan pengukuhan hak-hak sebagai persediaan menghadapi kemungkinan timbul masalah tuntutan hak.
- 6.5. Memberi keamanan dan ketenangan kepada empunya hak yang sebenar.

7. Syarat-syarat Kesaksian

Umumnya *fiqahā'* sering membezakan antara kelayakan menerima dan kelayakan menyampaikan. Syarat-syarat penerimaan adalah umum bagi saksi lelaki dan wanita. Hanya di dalam syarat penyampaian terdapat perbezaan antara saksi lelaki dan wanita iaitu pada bilangan dan kes kesaksian mereka. Oleh sebab itu ia seolah-olah bermaksud seseorang yang layak menyaksikan sesuatu belum tentu layak menyampaikan kesaksiannya.⁶⁶

7.1. Syarat-syarat Penerimaan

Maksud menerima kesaksian ialah keupayaan memahami peristiwa yang sedang berlaku serta mengingatinya sama ada melalui penglihatan atau pendengaran.⁶⁷

7.1.1. Berakal.

Oleh itu tidak harus diterima kesaksian orang gila dan kanak-kanak yang tidak mampu berfikir dengan matang kerana mereka dianggap tidak memiliki keupayaan untuk memahami sesuatu daripada apa yang dilihat dan didengar serta menyimpan data-data tersebut sehingga ia diperlukan di dalam proses penyampaian kesaksian.

7.1.2. *Musyāhadah*

Ianya boleh diperolehi dengan mengumpul dua kaedah serentak iaitu melalui pendengaran bersama penglihatan saksi itu sendiri.⁶⁸

⁶⁶ Mohd Daud Bakar (Dr.), *op.cit.*, h. 4.

⁶⁷ Wahbah al-Zuhayli (Dr.)(1989), *op.cit.*, h. 558.

⁶⁸ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 7. h. 149. al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 128.

Oleh itu tidak harus menerima kesaksian orang buta kerana terdapat suara yang hampir sama antara satu sama lain.⁶⁹

7.2. Syarat-syarat Penyampaian

Maksud menyampaikan kesaksian ialah keupayaan memberitahu perkara yang telah disaksikan (iaitu pengetahuan)⁷⁰ di hadapan hakim dengan jujur dan benar. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu syarat-syarat am dan syarat-syarat khusus.

7.2.1. Syarat-syarat Am

7.2.1.1. Berakal dan baligh.

Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Baqarah ayat 282;

وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ

Umumnya *fujahā'* dan ulama tafsir mendefinisikan perkataan '*rijāl*' kepada maksud lelaki, Islam, mukallaf dan merdeka. Oleh sebab itu secara automatik golongan kafir, kanak-kanak dan hamba ditolak kesaksian mereka kerana kata-kata mereka ke atas diri mereka sendiri tidak diterima, maka ke atas orang lain lebih utama untuk ditolak.⁷¹

⁶⁹ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.* al-Muzani (1993), *op.cit.*, h. 321.

⁷⁰ al-'Ayni (1990), *op.cit.*

⁷¹ Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *op.cit.*, h. 520.

Berlandaskan tafsiran tersebut, Imam Syāfi'i menolak pendapat yang mengharuskan kesaksian kanak-kanak walaupun dalam kes melukakan selagi mereka tidak berpisah kerana Ibn al-Zubayr dan Ibn 'Abbās turut menolaknya.⁷² Namun sekiranya kanak-kanak itu telah baligh maka diterima kesaksian mereka.⁷³ Imam Malik menerima kesaksian kanak-kanak dalam kes melukakan sesama mereka selagi mereka belum berpisah. Oleh itu tidak harus kesaksian mereka ke atas selain kanak-kanak, selain kes melukakan dan setelah mereka berpisah kecuali kesaksian mereka sempat diambil oleh saksi-saksi adil sebelum mereka berpisah. Pendapat ini berdasarkan amalan 'Abd Allāh bin al-Zubayr r.a yang pernah menghakimi kes dengan kesaksian kanak-kanak sesama mereka dalam kes melukakan.⁷⁴ Manakala Imam Hanbali mensyaratkan kanak-kanak tersebut berusia 10 tahun serta berakal kerana mereka sudah boleh dipukul sekiranya meninggalkan solat, oleh itu mereka seperti baligh juga.⁷⁵

7.2.1.2. *Dābiṭ*

Maksudnya ialah baik pendengaran, faham dan kuat ingatan terhadap sesuatu.⁷⁶ Oleh itu tidak diterima kesaksian seseorang yang dikenali pelupa, banyak tersalah dan lalai kerana tiada lagi *thiqah* pada kata-katanya.⁷⁷

⁷² al-Muzani (1993), *op.cit.*, h. 322.

⁷³ *Ibid.*, h. 328. al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, h. 87. Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *al-Mudawwanah al-Kubrā*, (Riwayat al-Imām Sahnūn b. Sa'id al-Tanūkhī daripada al-Imām 'Abd al-Rahmān b. Qāsim), j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 20.

⁷⁴ Mālik b. Anas r.a (1985), *al-Muwatta'*, h. 426.

⁷⁵ Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *op.cit.*, h. 521.

⁷⁶ al-'Aynī (1990), *op.cit.*

⁷⁷ Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *op.cit.* al-Muzani (1993), *op.cit.*, h. 327.

7.2.1.3. Merdeka.

Syarat ini dibincangkan oleh para ulama salaf seperti keempat-empat imam mazhab⁷⁸ dan lain-lain kerana pada masa tersebut amalan perhambaan masih wujud. Syarat ini tidak relevan lagi untuk dibincangkan menurut suasana kehidupan kita sekarang memandangkan hamba sudah tidak wujud dan tidak akan wujud lagi selepas ini. Perkara ini terjadi setelah sistem perhambaan dihapuskan oleh syariat Islam secara halus dan berperingkat. Oleh itu semua manusia yang ada hari ini adalah merdeka tanpa mengira iklim bangsa, warna kulit dan bahasa.

7.2.1.4. Islam

Oleh itu kesaksian orang kafir tidak diterima kerana mereka tidak tergolong sebagai orang yang adil, diredaya dan bukan dari kalangan muslimin. Adapun kesaksian ahli kitab diterima pada kes wasiat semasa musafir berdasarkan ayat 106 al-Mā'idayah kerana darurat iaitu sekiranya tiada orang lain selain mereka sahaja.⁷⁹ Kesaksian mereka ditolak berdasarkan maksud perkataan *rijāl* yang diterima umum dari ayat 282 al-Baqarah. Berdasarkan logik, kiranya kesaksian muslim yang dikenali sebagai pendusta tidak diterima, bagaimana kesaksian orang kafir yang mendustakan Allah S.W.T boleh diterima?⁸⁰ Namun sekiranya mereka telah memeluk Islam semasa menyampaikan kesaksian maka diterima kesaksian mereka.⁸¹

⁷⁸ *Ibid.*

⁷⁹ Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *op.cit.*

⁸⁰ al-Muzāni (1993), *op.cit.*, h. 322.

⁸¹ *Ibid.*, h. 328. al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, h. 87.

7.2.1.5. Melihat

Imam Syāfi'i berpendapat kesaksian seseorang yang telah menyaksikan sesuatu dengan melihat dan mendengarnya sendiri serta mengetahui nasab seseorang yang disaksikan, kemudian dia menjadi buta maka harus diterima kesaksiannya.⁸² Beliau telah menolak syarat melihat dalam penyampaian dengan alasan sekiranya kesaksian orang yang melihat ke atas orang yang ghaib (tiada) atau orang mati boleh diterima, jadi tiada sebab menolak kesaksian orang yang menjadi buta selepas menyaksikan sesuatu kerana keadaannya adalah sama sahaja iaitu mereka sama-sama tidak dapat menentukan orang yang disaksikan semasa prosiding kehakiman dijalankan.⁸³

7.2.1.6. Bercakap

Oleh itu tidak diterima kesaksian dengan isyarat orang bisu kerana terdapat syubhat padanya seperti isyarat orang bercakap. Kesaksian mereka diterima di dalam kes yang khusus terjadi pada mereka kerana darurat.⁸⁴ Dewasa ini dengan wujudnya keselarasan dalam bahasa isyarat diperingkat internasional yang boleh difahami membolehkan ianya diterima sebagai keterangan di mahkamah sama seperti keterangan lisan. Kaedah fiqh menyatakan: '*Isyarat-isyarat Orang Bisu Yang Difahami Seperti Keterangan Lisan*'.⁸⁵

⁸² *Ibid.*, h. 86 dan 149.

⁸³ *Ibid.*, dan h. 150. al-Muzani (1993), *op.cit.*, h. 321.

⁸⁴ Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *op.cit.*

⁸⁵ Sila lihat Kaedah 19, Bab Satu.

7.2.1.7. 'Adālah

Iaitu mengamalkan kewajipan agama, meninggalkan segala yang diharamkan, tidak melakukan dosa-dosa kecil secara berterusan serta menjaga maruah. Ibn al-Hājib al-Mālikī menambah syarat menunaikan amanah dan baik pergaulan.⁸⁶ Oleh itu kesaksian orang fasik tidak diterima berdasarkan firman Allah S.W.T;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ حَمَاءَكُمْ فَاسِقُ بَنِيٌّ فَبَيْتُنَا أَنْ تُصِيبُوكُمْ فَوْمًا بِجَهَالَةٍ
فَتَصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya;

Wahai orang-orang yang beriman, sekiranya datang kepadamu orang-orang fasik membawa berita, maka hendaklah kamu minta keterangan (dibimbangi) kamu menghukum sesuatu kaum dengan kejahilan, kemudian kamu akan menyesal dengan perbuatanmu itu.

Surah al-Hujurāt (49): 6

Adalah lebih mudah menilai peribadi seseorang dengan melihat zahir mereka. Sekiranya pada zahirnya amalan baik mengatasi amalan jahat atau maksiat serta mempunyai maruah maka diterima kesaksiannya. Ini adalah kerana tiada manusia yang taat serta mempunyai maruah yang tidak melakukan dosa, begitu jualah sebaliknya. Oleh itu sekiranya perbuatan munkar seseorang mengatasai amalan baiknya serta tidak menjaga maruah maka ditolak kesaksiannya.⁸⁷ Sekiranya seseorang muslim yang mukallaf berpura-pura menjadi baik untuk jangkamasa yang singkat supaya orang menilai kesaksiannya layak diterima maka kesaksiannya juga harus ditolak.

⁸⁶ Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Yūsuf b. Abī al-Qāsim al-'Abdārī al-Mawāq (1992), *al-Tāj wa al-Iklīl li Mukhtaṣar Khalīl*, (dicetak bersama *Kitāb Mawāhib al-Jalīl li Syarḥ Mukhtaṣar Khalīl*), j. 6, c. 3. (T.T.P): Dār al-Fikr, h. 150.

⁸⁷ al-Muzani (1993), *op.cit.*, h. 327.

Ini adalah kerana sebahagian daripada syarat ialah seseorang itu tidak menipu dalam amalannya.⁸⁸

Maksud bermaruah pula ialah seseorang tidak melakukan perkara harus yang boleh merendahkan keperibadiannya dan patut dicela mengikut ‘uruf’ seperti menyanyi, menari, menjulurkan kakinya di khalayak ramai dan sebagainya kerana orang yang tidak mempunyai maruah dianggap tidak aman daripada melakukan pembohongan.⁸⁹ Sabda Nabi S.A.W;

إِذَا لَمْ تَسْتَحْيِ فَاصْنَعْ مَا شَاءْ

Maksudnya;

Sekiranya kamu tidak malu, maka lakukanlah apa yang kamu suka.⁹⁰

Maksud hadis ini ialah sifat malu dapat mencegah seseorang daripada melakukan keburukan atau perkara yang boleh merendahkan keperibadiannya. Masih terdapat perincian mengenai amalan baik dan maksiat untuk menentukan tahap ‘adālah’ dan maruah seseorang saksi.⁹¹ Apa yang disebut di sini hanyalah ‘adālah secara umum yang disepakati para *fuqahā*’.

⁸⁸ *Ibid.*, h. 328. al-Imām al-Syāfi‘ī (1993), *op.cit.*, h. 88.

⁸⁹ Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *op.cit.*, h. 523. Lihat juga al-Haṭṭāb (1992), *op.cit.*, h. 152 – 153.

⁹⁰ *Sahīh Bukhārī*, j. 15. h. 131. Bāb Hadīth al-Ghār. no. hadis 3408 & 3409. j. 9. h. 123. Bāb Idhā lam Tastāḥī Faṣna‘ Mā Syi‘ta. no. hadis 5978.

⁹¹ Sila lihat al-Muzānī (1993), *op.cit.*, h. 327 – 328. Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *al-Mudawwanah al-Kubrā*, h. 19. Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *op.cit.*, h. 523–528.

7.2.1.8. Tiada tohmahan.

Iaitu tiada sebarang bentuk kepentingan antara saksi dengan pihak yang di dakwa sama ada berbentuk material atau bukan material seperti hubungan nasab,⁹² permusuhan dan lain-lain. Sabda Nabi S.A.W:

أَنْ رَسُولَ اللَّهِ رَدَ شَهَادَةَ الْخَائِنِ وَالْخَانِثِ، وَذِي الْغَمَرِ عَلَى أَخِيهِ، وَرَدَ
شَهَادَةَ الْقَاطِعِ لِأَهْلِ الْبَيْتِ، وَأَحْجَازَهَا عَلَى غَيْرِهِمْ

Maksudnya:

Bahawa Rasulullah S.A.W telah menolak kesaksian pengkhianat lelaki dan pengkhianat perempuan, yang mempunyai hasad dengki kepada saudaranya dan menolak kesaksian al-qāni'⁹³ bagi ahli keluarga serta mengharuskannya ke atas selain mereka.⁹⁴

Hadis ini menunjukkan bahawa tidak harus bagi seseorang yang mempunyai niat jahat atau hasad dengki menjadi saksi. Manakala permusuhan yang ditegah ialah yang bersifat duniawi seperti kerana harta, pangkat dan lain-lain.⁹⁵

7.2.2. Syarat-syarat Khusus

Syarat-syarat khusus ialah berkenaan jantina saksi serta bilangan yang mana terdapat banyak ikhtilaf *fiqhahā'* dalam menentukan perkara tersebut terutama menyentuh kedudukan wanita sebagai saksi dalam Undang-undang Keterangan Islam.

⁹² Lihat huraian al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, h. 86- 87.

⁹³ *al-Qāni'* ialah orang yang ditanggung nafkahnya oleh orang lain seperti khadam. Lihat *ibid.*, h. 87.

⁹⁴ *Masnād al- Imām Aḥmad*, j. 2. h. 412. no. hadis 6880 & h. 447. no. hadis 7082. *Sunan Abī Dāwūd*. j. 3. h. 306. *Kitāb al-Qaḍā'*, Bāb Man Turaddu Syahādatuh, no. hadis 3601.

⁹⁵ al-Hāfiṭh (1992), *op.cit.*, h. 160.

Oleh kerana tulisan ini menjurus kepada kedudukan kesaksian wanita maka penulis akan membahaskannya secara khusus di bawah Fasal II. Setelah keseluruhan syarat-syarat kesaksian dipenuhi maka wajib bagi hakim menjatuhkan hukuman berdasarkan kesaksian tersebut tanpa syak dan ragu-ragu. Sebelum perbahasan Fasal II dilanjutkan, penulis ingin menyinggung faktor penting dan utama yang menjadi punca perselisihan para ulama berhubung kesaksian wanita.

8. 'Illah Kesaksian Wanita Menurut Ayat 282, Surah al-Baqarah⁹⁶

Perselisihan para ulama dan *fiqahā'* berkenaan kedudukan kesaksian wanita di dalam kes selain harta berpunca dari ayat 282 al-Baqarah. Ayat tersebut merupakan ayat terpanjang di dalam al-Quran.⁹⁷ Menurut Ibn Khuwayz Mindād, ayat ini mengandungi 30 hukum.⁹⁸ Antaranya ialah berkenaan kesaksian dalam urusan muamalat. Firman Allah S.W.T:

وَاسْتَهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ
مِنْ نِرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضْلِلُ إِحْدَاهُمَا فَتَذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى

Maksudnya;

Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari kalangan lelaki kamu. Maka sekiranya tiada dua orang saksi lelaki, cukuplah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari kalangan saksi-saksi yang kamu redhai, supaya jika salah seorang terlupa maka yang seorang lagi boleh mengingatkan.

Surah al-Baqarah (2): 282

⁹⁶ Sila lihat Mohd Daud Bakar (Dr), *op.cit.*

⁹⁷ Wahbah al-Zuhayli (Prof. Dr) (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fi al-'Aqīdah wa al-Syā'i'ah wa al-Manhāj*, j. 3. Beirut: Dār al-Fikr Mu'āfir, h. 107.

⁹⁸ al-Qurtubī (1988), *op.cit.*, h. 243.

8.1. Tafsiran Umum

Secara umumnya, para ulama tafsir berpendapat bahawa kesaksian dua orang wanita menyamai kesaksian seorang lelaki.⁹⁹ Ayat ini juga menjadi satu-satunya petunjuk bahawa nisbah bilangan wanita yang tidak sama dengan bilangan saksi lelaki apabila mahu menjadikan mereka sebagai saksi dalam kes-kes tertentu. Secara tidak langsung ia memberi gambaran bahawa nilai kesaksian wanita kurang daripada nilai kesaksian lelaki serta menjadi petunjuk lelaki mempunyai kelebihan ke atas kaum wanita.¹⁰⁰ Mereka juga telah merujuk kepada sebuah hadis yang berbunyi;

قال: أَلَيْسَ شَهَادَةُ الْمَرْأَةِ مِثْلُ نِصْفِ شَهَادَةِ الرَّجُلِ؟ قَالَ: بَلَى. قَالَ: فَذَلِكَ مِنْ نُقْصَانٍ عَقْلِهَا لَلَّيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُحَصَّلْ وَلَمْ تَعْصُمْ؟ قَالَ: بَلَى. قَالَ: فَذَلِكَ مِنْ نُقْصَانٍ دِينِهَا.

Maksudnya;

Berkata Rasulullah S.A.W: *Bukankah kesaksian seorang wanita menyamai setengah kesaksian seorang lelaki? Mereka berkata: Bahkan. Baginda S.A.W bersabda: Maka itulah yang (menunjukkan) kurang akalnya. Bukankah apabila wanita sedang haid, dia tidak solat dan tidak berpuasa? Mereka berkata: Bahkan. Sabda Rasulullah S.A.W: Maka itulah yang menunjukkan kurang agamanya.*¹⁰¹

⁹⁹ *Ibid.*, h. 257. al-Syawkānī (1992), *op.cit.*, j. 1. h. 333. Muḥammad Rasyīd Rīḍā (1999), *Tafsīr al-Manār*, j. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 104.

¹⁰⁰ Abī Ḥayyān al-Andalūṣī al-Gharnāṭī (1992), *op.cit.*, j. 2. h. 734. al-Syawkānī (1992), *op.cit.*, h. 334. Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī (t.t), *Tafsīr al- al-Marāghī*, j. 1: Juzu' 3. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabi, h. 75.

¹⁰¹ *Sahīh Bukhārī*. Bāb Tārk al-Hā'iḍ al-Šawm. no. hadis 302. Bāb Syahādah al-Nisā'. no. hadis 2606. *Sahīh Muslim*, j. 2. h. 56. Bāb Bayān Nuqṣān al-Imān bi Naqṣ al-Ṭā'at wa Bayān... no. hadis 203.

Sebab utama disyaratkan bilangan dua orang saksi wanita telah dijelaskan pada potongan ayat yang berbunyi ‘*supaya jika salah seorang terlupa maka yang seorang lagi boleh mengingatkan*’.¹⁰² Manakala hadis di atas menjelaskan lagi sebab dua orang wanita mengambil tempat seorang lelaki iaitu kerana kurang akalnya.¹⁰³ Secara tidak langsung hadis ini selari dengan maksud ayat sebelum ini dalam memberi pengertian dua orang wanita sama tahapnya dengan seorang lelaki dalam hal kesaksian.¹⁰⁴ Intipati yang masih dipertikaikan ialah adakah ia hanya khusus untuk kes mal sahaja atau relevan dikiaskan kepada kes selain mal?

Pada pemerhatian penulis, maksud *naqṣ al-‘aql* yang disabdakan oleh Nabi S.A.W adalah lebih luas dari pengertian lemah ingatan dalam ayat 282 al-Baqarah. Ia merangkumi faktor fitrah kejadian wanita secara fisiologi dan psikologi. Dalam kes ayat 282 ini didapati pelbagai faktor yang menyumbang ke arah berlakunya *al-dalāl*. Sebahagian *mufassirin* menginterpretasi ayat di atas seperti berikut;

1. Al-Marāghi, al-Syahid Sayyid Quṭb, Prof. Dr. Yusuf Qaradawi, Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli, Dr. Muṣṭafā al-Sibā‘ī dan Prof. Dr. Hamka telah mengaitkan dengan faktor sosial. Tafsiran mereka ialah wanita lebih sibuk serta mengambil berat terhadap urusan rumahtangga dan pendidikan anak-anak. Secara tidak langsung mereka kurang berinteraksi dengan hal ehwal transaksi, kewangan dan sebagainya dari urusan muamalat.

¹⁰² Sa’id Hawwā (1999), *al-Asās fi al-Tafsīr*, j. 1. c. 5. Kaherah: Dār al-Salām, h. 661.

¹⁰³ Ibn Kathīr (1996), *op.cit*, h. 294.

¹⁰⁴ al-Jaṣṣāṣ (1994), *op.cit*, h. 621.

Oleh sebab itu ilmu, ingatan dan pengalaman mereka terhadap urusan kewangan menjadi kurang mantap berbanding kaum lelaki yang sememangnya berurusan dengan kewangan setiap hari.¹⁰⁵ Berbeza dengan urusan rumah tangga dan anak-anak yang mana ingatan kaum wanita lebih kuat sementara lelaki pula adalah sebaliknya. Ini menunjukkan bahawa sifat mudah lupa bukanlah menjadi tabiat wanita. Ia hanya dipengaruhi oleh pengalaman dan kemahiran seseorang dalam bidang-bidang tertentu.

2. Abū Ḥayyān, al-Rāzī, al-Alūsī dan al-Syahīd Sayyid Quṭb memberi pendapat berdasarkan saintifik iaitu kelemahan akal wanita adalah disebabkan faktor kejadian secara biologi dan fisiologi yang sangat berbeza dengan kaum lelaki.¹⁰⁶ Menurut Abū Ḥayyān, al-Rāzī dan al-Alūsī otak wanita lebih sejuk dan lembab.¹⁰⁷ Muḥammad al-Ghazālī juga tidak menolak perubahan keadaan fisiologi dan mental wanita setiap kali didatangi haid memberi kesan kepada daya pemikiran dan emosi wanita.¹⁰⁸

¹⁰⁵ al-Marāghī (t.t), *op.cit.* Sayyid Quṭb (1992), *op.cit.*, h. 335 – 336. Yūsuf al-Qaradāwī (Prof. Dr) (2000), *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*, h. 485. Wahbah al-Zuhaylī (Prof. Dr) (1991), *al-Tafsīr al-Munīr*, h. 110 - 111. Mustafā al-Sibā'i (Dr.) (1975), *al-Mar'ah bayna al-Fiqh wa al-Qānūn*, c. 4. Beirut-Dimasyq: al-Maktab al-Islāmiy, h. 31-33. HAMKA (Prof. Dr.) (1982), *Tafsīr al-Azhar*, j. 3. h. 83.

¹⁰⁶ al-Fakhr al-Rāzī (1995), *op.cit.*, j. 3., h. 95. Sayyid Quṭb (1992), *op.cit.*, j. 1. h. 336. Abī Ḥayyān al-Andalūsī al-Gharnātī (1992), *op.cit.* Abū al-Fadl Syihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī al-Baghdādī (t.t), *Rūh al-Ma'āni fi Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm wa al-Sab' al-Mathānī*, j. 3. (T.T.P): Dār al-Fikr, h. 95.

¹⁰⁷ al-Alūsī al-Baghdādī (t.t), *op.cit.* Abī Ḥayyān al-Andalūsī al-Gharnātī (1992), *op.cit.* al-Fakhr al-Rāzī (1995), *op.cit.*

¹⁰⁸ Muḥammad al-Ghazālī (1989), *al-Sunnah al-Nabawiyah bayna Ahl al-Fiqh wa Ahl al-Hadīth*, Beirut: Dār al-Syurūq, h. 58. Pandangan beliau secara peribadi terhadap persoalan wanita semasa merangkumi segala bidang kehidupan telah dikumpulkan dan disusun dalam disertasi sarjana pelajar UKM. Sila lihat Azyyati Binti Mohd Nazim (2000), "Pemikiran Muḥammad al-Ghazālī Terhadap Persoalan Wanita Semasa" (Disertasi Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

3. Wanita juga dikatakan mudah dipengaruhi emosi. Fenomena tabiat ini berlaku kepada semua wanita tanpa kecuali.¹⁰⁹ Faktor psikologi ini menuntut dua orang saksi wanita supaya mereka dapat mengimbangi antara satu sama lain.¹¹⁰
4. Kesaksian wanita diterima tanpa sokongan lelaki dalam hal ehwal kewanitaan seperti kelahiran, susuan, haid, nifas dan sebagainya kerana kes-kes seperti ini tidak memerlukan kepada akal pemikiran yang sempurna.¹¹¹
5. Kaum wanita juga digambarkan sebagai golongan yang tidak sanggup melihat kes-kes jenayah atau sebarang bentuk keganasan disebabkan faktor-faktor psikologinya yang mana akibatnya mereka tidak dapat memberitahu dengan jelas dan tepat. Ia juga dapat mengelakkan mereka daripada terdedah kepada bahaya dan dari peristiwa yang dapat menyentuh perasaan mereka.¹¹²

Sekiranya diteliti, kelima-lima hujjah di atas merupakan manifestasi kepada maksud *naqṣ al-‘aql* iaitu kurangnya akal wanita. Sama ada ianya dikaitkan dengan faktor biologi, psikologi maupun sosial namun ia tetap mengandungi korelasi makna yang sama antara satu sama lain. Oleh itu dapat dikatakan objektif disyaratkan penambahan bilangan pada saksi wanita ialah untuk menampung kekurangan akal

¹⁰⁹ Sayyid Qutb (1992), *op.cit.*

¹¹⁰ Afzalur Rahman (1994), *op.cit.*, h. 588.

¹¹¹ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 116-117.

¹¹² Yūsuf al-Qaraḍāwī (Prof. Dr) (2000), *op.cit.*, h. 486.

mereka.¹¹³ Selain daripada itu, kesaksian wanita juga dikatakan diterima di dalam urusan muamalat dan tidak di dalam kes jenayah dan hal-ehwal kekeluargaan seperti nikah, cerai, talak dan sebagainya kerana urusan hutang piutang, jual beli dan sebagainya terlalu kerap berlaku di dalam masyarakat.¹¹⁴ Implikasi daripada transaksi juga tidaklah terlalu berat berbanding kes-kes jenayah dan kes kekeluargaan. Maksudnya tetap sama seperti hujjah-hujjah yang dikemukakan sebelum ini iaitu wujud keraguan terhadap kesaksian wanita atau kurang dipercayai di dalam kes yang melibatkan doktrin balasan yang agak berat yang mana akan merencatkan prosiding kehakiman yang adil.¹¹⁵

Dr. Wahbah al-Zuhayli berpendapat kesaksian wanita ditolak dalam kes zina sebagai memuliakan mereka kerana zina adalah perbuatan buruk dan hina.¹¹⁶ Muhammad Rasyid Ridā di dalam tafsirnya telah merumuskan dengan menyatakan:

'Sebab yang sahih ialah: bukanlah dari urusan wanita yang sentiasa sibuk dengan muamalat *māliyyah* atau seumpamanya dari urusan perdagangan. Oleh sebab itu ingatan mereka padanya menjadi lemah, sedangkan ia tidak berlaku dalam urusan rumah tangga yang mana mereka sentiasa sibuk dengannya. Ingatan mereka dalam hal tersebut lebih kuat dari lelaki. Maksudnya ialah menjadi tabiat insan sama ada lelaki mau pun perempuan akan kuat ingatan mereka bagi urusan yang penting bagi mereka serta banyak berurusan dengannya. Tidak dinafikan kesibukan sebahagian wanita pada hari ini dengan urusan *māliyyah* namun ianya adalah sedikit serta tidak boleh bergantung dengannya. Hukum-hakam am dibina di atas keadaan majoriti dan yang asal padanya'¹¹⁷

¹¹³ al-Dahlawi (1995), *op.cit.*, h. 305.

¹¹⁴ al-Qurtubī (1988), *op.cit.*, h. 252. al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 127.

¹¹⁵ Wahbah al-Zuhayli (Prof. Dr) (1991), *al-Tafsīr al-Munīr*, h. 110. Muhammad Rasyid Ridā (1999), *op.cit.*

¹¹⁶ Wahbah al-Zuhayli (Prof. Dr) (1991), *al-Tafsīr al-Munīr*, j. 6, h. 48.

¹¹⁷ Muhammad Rasyid Ridā (1999), *op.cit.*, h. 105.

Terdapat juga pendapat yang mengatakan syarat wanita dan bilangan di dalam ayat 282 khusus untuk urusan kewangan sahaja dan tidak boleh dikiaskan kepada ayat-ayat kesaksian yang lain yang lebih bersifat umum pada lafaz *syuhadā'* dan *minkum*. Oleh sebab itu tiada alasan menafikan hak-hak wanita untuk menjadi saksi dalam apa jua kes. Begitu juga dengan bilangan wanita yang harus diterima sama seperti saksi lelaki. Hujjah pandangan-pandangan ini akan diperincikan di dalam fasal seterusnya.

Percanggahan pendapat yang agak ketara ini memerlukan pandangan dan perbahasan dari sudut Usul Fiqh kerana ia dikaitkan secara langsung dengan teori kias. Kalau begitu apakah '*illah* kesaksian wanita yang sebenar menurut dimensi Usul Fiqh? Apakah tabiat lupa yang dikaitkan dengan kurangnya akal atau pada sifat mengingatkan? Sebenarnya ayat 282 tersebut belum lagi memenuhi syarat '*illah* sebagaimana yang digariskan oleh ulama Usul Fiqh kerana sifatnya yang tidak jelas dan konsisten.¹¹⁸

8.2. Tafsiran Khusus

Berdasarkan potongan ayat yang bermaksud '*supaya jika salah seorang terlupa maka yang seorang lagi boleh mengingatkan*', jumlah *mufassirin* dan *fugahā'* menyatakan bahawa '*illah* kesaksian dua orang wanita di dalam ayat ini ialah *al-tadhkir* iaitu untuk memperingatkan antara satu sama lain dan bukannya pada sifat lupa.¹¹⁹

¹¹⁸ Mohd Daud Bakar (Dr.), *op.cit.*, h. 13.

¹¹⁹ Sila lihat antaranya Ibn Jarīr al-Tabārī (1995), *op.cit.*, h. 169. Abī Ḥayyān al-Andalūsī al-Gharnāṭī (1992), *op.cit.*, h. 733. al-Syawkānī (1992), *op.cit.* Wahbah al-Zuhaylī (Prof. Dr) (1991), *al-Tafsīr al-Munīr*, h. 105, 110. al-Jalālayn (t.t), *op.cit.*, h. 62. Muḥammad ‘Alī al-Šabūnī (1981), *Sofwah al-Tafsīr*, j. 1, c. 4. Beirut: Dār al-Qur’ān al-Karīm, h. 178. Sayyid Qutb (1992), *op.cit.*, h. 335.

Pendapat ini lebih menepati dengan konsep ‘*illah* kerana *al-tadhkīr* adalah satu sifat yang nyata dan konsisten sama ada ketika lupa atau ketika ingat.¹²⁰ Justeru itu, *al-tadhkīr* disebut pada konsep kesaksian wanita kerana lazimnya sebahagian mereka lemah ingatan berbanding lelaki.¹²¹ Sedangkan kelemahan itu bukanlah wujud atau bersifat tetap pada setiap wanita. Sekiranya kita mahu mengatakan tabiat wanita pelupa atau mudah lupa, maka tiada faedah disyaratkan dua orang, tiga orang atau lebih pada kesaksian mereka kerana tiada antara mereka yang akan ingat sesuatu perkara seterusnya dapat mengingatkan rakan mereka yang lain. Sedangkan jumhur *fuqahā'* bersetuju kesaksian mereka diterima tanpa kesaksian lelaki di dalam hal ‘*uyūb al-nisā'* sekalipun mereka berbeza pendapat di dalam syarat bilangan.

Begitu jugalah dalam bidang periyawatan hadis, para ulama telah bersepakat menerima hadis-hadis yang diriwayatkan oleh ‘Ā’isyah r.a, Hafṣah r.a dan lain-lain. Ini menunjukkan ada di kalangan wanita yang darjah ingatan dan *dābiṭ*nya sama seperti kaum lelaki. Bahkan biasa juga mengatasi mereka. Namun pengecualian pada sebahagian wanita tidak dapat dijadikan asas membina hukum kerana hukum dibina di atas perkara umum berlaku dan bukan pada perkara yang jarang berlaku. Oleh sebab itu boleh dikatakan bahawa bimbang terlupa pada transaksi hanyalah hikmah perundangan, bukannya ‘*illah* perundangan.

¹²⁰ Mohd Daud Bakar (Dr.), *op.cit.*

¹²¹ al-Sywakānī (1992), *op.cit.*, h. 334. al-Jalālayn (t.t), *op.cit.* al-Šābūnī (1981), *Sofwah al-Tafāsīr*.

Pada pandangan penulis, adalah lebih tepat jika dikatakan faktor yang menyumbang kepada lupaunya sebahagian butir-butir transaksi mudah berlaku kepada kebanyakan wanita berbanding lelaki. Bukannya setiap wanita itu mudah lupa. Sebagai contoh; Setiap 2 orang wanita yang adil, terdapat kemungkinan salah seorang daripadanya tidak dapat mengingati sepenuhnya butir-butir kesaksian. Manakala seorang lagi berupaya mengingati sepenuhnya. Justeru itu wanita mampu mengingatkan sesama mereka. Ia tidak perlu kepada bantuan peringatan dari lelaki kerana selama-lamanya Islam tidak menggalakkan lelaki bersama wanita yang bukan mahramnya tanpa keperluan mustahak serta tidak ditemani mahram.¹²² Sedangkan setiap lelaki yang adil, kesemua mereka berkemungkinan mempunyai sifat *dābit* yang baik.

Realiti ini turut berlaku dalam bidang periwayatan hadis, yang mana walaupun terdapat riwayat daripada wanita namun tidak dapat dinafikan bahawa majoriti perawi adalah lelaki. Tafsiran ini lebih tepat berdasarkan zahir nas ayat 282 al-Baqarah.

Abū Ḥayyān dan al-Syawkānī turut menyingga bahawa setiap dua orang wanita, harus berlaku sifat lupa pada salah seorang dari mereka dan yang seorang lagi ingat (*dābit*) tanpa menentukan yang mana satu ingat dan yang mana satu lupa.¹²³

¹²² Sa'īd Hawwā (1999), *op.cit.*, h. 658.

¹²³ Abī Ḥayyān al-Andalūsī al-Gharnātī (1992), *op.cit.*, h. 734. al-Syawkānī (1992), *op.cit.*

Kedua-dua mereka harus mempunyai sifat *dalāl* dan *tadhkīr* serta keraguan yang wujud (iaitu daripada kedua-dua sifat tersebut) boleh bersilih-ganti antara mereka.¹²⁴ Atau dengan perkataan lain salah satu dari mereka terdedah kepada risiko lupa dan tersalah.¹²⁵ Hakikatnya interpretasi ini telah memberi peranan kepada sebahagian wanita yang mempunyai ingatan yang kuat serta berpengalaman dalam urusan muamalat.

Fenomena ini selaras dengan maksud asal perkataan *taḍilla* secara literal: iaitu perkataan *dalla* yang memberi maksud hilang. Konsekuensi dengan ayat yang disebut sebelum ini ia memberi erti luput hafazannya. *Al-Dalāl* bererti *al-Nisyān* iaitu lupa. Oleh itu menurut al-Zujāj, *in taḍilla* bererti sekiranya lupa, maka wanita yang masih kekal hafazannya memberikan peringatan.¹²⁶ Sekiranya disebut *dalala*, maksudnya berlawanan dengan hidayah iaitu sesat atau seleweng.¹²⁷ Justeru itu, ia juga selari dengan tafsiran dari dimensi psikologi dan fisiologi. Kedua-dua pengertian yang diberikan itu tadi mempunyai maksud yang hampir sama iaitu kehilangan sesuatu sama ada ingatan atau petunjuk.¹²⁸ *Al-Dalal 'an al-syahādah* (الضلال عن الشهادة) memberi maksud lupa sebahagian fakta dan ingat sebahagian yang lain.¹²⁹

¹²⁴ *Ibid.*

¹²⁵ al-Marāghi (t.t), *op.cit.*

¹²⁶ Ibn Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī (1994), *op.cit.*, j. 11., h. 393.

¹²⁷ *Ibid.*, h. 390.

¹²⁸ al-Fakhr al-Rāzī (1995), *op.cit.*

¹²⁹ al-Syawkānī (1992), *op.cit.*, h. 333. al-Qurṭubī (1988), *op.cit.*, h. 256.

Sesiapa yang melupai keseluruhan fakta, tidak dikatakan *dalla*.¹³⁰ Menurut Sibawayh sifat *id'lāl* (lupa) menjadi punca atau sebab kepada wajibnya *idhkār* (mengingatkan).¹³¹ Jadi sekiranya wanita yang pertama memberikan kesaksian mengingati kes dengan jelas dan tepat, maka tidak perlu lagi peringatan dari saksi wanita yang kedua. Atau boleh juga dikatakan sunat bagi wanita kedua mengingatkan sebagai pengukuhan kesaksian yang telah diberikan oleh wanita yang pertama.

Fakta ini bertepatan dengan tafsiran Abū Ḥayyān yang menegaskan bahawa ‘supaya salah seorang dari mereka dapat mengingatkan yang lain apabila berlaku kelupaan’. Menurut konsep sebab musabbab, keduanya saling berhubung kait antara satu sama lain. Apabila adanya sebab, berlakulah musabbab dan sebaliknya. Namun musabbab boleh berlaku sama ada sebab wujud atau tidak.

Dalam konteks ayat 282 al-Baqarah ini, yang menjadi sebab ialah *dalla* dan musabbab ialah *idhkār* iaitu ‘illah walaupun sifat lupa diturunkan pada tempat musabbab.¹³² Adapun huraian atau andaian berlatar belakangkan ilmu-ilmu fisiologi, psikologi dan sosial adalah merupakan hujjah akli yang menjadi faktor-faktor penyebab kepada luputnya sebahagian fakta kesaksian tersebut yang terkandung di dalam sebutan *an tadilla iḥdāhumā* (ان تضليل [خذلهمَا]).

¹³⁰ *Ibid.*

¹³¹ Ibn Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī (1994), *op.cit.*

¹³² Abī Hayyān al-Andalūsī al-Gharnātī (1992), *op.cit.*, h. 733. al-Jalālayn (t.t), *op.cit.* Wahbah al-Zuhaylī (Prof. Dr) (1991), *al-Tafsīr al-Munīr*, h. 110. Abī al-Qāsim Maḥmūd b. ‘Umar al-Zamakhsyārī al-Khwārazmī (t.t), *al-Kasīsyāf ‘an Haqā’iq al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fi Wujūh al-Ta’wīl*, j. 1. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, h. 353.

Kajian penulis berhubung fitrah kejadian wanita di dalam Bab Dua sebelum ini membuktikan lagi lojik akal yang dikemukakan oleh para *mufassirin* sebelum ini. Sebagaimana yang dirumuskan oleh Sa'īd Ḥawwā terhadap tabiat wanita;

'...tabiat ini tidak berjuzuk. Wanita adalah individu yang sama sahaja tabiatnya - yang mana kesaksian pada akad seperti di dalam muamalat memerlukan tumpuan penuh dari perasaan serta berada pada realiti tanpa terkesan (dengan faktor-faktor luaran) dan tanpa segan-silu... kewujudan dua orang wanita padanya dapat menjamin peringatan dari salah seorang kepada yang lain – apabila mereka terpesong/terseleweng dengan apa jua kesan perbuatan – maka dia mengingatkan serta menyempurnakan mengikut realiti semata-mata.'¹³³

Apabila *peringatan* menjadi punca kepada syarat dua orang saksi wanita menggantikan seorang saksi lelaki, maka menjadi tanggungjawab hakim mengajukan soalan kepada seorang saksi wanita di hadapan saksi wanita yang kedua dan bukan mengasingkan mereka, yang mana saksi kedua boleh menambah atau melengkapkan persaksian wanita yang pertama jika dia terlupa atau tertinggal apa yang patut disebutnya. Sekiranya mereka diasangkan, sudah tentu peringatan tidak dapat diberikan apabila salah seorang terlupa. Keterangan kedua mereka dikira sempurna apabila wujud peringatan salah seorang dari mereka. Sedangkan saksi-saksi lelaki hendaklah dipisahkan antara satu sama lain kerana apabila keterangan seorang dari mereka tidak sempurna atau wujud pertentangan maka kesaksian tersebut harus ditolak. Ini adalah kerana kesaksian seorang lelaki hendaklah lengkap atau sempurna tanpa peringatan dari saksi-saksi yang lain.¹³⁴

¹³³ Sa'īd Ḥawwā (1999), *op.cit.*, h. 662.

¹³⁴ al-Marāghī (t.t), *op.cit.*, h. 74 - 75.

Perlu juga difahami bahawa tujuan mengadakan kesaksian di dalam ayat 282 al-Baqarah ini adalah untuk ketenangan pihak yang berurusan dengan hutang-piutang serta menambah kaedah pengukuhan hak dan bukannya menjadi kayu ukur kepada hakim untuk memutuskan hukuman dengannya.¹³⁵ Para ulama sendiri berikhtilaf dalam menentukan hukum mengadakan saksi-saksi ini sama ada wajib atau sunat. Namun yang sahih ialah hukumnya adalah sunat.¹³⁶ Walaupun begitu kepentingan kesaksian adalah besar ertiannya kerana ia dapat memutuskan kezaliman dan menetapkan hak-hak.¹³⁷

¹³⁵ Muhammad al-Amin b. Muhammad al-Mukhtar al-Jakanni al-Syanqiti (1996), *Adwā' al-Bayān fi Idāh al-Qur'ān bi al-Qur'ān, (takhrij) ayat dan hadis oleh Muhammed 'Abd al-'Aziz al-Khalidi*, j. 1. Beirut: Dār al-Kotob al-'Ilmiyyah, h. 206. Ibn Kathir (1996), *op.cit.* al-Šabūni (1981), *Sofwah al-Tafsīr*.

¹³⁶ al-Qurtubi (1988), *op.cit.*, h. 251.

¹³⁷ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 3. h. 106.

Fasal II:

Kes-kes Kesaksian: Kedudukan Wanita

Sebagai Saksi Menurut *Fuqaha' Salaf* Dan

Ulama Kontemporari

Fasal II

Kes-kes Kesaksian: Kedudukan Wanita Sebagai Saksi Menurut *Fuqahā' Salaf*¹ Dan Ulama Kontemporari

Pandangan para ulama dan *fuqahā'* terhadap tahap penerimaan kesaksian wanita berbeza menurut kes kesaksian itu sendiri. Perbezaan yang timbul adalah hasil daripada konsep kefahaman yang berbeza terhadap situasi dalil-dalil *naqli* yang dikaitkan dengan teori *qiyas*, hujjah-hujjah akli dan implikasi kes. Oleh sebab itu, perbahasan berkenaan kelayakan wanita menyampaikan kesaksian menurut *fuqahā'* salaf akan dihuraikan menurut kategori kes tersebut. Manakala beberapa pandangan aliran kontemporari turut disusuli selepasnya. Kes dibahagikan kepada 3 bahagian utama iaitu;

1. Kes '*Uqūbāt* (Undang-undang Jenayah Islam)
2. Kes-kes yang biasa dihadiri dan dilihat oleh kaum lelaki;
 - 2.1. Kes-kes *Aḥwāl Syakhṣiyah* dan seumpama dengannya.
 - 2.2. Kes-kes Mal (Harta dan yang berkait dengannya).
3. Kes-kes yang biasanya dihadiri dan dilihat oleh kaum wanita sahaja.

Selain daripada kes kesaksian, penulis turut mengemukakan pandangan *fuqahā'* terhadap kesaksian wanita meliputi jenis kesaksian yang disandarkan kepada dokumentasi, kesaksian atas kesaksian dan bidang penyiasatan saksi.

¹ Sila lihat Muhammad Hasan Abū Yahyā (Prof.Dr) (1997), *Hukm Syahādah al-Nisā' fi mā yaṭṭali 'na 'alayhi ghāliban fi al-Syārī 'āh al-Islāmiyyah*, (Silsilah Dirāsah Islāmiyyah; Bahth Fiqh Muqāran), j. 1. Amman: Dār al-Yāzūri al-'Ilmiyyah. _____, *Hukm Syahādah al-Nisā' fi 'Uqūbāt fi al-Syārī 'āh al-Islāmiyyah*, j. 2. _____, *Hukm Syahādah al-Nisā' fi mā siwā al-'Uqūbāt mimma yaṭṭali 'alayhi al-Rījāl*, j. 3.

1. Kes-kes ‘*Uqūbāt* (Undang-undang Jenayah Islam)²

Pengenalan

‘*Uqūbāt* ialah satu peraturan berkenaan doktrin balasan terhadap perbuatan jenayah yang dilakukan bertujuan menjaga maslahah umum.³ Pengklasifikasian kes-kes jenayah adalah berdasarkan implikasi terhadap lima kepentingan (الضروريات الخمسة) menurut *maqāṣid* syariat Islam dan falsafah perundangannya iaitu aqidah Islam, jiwa, akal, keturunan dan harta.⁴ Ia dikenali sebagai Undang-undang Jenayah Islam di dalam Bahasa Malaysia. Ia terbahagi kepada 3 bahagian iaitu hudud, qisas dan takzir. Objektif hukuman adalah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada pesalah, bukannya semata-mata menghukum.

i) Hudud

Perkataan hudud berasal dari kata *hadd* bererti larangan atau batasan.⁵ Secara istilah; Hudud ialah hukuman atau balasan yang telah ditentukan serta wajib dilaksanakan kerana menunaikan hak-hak Allah S.W.T.⁶ Ianya bersifat rigid dan tidak boleh diubah sama ada oleh pemerintah, hakim atau kuasa perundangan manusia.

² Bagi mendapatkan *tasawwur* yang lebih lanjut dalam Bahasa Malaysia, sila lihat Abdul Ghani Azmi B. Idris (Drs.)(1997), *Mengenal Qanun Jenayah Islam*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers. Mat Saat Abd. Rahman (Dr.)(1993), *Undang-undang Jenayah Islam- Jenayah Hudud*, Shah Alam: Penerbit HIZBI

³ ‘Abd al-Qādir ‘Awddah (1993), *al-Tasyrī’ al-Jinā’ī al-Islāmī Muqārāran bi al-Qānūn al-Wad’ī*, j. 1, c. 12. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 609.

⁴ ‘Abd al-‘Azīz al-Khayyāt (Dr) (1986), *al-Mu’ayyidāt al-Tasyrī’iyyah – Nażariyyah al-‘Uqūbāt*, c. 2. Kaherah: Dār al-Salām, h. 23.

⁵ Sa’di Abū Jayb (1988), *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughatan wa Istilāhan*, c. 2. Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 82.

⁶ *Ibid.*, h. 83.

Juga tidak diberi hak pengampunan sama ada kepada pemerintah atau mangsa.

Secara amnya jenayah yang dikenakan hudud terbahagi kepada 7 jenis iaitu; Zina, qazaf, minum minuman yang memabukkan seperti arak, mencuri, merompak, murtad dan *baghyu* (pemberontak kepada pemerintah Islam yang sah dan adil).⁷ Liwat termasuk zina kerana ia adalah *fāhiyyah*.⁸ Allah S.W.T telah menyebut *fāhiyyah* melalui ayat 80, Surah al-A'rāf yang mana para *mufassirin* mentafsir maksud *fāhiyyah* di sini ialah liwat.⁹

Hukuman hudud telah ditentukan al-Quran dan sunnah yang mana kesemuanya merupakan jenis seksaan badan. Hukuman minimum ialah sebatan dan maksimum ialah dibunuh.¹⁰

ii) Qisas dan Diat

Qisas dan diat ditakrifkan sebagai hukuman atau keseksaan yang telah ditentukan atau dihadkan oleh syarak serta dilaksanakan bagi menjaga kepentingan individu. Ia wajib dilaksanakan tanpa melebihi atau mengurangi kadar hukuman yang telah ditetapkan walau sedikit pun.¹¹

⁷ 'Abd al-Qādir 'Awda (1993), *op.cit.*, h. 612. 'Abd al-'Azīz al-Khayyāt (Dr) (1986), *op.cit.*, h. 48. 'Abd al-Wahhāb al- Sya'rānī (t.t), *Kasyf al-Ghummāh 'an Jāmi' al-Ummāh*, j. 2. (T.T.P): Dār al-Fikr, h. 272.

⁸ Abū Muḥammad Muwaffaq al-Dīn 'Abd Allāh b. Qudāmah al-Muqaddasiyy (1982), *al-Kāfi fī Fiqh al-Imām al-Mubajjal Ahmad bin Ḥambal*, (taḥqīq: Muḥammad Zuhayr al-Sywisi), j. 4, c. 3, Beirut: al-Maktab al-Islami, h. 536.

⁹ Abū Ja'far Muḥammad b. Jarīr al-Ṭabarī (1995), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Ay al-Qur'ān*, j. 5. Beirut: Dār al-Fikr, h. 304. Abu 'Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtūbī (1988), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, j. 7. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 155.

¹⁰ 'Abd al-'Azīz al-Khayyāt (Dr) (1986), *op.cit.*

¹¹ 'Abd al-Qādir 'Awda (1993), *op.cit.*, h. 79.

Maksud menjaga kepentingan individu ialah individu yang menjadi mangsa jenayah atau wali kepada mangsa diberi hak mengampunkan kesalahan yang dilakukan terhadapnya. Apabila mangsa telah memaafkan, maka gugurlah hukuman qisas atau diat atau kedua-duanya sekali daripada individu yang diberi maaf (dengan lain perkataan; individu yang melakukan kesalahan qisas dan diat).¹²

Maksud qisas secara literal ialah seksaan atau pembalasan atau persamaan.¹³ Menurut istilah syarak; Qisas ialah hukuman atau balasan yang dikenakan kepada penjenayah sama seperti jenayah yang telah dilakukan.¹⁴ Manakala diat menurut syarak ialah harta yang wajib diberikan sebagai ganti rugi kepada perbuatan membunuh dan apa yang berkait dengannya.¹⁵ *Al-Arsy* ialah harta yang wajib diberikan sebagai gantirugi kepada perbuatan melukakan pada anggota badan.¹⁶

Hukuman diat akan dilaksanakan apabila kesalahan-kesalahan qisas dimaafkan empunya hak atau hukuman qisas tidak dapat dilaksanakan dengan sebab-sebab syarie seperti kesalahan membunuh atau mencedera dengan tidak sengaja atau separuh sengaja.

¹² *Ibid.*, h. 613.

¹³ 'Abd al-'Azīz al-Khayyāt (Dr) (1986), *op.cit.*, h. 309. Majd al-Dīn Muhammad b. Ya'qūb al-Fayrūz Ābādī (1991), *al-Qāmūs al-Muhiṭ*, j. 1. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 460. Wahbah al-Zuḥaylī (Dr.) (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 6, c. 3. Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 261.

¹⁴ 'Abd al-'Azīz al-Khayyāt (Dr) (1986), *op.cit.*, h. 304. Wahbah al-Zuḥaylī (Dr.) (1989), *op.cit.* Sila lihat Surah al-Baqarah (2): 178 - 179.

¹⁵ Lihat Surah al-Nisā' (4): 92. Wahbah al-Zuḥaylī (Dr.) (1989), *op.cit.*, h. 298.

¹⁶ Menurut mazhab Hanafi. Sila lihat *Ibid.*, h. 298.

Jenayah qisas dan diat dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu,¹⁷

- a) Jenayah ke atas jiwa iaitu membunuh orang lain tanpa hak.
- b) Jenayah selain ke atas jiwa iaitu memukul, melukakan atau menghilangkan manfaat anggota badan orang lain tanpa hak.
- c) Jenayah ke atas janin iaitu menggugurkan kandungan tanpa alasan syarak.

Implikasi hukuman adalah berbeza menurut niat serta keadaan pelaku jenayah. Para *fuqahā'* telah membahagikan kepada 3 situasi yang mana ia memberi impak yang berbeza dalam perlaksanaan hukuman itu nanti iaitu perbuatan secara sengaja, separuh sengaja dan tidak sengaja atau tersalah.

iii) Takzir

Takzir dari sudut bahasa ialah menolak, mencegah atau sebatan selain hukum had.¹⁸

Secara istilah pula, takzir ialah hukuman yang dikenakan ke atas perbuatan maksiat atau jenayah selain hukum had dan qisas serta tidak dikenakan *kaffārah* sama ada pada hak-hak Allah S.W.T atau hak-hak anak Adam.¹⁹ Syarak tidak menentukan jenis dan kadar hukuman bagi kesalahan takzir. Sebaliknya diserahkan kepada kebijaksanaan hakim dan pemerintah untuk memutuskan hukuman yang setimpal dengan mengambil kira latar belakang hidup dan akhlak pesalah, jenis dan tahap kesalahan serta objektif syariat yang hendak dicapai.²⁰

¹⁷ *Ibid.* h. 216.

¹⁸ Sa‘dī Abū Jayb (1988), *op.cit.*, h. 250.

¹⁹ *Ibid.* Wahbah al-Zuhaylī (Dr.)(1989), *op.cit.*, h. 197. Lihat Surah al-Fath (48): 9.

²⁰ Abd al-Qādir ‘Awdaḥ (1993), *op.cit.*, h. 615.

Terdapat tiga jenis kesalahan yang dikenakan takzir;²¹

- a) Jenayah Takzir Asli: semua jenis jenayah selain jenayah hudud, qisas dan diat.
- b) Jenayah hudud yang tidak dikenakan hukuman yang telah ditetapkan iaitu jenayah hudud yang tidak sempurna dan yang tertolak dengan adanya syubhat.
- c) Jenayah qisas dan diat yang tidak dikenakan '*uqūbāt*' yang telah ditentukan iaitu tidak dikenakan qisas dan diat. Contoh: Jenayah qisas dan diat yang telah diampunkan oleh mangsa atau wali mangsa.

1.1. Hukum Kesaksian Wanita Di Dalam Kes Hudud Dan Qisas

Terdapat dua pendapat *fuqahā'* berhubung dengan topik di atas iaitu;

Pendapat Pertama:

Kesaksian wanita secara bersendirian atau bersama lelaki tidak diterima di dalam kes yang dikenakan hukuman had dan qisas .

Ini adalah pendapat majoriti *fuqahā'* mazhab Hanafi,²² Syāfi'i²³ dan Hanbali²⁴.

²¹ *Ibid.*, h. 614.

²² al-Muṣīlī al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 140. al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 125-126. Kamāl al-Dīn Muḥammad ibn 'Abd al-Wahid ibn al-Humām al-Ḥanafī (t.t), *Takmilah Syarḥ Fath al-Qadīr 'alā al-Hidāyah: Syarḥ Bidāyah al-Muhibbātī*, j. 7, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 369-370. Muḥammad 'Alī' al-Dīn Afandi (1966), *Takmilah Ḥasyiyah Ibn 'Ābidīn 'alā al-Durr al-Mukhātār: Syarḥ Tanwīr al-Abṣār fi Fiqh Madhhab al-Imām Abī Ḥanīfah al-Nu'mān*, j. 7, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 71-73.

²³ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 6. h. 187 – 188 dan j. 7. h. 83. Al-Muzānī (1993), *op.cit.*, h. 269, 276, 319.

²⁴ al-Buhūtī (1394H), *op.cit.*, h. 427- 428. Ibn Qudāmah al-Muqaddasīyy (1982), *op.cit.*, h. 536-537. (1983), *al-Mughnī* ('alā mukhtaṣar al-Imām Abī al-Qāsim 'Umar b. al-Ḥusayn b. 'Abd Allāh b. Aḥmad al-Khuṛqī), j. 12. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 5-6. Majd al-Dīn Abī al-Barakāt Ibn Taymiyah (t.t), *al-Muḥarrar fī al-Fiqh 'alā Madhhab al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, j. 2. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 312.

Juga pendapat Maliki²⁵ di dalam perkara yang mewajibkan had dan qisas pada jiwa. Manakala di dalam kes melukakan, terdapat tiga pendapat di sisi Maliki. Salah satu dari pendapat tersebut ialah sebagaimana pendapat jumhur di atas hatta Imam Malik turut tidak menerima kesaksian wanita di dalam kes pemaafan terhadap qisas.²⁶

Hujjah-hujjah Pendapat Pertama:

1. Al-Quran

Dalil 1:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شَهَادَةٍ فَاجْلِدُوهُنَّ
ثَمَانِينَ جَلْدًا وَلَا تَقْبِلُوا لَهُنْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُنُّ الْفَاسِقُونَ

Maksud ayat:

Orang-orang yang menuduh perempuan suci (berzina) kemudian mereka tidak mengemukakan empat orang saksi, hendaklah kamu sebat mereka 80 kali dan janganlah kamu terima kesaksian mereka selama-lamanya, kerana mereka orang yang fasik.

Surah al- Nūr (24): 4

Huruf *al-Tā'* (التاء) pada kalimah *arba'ah syuhadā'* (اربعة شهادة) pada zahirnya memberi maksud saksi yang dikehendaki adalah lelaki (iaitu uslub *ta'nīth al-'adad*).

²⁵ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 24-26. Abū al-Walīd Muḥammad b. Aḥmad b. Muḥammad b. Aḥmad b. Rusyd al-Qurṭubī al-Andalusī al-Hāfiḍ (t.t.), *Bidāyah al-Mujtahid wa Niḥāyah al-Muqtasid*, j. 1. (T.T.P): Dār al-Fikr, h. 348. Aḥmad al-Šāwī (1995), *Bulghah al-Sālik li Aqrab al-Masālik 'alā al-Syārḥ al-Saghir li al-Quṭb Sayyidi Aḥmad al-Dardir*, j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 119. Al-Quṭb Sayyidi Aḥmad al-Dardir (1995), *al-Syārḥ al-Saghir*, (dicetak bersama *Bulghah al-Sālik li Aqrab al-Masālik*), j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 119. Muḥammad 'Alīsy (1983), *Manjū al-Jalīl Syārḥ 'alā Mukhtaṣar Sayyidī al-Khalīl*, j. 8. Beirut: Dār al-Fikr, h. 444. Muḥammad b. Aḥmad b. Juzay al-Gharnātī (2000), *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*, (tahqīq 'Abd al-Karīm al-Fadili), Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, h. 329. Burhān al-Dīn Abī al-Wafā' Ibrāhīm ibn Syams al-Dīn Abī 'Abd Allāh Muḥammad b. Farhūn (1301H), *Tabsīrah al-Hukkām fi Usūl al-Aqdiyah wa Mañāhij al-Āhkām*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 215.

²⁶ Sila lihat *ibid.*, h. 214-215.

Secara tidak langsung ia menafikan saksi wanita.²⁷ *Fuqahā'* juga telah berittifikasi menolak kesaksian wanita di dalam kes hudud.²⁸ Oleh itu jelaslah bahawa ayat ini telah mensyaratkan empat orang saksi lelaki muslim adil bagi menyabitkan sesuatu dakwaan zina kepada individu tertentu. Sekiranya saksi perempuan diterima di dalam kes zina, nescaya al-Quran tidak mensyaratkan sedemikian.

Bilangan empat orang saksi ini bukan sahaja ditetapkan oleh al-Quran, bahkan pernah ditetapkan dalam Taurat dan Injil.²⁹ Juga dikatakan hikmah diperbanyakkan saksi bagi kes zina berbanding kes-kes lain bertujuan menjaga keaiban hamba-hambaNya. Justeru itu syarat kesaksian zina diperketatkan ke atas pendakwa agar maruah insan tidak mudah diperkotak-katikkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.³⁰

Dalil 2:

لَوْلَا جَاءُوا عَلَيْنَا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَإِذْ لَمْ يَأْتُوْ بِالشُّهَدَاءِ فَأُولَئِكَ عِنْدَ اللَّهِ هُمُ الْكَاذِبُونَ

Maksudnya:

Mengapa mereka tiada mendatangkan empat orang saksi untuk tuduhan mereka itu? Jika mereka tidak mendatangkan saksi-saksi maka mereka adalah orang-orang yang dusta di sisi Allah S.W.T.

Surah al-Nūr (24): 13

²⁷ Muḥammad ‘Alī al-Says *et al.* (1996), *Tafsīr Āyāt al-Āhkām*, j. 2, c. 2. Dimasyq-Beirut: Dār Ibn Kathīr – Dār al-Qādīrī, h. 233. Muḥammad ‘Alī al-Šābūnī (1982), *Rawā’i’ al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Āhkām min al-Qur’ān*, j. 2, c. 3. Beirut: Mu’assasah Manāhil al-‘Urfān – Dimasyq: Maktabah al-Ghazālī, h. 46.

²⁸ Muḥammad ‘Alī al-Says *et al.* (1996), *op.cit.*

²⁹ Abū Bakr Muḥammad b. ‘Abd Allāh Ibnu al-‘Arabī (t.t), *Ahkām al-Qur’ān*, (takhrij hadis dan ta’liq oleh Muḥammad ‘Abd al-Qādīr ‘Aṭṭāfī’), j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 459. al-Qurtūbī (1988), *op.cit.*, j. 5. h. 56.

³⁰ Ibnu al-‘Arabī (t.t), *op.cit.*, h. 460. al-Qurtūbī (1988), *op.cit.*, h. 56. ‘Alīsy (1983), *op.cit.*

Zahir ayat ini menunjukkan celaan kepada pihak yang melakukan tuduhan zina tetapi tidak mengemukakan bukti. Bukti yang dituntut jelas dinyatakan iaitu empat orang saksi lelaki muslim bagi membuktikan kes zina iaitu pada kalimah *arba 'ah syuhadā'*. Secara tidak langsung ia tidak mengiktiraf kesaksian wanita di dalam kes zina.³¹ Ia menguatkan lagi petunjuk terhadap syarat kesaksian zina di dalam ayat sebelum ini.³²

Dalil 3:

وَالَّتِي يَأْتِنَ الْفَاحِشَةَ مِنْ نِسَائِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوْا عَلَيْهِنَ أَرْبَعَةٌ مِنْكُمْ

Maksudnya;

Orang-orang yang membuat pekerjaan yang keji (berzina) dari perempuan-perempuan kamu, maka persaksikanlah ke atas mereka empat orang dari kalangan kamu

Surah al-Nisā' (4): 15

Berdasarkan ayat 15 al-Nisā' dan ayat 4 al-Nūr, kalimah *arba 'ah* dinaskan pada perkara yang dibilangkan iaitu satu lafaz khusus kepada empat orang dan jantina lelaki.³³ Hal ini dijelaskan lagi pada lafaz *minkum* yang bererti dari kalangan kaum lelaki muslim.³⁴ Petunjuk ini diperolehi setelah melihat kepada penggunaan lafaz '*min nisā'ikum*' (من نسائِكُمْ) tatkala Allah S.W.T maksudkan ianya adalah untuk perempuan.³⁵

³¹ Sila rujuk al-Qurṭubī (1988), *op.cit.*, j. 12. h. 135.

³² Ibn al-'Arabī (t.t), *op.cit.*, j. 1. h. 365.

³³ al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 125. Ibn al-Humām (t.t), *op.cit.*, h. 370. Afandī (1966), *op.cit.*, h. 71.

³⁴ Ibn al-'Arabī (t.t), *op.cit.*, j. 1. h. 460. al-Qurṭubī (1988), *op.cit.*, j. 5. h. 56. Jalāl al-Dīn Muḥammad b. Ahmad al-Maḥallī dan Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān b. Abū Bakr al-Suyūṭī (t.t), *Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn*, (dicetak bersama *al-Qur'ān al-Karīm bi al-Rasm al-'Uthmānī*), Beirut: Dar El-Marefah, h. 101.

³⁵ Ibn al-'Arabī (t.t), *op.cit.*

Bilangan empat orang saksi ini telah disepakati ijmak.³⁶ Oleh sebab itu tidak diterima kesaksian dalam kes zina kecuali dari empat orang lelaki adil, Islam dan merdeka. Mereka juga perlu menyaksikan perbuatan tersebut seperti melihat batang celak di dalam bekasnya. Terdapat teori yang menyatakan disebabkan perbuatan zina melibatkan dua orang, maka disyaratkan setiap seorang dari pelaku zina disaksikan oleh dua orang saksi.³⁷

Dalil 4;

وَأَشْهِدُوا ذَوَيْ عَدْلٍ مُّنْكَمْ

Maksudnya:

Hendaklah kamu persaksikan dua orang yang adil dari kalangan kamu.

Surah al-Talāq (65): 2

Ayat ini menunjukkan wajib kesaksian lelaki tanpa wanita di dalam kes rujuk kerana kalimah *dhaway* (ذَوَيْ) adalah dalam bentuk lelaki. Justeru itu tidak boleh menggantikan tempat saksi lelaki dengan saksi wanita.³⁸ Sebahagian ulama menyatakan ayat kesaksian ini sebenarnya ditujukan pada kes talak. Sesetengahnya mengatakan kesaksian pada kes rujuk.³⁹

³⁶ 'Alisy (1983), *op.cit.*

³⁷ al-'Aynī (1990), *op.cit.*

³⁸ Ibn al-'Arabī (t.t), *op.cit.*, j. 4. h. 283. al-Qurṭūbī (1988), *op.cit.*, j. 18. h. 105.

³⁹ *Ibid.*

Menurut Imam Syāfi'i, dalam masalah yang tidak disebut bilangan saksi seperti bunuh, melukakan, minum arak dan qazaf harus diqiyaskan dengan kesaksian talak iaitu dua orang saksi lelaki adil kerana semua kes tersebut adalah yang lazimnya dilihat oleh kaum lelaki.⁴⁰ Urusan yang biasa dilihat oleh lelaki, maka tiada ruang untuk diterima kesaksian wanita padanya kecuali yang dinaskan oleh dalil-dalil naqli seperti kesaksian pada urusan mal.

Dalil 5;

Daripada potongan ayat 282 al-Baqarah;

وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ

Apa yang dapat difahami ialah ayat ini mensyaratkan dua orang saksi lelaki adil dalam semua perkara secara umum seperti mal, hudud, qisas dan lain-lain kecuali terdapat dalil atau nas yang mengkhususkannya seperti ayat kesaksian kes zina.⁴¹

2. Sunnah

Hadis 1;

Hadis riwayat Abū Hurayrah r.a:

أَنَّ سَعْدَ بْنَ عُبَيْدَةَ قَالَ لِرَسُولِ اللَّهِ أَرَأَيْتَ لَوْ وَجَدْتُ مَعَ امْرَأِي رَجُلًا
أَمْهَلُهُ حَتَّى آتِيَ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءِ؟ قَالَ: نَعَمْ.

Maksudnya:

⁴⁰ Al-Muzani (1993), *op.cit.*, h. 320.

⁴¹ al-'Ayni (1990), *op.cit.*, h. 126. Muhammed 'Alī al-Says *et al.* (1996), *op.cit.*, j. 1. h. 332.

Bahawa Sa'ad bin 'Ubādah telah berkata kepada Rasulullah: Adakah kamu berpendapat sekiranya aku dapat isteriku bersama seorang lelaki, aku biarkannya sehingga aku datang bersama empat orang saksi lelaki? Rasulullah S.A.W bersabda: Iya.⁴²

Zahir hadis ini menunjukkan Rasulullah S.A.W memberi isyarat bahawa kesaksian kes zina hendaklah disabitkan dengan empat orang saksi lelaki. Sekiranya syarat tersebut tidak dapat dipenuhi maka hendaklah diabaikan kes tersebut sebagaimana yang difahami daripada persetujuan Nabi S.A.W kepada soalan Sa'ad: *aku biarkannya sehingga aku datang bersama empat orang saksi lelaki?* Ia juga memberi erti kesaksian wanita tidak termasuk di dalam kesaksian kes zina.

Hadis 2:

Hadir berkenaan kes *li'ān* pertama di dalam Islam sehingga turunnya ayat *li'ān*. Rasulullah S.A.W telah bersabda kepada lelaki yang menuduh isterinya berzina;

يَا هِلَالُ، أَرْبَعَةُ شُهُودٍ وَلَا فَحْدٌ فِي ظَهْرِكِ

Maksudnya:

Wahai Hilāl, empat orang saksi lelaki. Jika tidak maka hendaklah dihudud di belakang engkau.⁴³

⁴² Al-Muzani (1993), *op.cit.*, h. 319. Hadis ini turut dikeluarkan oleh Mālik b. Anas r.a (1985), *al-Muwattī'*, h. 437. Terdapat penambahan pada lafadz hadis yang dikeluarkan dari Imam Muslim. Sila lihat Muhy al-Dīn al-Nawawi (1996), *Sahīḥ Muslim: al-Minhāj Syarḥ Sahīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, j. 10, c. 3. Beirut: Dār El-Marefah, h. 369; Kitāb al-Li'ān, no. hadis 3741, 3742. *Sunan Abī Dāwūd*, j. 4, h. 181, Bāb fī Man Wajada ma'a Ahlīhi Rajulan, no. hadis 4527. *Sahīḥ Ibn Ḥibbān*, j. 4, h. 220, no. hadis 4282. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 12, h. 456. Bāb al-Syuhūd fī al-Zinā, no. hadis 17351. j. 13, h. 168, Bāb al-Rajul Yajid ma'a Imra'atihi al-Rajul fayaqtuluh, no. hadis 18003. j. 15, h. 161, Bāb al-Syahādah fī al-Zinā, no. hadis 20971. *Sunan al-Nisā'ī al-Kubrā*, j. 4, h. 302, Bab 'Adad al-Syuhūd 'alā al-Zinā, no. hadis 7266.

⁴³ *Sahīḥ Ibn Ḥibbān*, j. 4, h. 254, no. hadis 4365. *Sunan al-Nisā'ī al-Sughrā*, j. 7, h. 56, Bāb Kayfa al-Li'ān, no. hadis 3471. j. 3, h. 373, Bāb Kayfa al-Li'ān, no. hadis 5630. Sila lihat al-Mūṣilī al-Hanafi (t.t), *op.cit.*, h. 140 dengan lafadz sedikit berbeza. al-Buhūti, *op.cit.*, h. 328. Turut dikeluarkan oleh Imām al-Bukhārī, Abī Dāwūd dan al-Dār Qutnī dengan lafadz 'al-Bayyinah'. Sila lihat Ahmad b. 'Alī b. Hajar al-'Asqalānī (1996), *Fatḥ al-Bārī bi syarḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, j. 5. Beirut: Dār al-Fikr, h. 618, no. hadis 2671. *Sunan Abī Dāwūd*, j. 2, h. 275, Bāb fī al-Li'ān, no. hadis 2255. 'Alī b. 'Umar al-Dār Qutnī (1996), *Sunan al-Dār Qutnī*, (ta'līq dan takhrīj hadis oleh Majdī b. Mansūr b. Sayyid al-Syūrā), j.3. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, no. hadis 3646.

Petunjuk hadis ini jelas mensyaratkan empat orang saksi lelaki untuk membuktikan kes zina. Sekiranya tidak cukup syarat tersebut, pendakwa boleh disebat sebagai hukuman qazaf. Imam Syāfi'i menyatakan bahawa beliau tidak mengetahui adanya pendapat yang tidak bersetuju kesaksian dalam kes zina mestilah sekurang-kurangnya empat orang.⁴⁴ Oleh sebab itu beliau dan Imam Malik berpendapat bahawa sekiranya bilangan saksi dalam kes zina tidak mencukupi empat orang maka mereka hendaklah dikenakan hukuman had qazaf.⁴⁵ Imam Syāfi'i juga mengingatkan bahawa dalam kes qazaf, suami tidak termasuk bilangan saksi yang dikehendaki. Sekiranya suami membawa tiga orang saksi untuk menyabit perbuatan zina isterinya, maka saksi-saksi tadi dikenakan had qazaf, manakala suami dikenakan sumpah *li 'ān*.⁴⁶

3. Athar

Athar 1:

'Umar r.a pernah menyuruh disebat tiga orang saksi yang telah memberikan kesaksian dalam kes zina:⁴⁷

...قَالَ عُمَرُ بْنَ الْأَكْبَرِ، حُذُوْهُمْ، فَحَلَّوْهُمْ...

Maksudnya:

...Berkata 'Umar: Allah Maha Besar, hududkan mereka dan sebatlah mereka...⁴⁸

⁴⁴ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 7. h. 83, 139 . j. 6. h. 188.

⁴⁵ *Ibid.* Ibn Juzay al-Gharnātī (2000), *op.cit.*, h. 329. Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 482.

⁴⁶ *Ibid.* al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 5. h. 422. al-Muzānī (1993), *op.cit.*, h. 229.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 319. Lihat juga al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 7. h. 101, 138. j. 6. h. 188.

⁴⁸ *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 12. h. 466, Bāb Syuhūd al-Zinā Idhā Lam Yakmulū Arba'ah, no. hadis 17383.

Athar ini menegaskan lagi syarat empat orang saksi bagi kes zina yang mana khalifah 'Umar r.a telah menjatuhkan hukuman had qazaf kepada saksi yang tidak memenuhi bilangan empat orang.

Athar 2:

Hadis al-Zuhri yang berbunyi;

مضت السنة من لدن رسول الله صلى الله عليه وسلم و الخليفتين من
بعده ألا شهادة للنساء في الحدود والقصاص.

Maksudnya:

*Telah berlalu sunnah Rasulullah S.A.W dan dua orang khalifah selepasnya tiada kesaksian bagi wanita di dalam hudud dan qisas.*⁴⁹

⁴⁹ al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 125. al-Mūṣili al-Hanafī (t.t), *op.cit.*, h. 140. Ditakhrijkan oleh Ibn Abī Shaybah di dalam al-Muṣannaf. Sila lihat Jamāl al-Dīn al-Zayla'i (1995), *Nuṣb al-Rāyah Takhrij Ahādīth al-Hidāyah*, j. 5. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 76. Al-Albāñi berkata hadis ini daif. Sila lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albāñi (1985), *Irwā' al-Ghalil fi Takhrij Ahādīth Manār al-Sabil*, j. 8, c. 2. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, Bāb Aqsām al-Masyhūd bih, no. hadis 2682, h. 295.

Riwayat lain menyebut :

مَعْنَى بْنُ عَيْسَى عَنْ أَبِي ذِئْبٍ عَنْ الزَّهْرِيِّ قَالَ: لَا يَجِدُ فِي شَيْءٍ مِّنَ الْحَدُودِ إِلَّا بِشَهَادَةِ رَجُلٍ.

Al-Albāñi mengulas bahawa hadis ini sanadnya sahih dan benar apa yang dikatakan daripada kata-kata al-Zuhri tanpa *marfu'*. Sila lihat Al-Albāñi, *op.cit.*, h. 296.

ويقول الزهرى: مضت السنة من رسول الله صلى الله عليه وسلم و الخليفتين من بعده ألا تجوز
شهادة النساء في الحدود.

Maksudnya:

Berkata al-Zuhri: Telah berlalu sunnah Rasulullah S.A.W dan dua orang khalifah selepasnya supaya tidak mengharuskan kesaksian wanita di dalam hudud.

Hadis ini turut disebut oleh al-Layth daripada 'Uqayl daripada Ibn Syihāb kecuali 'Uqayl tidak menyebut dua khalifah tersebut. Sementara terdapat matan lain yang berbunyi;

مضت السنة من رسول الله صلى الله عليه وسلم و الخليفتين من بعده ألا تجوز شهادة النساء في
النكاح والطلاق والحدود.

Maksudnya:

Hadis ini mengkhususkan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a dan Khalifah Umar al-Khattab r.a kerana kaedah-kaedah mengeluarkan hukum kebanyakannya bermula pada zaman mereka.⁵⁰

Athar 3;

Ali k.w pernah berkata;

لَا تَجُوزْ شَهَادَةُ النِّسَاءِ فِي الْحُدُودِ وَالدَّمَاءِ.

Maksudnya:

*Tidak harus kesaksian wanita di dalam hudud dan darah.*⁵¹

Athar 2 dan 3 secara nyata menunjukkan kesaksian wanita tidak diharuskan di dalam kes hudud dan darah.

Athar 4;

Athar daripada Ali k.w tatkala ia dikemukakan dengan masalah seorang lelaki yang telah mendapati isterinya bersama lelaki lain lalu dibunuh salah seorang atau kedua-duanya sekali antaranya telah menyebut:

...أَنَّ أَبُو حَسِينَ إِنْ لَمْ يَأْتِ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ، فَلَا يُعَذَّبُ بِرُمْمَةٍ.

Telah berlalu sunnah Rasulullah S.A.W dan dua orang khalifah selepasnya supaya tidak mengharuskan kesaksian wanita di dalam nikah, talak dan hudud.

Sila lihat Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 25. Lihat lagi matan hadis berkenaan topik yang sama tetapi diriwayatkan oleh perawi yang berbeza serta sedikit perbezaan pada matan di *ibid*, h. 26. Berkata al-Hāfiẓ di dalam al-Talkhīs bahawa hadis tidak sah daripada Mālik. Abū Yūsuf turut meriwayatkannya di dalam Kitāb al-Kharāj daripada Hajjāj dari al-Zuhri. Sila lihat Abī al-Faḍl Syihāb al-Dīn Ahmad b. ‘Alī ibn Muhammād b. Hajar al-‘Asqalānī al-Syāfi’ī (1979), *Talķīṣ al-Ḥabīr fī Takhrij Ahādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*, (taḥqīq wa ta’līq Sya’bān Muḥammad Ismā’īl {Dr}), j. 3. Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azharīyyah, h. 228. Al-Albānī, *op.cit.*

⁵⁰ al-‘Aynī (1990), *op.cit.*

⁵¹ al-Zayla’ī (1995), *op.cit.*, h. 76-77.

Maksudnya:

... *Aku bapa Hassan, Sekiranya dia tidak membawa empat orang saksi lelaki, maka serahkanlah sepotong talinya.*⁵²

Penegasan Ali k.w menguatkan lagi amalan memakai empat orang saksi dalam kes zina sehingga beliau telah memberikan hak kepada wali mangsa yang dibunuh untuk membuat tuntutan qisas melalui lafaz kinayah yang berbunyi (الزناد يرتكب) ⁵³.

4. Ijmak

Konsensus *fuqahā'* menolak kesaksian wanita di dalam kes zina.⁵⁴

5. Lojik akal

Lojik 1: Isyarat daripada potongan ayat 282 al-Baqarah yang berbunyi “*maka yang seorang lagi boleh mengingatkan*”; Memberi maksud wujudnya *syubhat badaliyyah*⁵⁵ pada kesaksian wanita iaitu situasi *syubhat* dari sudut gantian kerana kebanyakan mereka mudah lupa, lalai serta kurang akal dan agama.

⁵² Mālik b. Anas r.a (1985), *op.cit.*, h. 738, Kitāb al-Aqdiyah, Bāb al-Qadā' fī Man Wajada ma'a Imra'atihi Rajulan, no. hadis 18. al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 6. h. 188. Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā, j. 12. h. 457, Bāb Syuhūd fī al-Zinā, no.hadis 17352. j. 13. h. 169, Bāb al-Rajul Yajid ma'a Imra'atihi al-Rajul fayaqtuluh, no. hadis 18006.

⁵³ Sila lihat Muhammad Zakariyyā b. Muhammad b. Yahyā al-Kandahlawī (1999), *Awjaz al-Masālik Ilā Muwaṭṭa' Mālik*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 220.

⁵⁴ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 7. h. 138.

⁵⁵ *Syubhat al-Badaliyyah* ialah *syubhat* yang timbul kerana terdapatnya gantian pada kesaksian yang asal iaitu kesaksian lelaki. Pada asalnya kesaksian lelaki adil disyaratkan pada mana-mana kes. Namun oleh kerana terdapat beberapa situasi darurat yang tidak memungkinkan mereka hadir untuk menerima kesaksian, maka dalam kes tersebut disyaratkan dua orang wanita adil mengambil tempat seorang saksi lelaki adil. Oleh sebab itulah Imām Mālik r.a tidak menerima kesaksian wanita bersama lelaki kecuali di saat-saat ketiadaan saksi lelaki berdasarkan zahir ayat 282 al-Baqarah. *Syubhat al-Badaliyyah* ini dianggap menyerupai *Syubhat Haqīqah* yang boleh menggugurkan hudud dan qisas sebagaimana yang dinaskar hadis-hadis Nabi S.A.W. Sila lihat al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 126.

Justeru itu tidak diterima kesaksian mereka di dalam hudud dan qisas yang mana kedua jenis hukuman tersebut tidak dapat disabitkan dengan adanya syubhat.⁵⁶

Lojik 2: Al-Kāsāni telah mengatakan;

“ kerana kesaksian dalam bab ini (zina) adalah salah satu daripada dua kaedah pembuktian, maka turut dikira sebagai hujjah dengan satu kaedah lagi iaitu ikrar. Kemudian disyaratkan empat kali ikrar di sisi kami bagi menyatakan zina, begitu juga dengan bilangan saksi empat orang. Berbeza dengan semua kes hudud (selain zina), ia tidak disyaratkan empat bilangan ikrar untuk menyatakannya, demikian juga dengan kesaksian.”⁵⁷

Iaitu hanya disyaratkan dua orang saksi lelaki adil dalam kes hudud selain zina.

Lojik 3: Bilangan empat orang saksi lelaki dalam kes zina sabit dengan nas, berbeza dengan *qiyyas*. Justeru itu hukum kesaksian pada kes yang biasanya dilihat oleh lelaki tetapi tidak dinaskan secara terang-terangan haruslah *diqiyaskan* dengan dua orang saksi lelaki.⁵⁸

Lojik 4: Kes hudud dan qisas bukanlah dari urusan mal serta lazimnya hanya dilihat oleh lelaki, justeru itu ia tidak boleh *diqiyaskan* dengan kaedah kesaksian untuk urusan mal. Maka tidak diterima kesaksian wanita secara bersendirian atau bersama lelaki.

⁵⁶ al-Mūsīlī al-Hanafī (t.t), *op.cit.* al-'Aynī (1990), *op.cit.* Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, h. 6. al-Kāsāni al-Hanafī (1974), *op.cit.*, h. 279. Muḥammad b. Abī Saḥīl al-Sarakhsī Abū Bakr al-Sarakhsī (t.t), *al-Mabsūt*, j. 16. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 114.

⁵⁷ al-Kāsāni al-Hanafī (1974), *op.cit.*, h. 277.

⁵⁸ *Ibid.*

Hujjah ini disepakati oleh Sa'īd bin al-Musayyab, al-Sya'bī, al-Nakha'i, Ḥammād, al-Zuhri, Rabi'ah, Malik, al-Syāfi'i, Abū 'Ubayd, Abū Thawr dan lain-lain.⁵⁹

Lojik 5; Ia dianggap dari hak-hak *abdān* yang tidak sabit kecuali dari dua orang saksi lelaki.⁶⁰

Lojik 6; Zina adalah seburuk-buruk maksiat. Justeru itu syarak mempersempitkan wasilah pembuktian untuk menutup keaiban individu terbabit.⁶¹

Pendapat Kedua:

Harus diterima kesaksian wanita bersama kesaksian lelaki atau secara bersendirian (**tanpa lelaki**) di dalam kes yang dikenakan hudud dan qisas.

Ini adalah pendapat Ibn Hazm, Atā' dan Ḥammād di dalam salah satu pandangannya.⁶² Manakala di dalam satu riwayat yang lain Ḥammād tidak menerima kesaksian wanita di dalam kes hudud.⁶³

⁵⁹ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*. Jalāl al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Maḥallī (1995), *Syarḥ Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Maḥallī 'alā Minhāj al-Tālibīn*, (dicetak bersama Ḥāsyiyatān: Qalyūbi - 'Umayrah), j. 4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 326. Syihāb al-Dīn Aḥmad b. Aḥmad b. Salāmah al-Qalyūbi - Syihāb al-Dīn Aḥmad al-Barlasiyy 'Umayrah (1995), Ḥāsyiyatān: *Qalyūbi - 'Umayrah ('alā Syarḥ Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Maḥallī 'alā Minhāj al-Tālibīn)*, j. 4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 326.

⁶⁰ Ibn Farhūn (1301H), *op.cit.*, h. 215.

⁶¹ al-Šāwī (1995), *op.cit.*, h. 119.

⁶² Abū Muḥammad 'Alī b. Aḥmad b. Sa'īd b. Hazm al-Andalūsi (1988), *al-Muḥallā bi al-Āthār*, (tabqiq: Dr. 'Abd al-Ghaffār Sulaymān al-Bandari), j. 8. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 476, 480. al-'Ayni, *op.cit.*, h. 125. Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 117.

⁶³ Ibn Hazm (1988), *op.cit.*, h. 479

Pendapat lain yang diriwayatkan ‘Abd al-Razzāq dari Ibn Jurayḥ dari Hisyām bin Hujayr daripada seseorang yang diredai – seolah-olah dia maksudkan Ṭawūs – telah berkata: ***Harus kesaksian wanita dalam setiap perkara bersama lelaki kecuali zina, disebabkan tidak patut mereka melihat kepada perbuatan sedemikian.***⁶⁴

Sebahagian *fuqahā'* hanya menerima kesaksian wanita bersama lelaki di dalam kes qisas sahaja seperti Sufyān al-Thawrī di dalam salah satu pandangannya yang menerima kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki di dalam kes qisas dan selainnya kecuali hudud. Adapun kesaksian wanita semata-mata, beliau hanya menerimanya di dalam kes yang tidak dilihat kecuali oleh wanita sahaja.⁶⁵

Pendapat kedua Maliki di dalam kes melukakan dengan sengaja sama ada dikenakan qisas atau tidak ialah boleh disabitkan dengan kesaksian seorang lelaki bersama dua orang wanita atau salah satu darinya bersama sumpah.⁶⁶ Ia merupakan salah satu *al-mustahsanāt al-arba'* (empat hukum istihsan)⁶⁷ Imam Malik

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 119. Ibn Hazm (1988), *op.cit.*, h. 480. Satu pandangan lagi daripada Sufyān al-Thawrī ialah beliau menerima kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki di dalam semua kes kecuali hudud dan qisas. Sila lihat *ibid.*

⁶⁶ al-Dardir (1995), *al-Syarḥ al-Ṣaghīr*, h. 123. al-Ṣāwī (1995), *op.cit.*, h. 123. Alisy (1983), *op.cit.*, h. 453. Ibn Farhūn, (1301H), *op.cit.*, h. 214-215.

⁶⁷ *Istihsān*: dari sudut literal ialah menganggap sesuatu itu baik. Menurut istilah pula terdapat banyak takrifan ulama. Perbezaan hanya wujud pada lafaz atau pendekatannya sahaja, bukan kepada intipatinya. Ringkasnya *Istihsān* ialah sesuatu yang diingini seseorang dalam sesuatu perkara walaupun ia tidak disukai oleh orang lain. Ia memberi maksud sesuatu perkara yang dikira baik yang lahir hasil pemikiran ulama mujtahid dalam perkara yang bertentangan dengan hukum *qiyyas jaliyy* (*qiyyas* terang). Walaupun begitu ia juga mempunyai sandaran dari al-Quran atau hadis atau konsensus atau *qiyyas khafiy* (*qiyyas* tersembunyi/tidak jelas) atau situasi yang memerlukannya. *Istihsān* merupakan sumber hukum yang tidak disepakati *fuqahā'*. Sila lihat ‘Abd al-Karīm Zaydān (Dr.)(1987), *al-Wajiz fi Usūl al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 231. Wahbah al-Zuhaylī (Dr.)(1986), *Usūl al-Fiqh al-Islāmiy*, j 2. Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 737-739.

di dalam kes melukakan dengan sengaja yang mewajibkan qisas walaupun ia bukan dari bab harta atau yang dimaksudkan dengan harta.⁶⁸

Pendapat ketiga Maliki ialah diterima kesaksian seorang lelaki bersama dua orang wanita atau salah satu dari keduanya bersama sumpah pendakwa di dalam kes melukakan yang hanya dikenakan denda mal sahaja iaitu tidak dikenakan qisas.⁶⁹

Ibn Hazm mengharuskan seorang lelaki atau dua orang wanita bersama sumpah pendakwa dalam semua kes yang disebutkan kecuali hudud.⁷⁰

Teori Hujjah Ibn Hazm:

Penulis merasakan adalah lebih baik sekiranya kita diperkenalkan secara ringkas berkenaan dasar yang difahami serta digunakan oleh Ibn Hazm untuk di buat hujjah dalam topik kesaksian wanita secara amnya sebelum kita menjurus kepada hujjah-hujjah beliau menyentuh kesaksian wanita di dalam kes hudud dan qisas. Ini adalah kerana pendekatan yang digunakan adalah selaras di dalam mana-mana kes kesaksian, yang mana dengannya kita akan lebih mudah memahami serta menanggapi pendirian beliau khususnya apabila memasuki topik kes seterusnya.

⁶⁸ al-Sāwī (1995), *op.cit.* al-Dardīr (1995), *al-Syarḥ al-Saghīr*. ‘Alisy (1983), *op.cit.*

⁶⁹ Ibn Farhūn, (1301H), *op.cit.*

⁷⁰ Ibn Hazm (1988), *op.cit.*, h. 476.

Ibn Ḥazm melalui kitabnya yang masyhur ‘*al-Muḥallā bi al-Athār*’ mempunyai platformnya yang tersendiri berhubung kesaksian wanita. Teori asas yang digunakan ialah dua orang saksi wanita adil boleh mengambil tempat seorang saksi lelaki adil dalam semua topik yang diharuskan sekurang-kurangnya empat saksi lelaki adil seperti zina atau dua saksi lelaki adil seperti hudud selain zina, qisas, nikah, talak, rujuk dan harta.⁷¹

Dalil-dalil Umum yang digunakan sebagai landasan teori tersebut ialah;

Hadis 1:

Hadis Abū Sa‘īd al-Khudrī;⁷²

أَلَيْسَ شَهَادَةُ الْمَأْمِنِ مُنْصَفٌ شَهَادَةِ الرَّجُلِ؟

Maksudnya;

Bukankah kesaksian seorang wanita menyamai setengah kesaksian seorang lelaki?

Hadis 2:

Daripada 'Abd Allāh Ibn 'Umar r.a bahawa Rasulullah S.A.W bersabda;

فَشَهَادَةُ امْرَأَتَيْنِ تَعْدِلُ شَهَادَةَ رَجُلٍ

Maksudnya;

Maka kesaksian dua orang wanita menyamai kesaksian seorang lelaki.⁷³

⁷¹ Ibid.

⁷² Telah ditakhrījkan di muka surat 129.

⁷³ *Sahīh Muslim*, j. 2. h. 56, Bāb Bayān Nuqṣān al-Imān bi Naqṣ al-Tā'āt wa Bayān... no. hadis 203. *Masnād al-Imām Aḥmad*, j. 2. h. 170, no. hadis 5335. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 15. h. 169, Bāb Mā Ja'ā fī 'Adadīhinn, no. hadis 20990. h. 164, Bāb al-Syahādah fī al-Dayn wa mā fī Ma'nāhu mimma..., no. hadis 20979.

Berdasarkan dua hadis di atas Ibn Ḥazm mengulas bahawa Nabi S.A.W telah memutuskan bahawa kesaksian dua orang wanita menyamai kesaksian seorang lelaki. Maka tidak harus diterima pada setiap tempat kesaksian lelaki kecuali dengan dua orang wanita.⁷⁴

Sekiranya dikatakan:

Maka kenapa kamu tidak mengambil dalil ini untuk menerima kesaksian seorang lelaki, sedangkan ia disahkan oleh Syurayḥ, Miṭrafi bin Māzin dan Zurārah bin Awfā atau kesaksian seorang wanita, sedangkan ia telah diterima oleh Mu'āwiyah?

Ibn Ḥazm mempertahankan hujjahnya dengan mengatakan:

'Kami telah ditegah oleh hukum Rasulullah S.A.W dengan sumpah bersama saksi. Jikalau harus diterima kesaksian seorang sedangkan ia tidak diterima Rasulullah S.A.W, nescaya bersumpah itu lebih baik. Minta dijauhkan daripada semua itu. Yang sahih ialah tidak harus diterima kesaksian seorang lelaki atau seorang perempuan kecuali dalam kes halil dan penyusuan.'

Dalil keharusan seorang lelaki atau dua orang wanita bersama sumpah pendakwa dalam semua kes yang disebutkan kecuali hudud;

Athar daripada Ibn 'Abbās r.a;

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَضَىٰ بِيَمِينٍ وَشَاهِدٍ

Maksudnya:

Bahawa Rasulullah S.A.W telah berhukum dengan sumpah dan seorang saksi.⁷⁵

⁷⁴ Ibn Ḥazm (1988), *op.cit.*, h. 487

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ *Ibid.*, h. 490. Lihat juga *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 12. h. 4, Bāb al-Qaḍā' bi al-Yamin wa al-Syāhid, no. hadis 4426. *Masnad al-Imām Aḥmad*, j. 1. h. 525, no. hadis 2969. *Sunan Abī Dāwūd*, j. 3. h. 308, Bāb al-Qaḍā' bi al-Yamin wa al-Syāhid, no. hadis 3609. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 15. h. 212, Bāb al-Qaḍā' bi al-Yamin ma'a al-Syāhid, no. hadis 21126, 21127.

أن النبي صلى الله عليه وسلم قضى باليمين مع الشاهد

Maksudnya:

Bahawa Nabi S.A.W telah berhukum dengan sumpah bersama seorang saksi.⁷⁷

Sekiranya kesaksian seorang lelaki adil bersama sumpah pendakwa diterima sebagaimana yang diisyaratkan Nabi S.A.W, begitu juga diterima kesaksian dua orang wanita bersama sumpah pendakwa kerana kesaksian dua orang wanita boleh mengambil tempat kesaksian seorang lelaki adil menurut Ibn Ḥazm. Seterusnya beliau berpendapat bahawa maksud hadis ini adalah umum pada semua kes, maka wajiblah beramal dengannya dalam kes darah, qisas, nikah, talak, rujuk, harta kecuali hudud. Tambahan pula tiada nas-nas lain yang mengecualikan kes-kes tersebut. Adapun hudud, penuntut hak-hak tersebut ialah Allah S.W.T.

⁷⁷ Ibn Ḥazm (1988), *op.cit.*, h. 490. Beliau turut meriwayatkan athar dengan lafaz yang sama daripada Jābir bin ‘Abd Allāh. Sila lihat *ibid*. Lihat juga *Masnūd al-Imām Ahmad*, j. 6. h. 384, no. hadis 22082. j. 4. h. 236, no. hadis 13987. j. 1. h. 525, no. hadis 2970: ‘Amru berkata ianya adalah untuk kes harta. *Sunan al-Tirmidī*, j. 4. h. 554, Bāb Mā Jā’ a fī al-Yāmīn ma’ a al-Syāhid, no. hadis 1341: Abū ‘Isā berkata hadis yang diriwayatkan Abū Hurayrah r.a adalah Ḥasan Ghārīb. h. 555, no. hadis 1342. h. 556, no. hadis 1343: Abū ‘Isā berkata ini lebih sahih. Demikian juga yang diriwayatkan Sufyān al-Thawrī dari Ja’far bin Muḥammad dari bapanya dari Nabi secara Mursal. Sebahagian ahli ilmu dari kalangan sahabat Nabi S.A.W dan selainnya berpendapat harus kesaksian seorang saksi bersama sumpah di dalam *ḥuqūq* dan *amwal*. Ia juga merupakan pendapat Mālik bin Anas, al-Syāfi’ī, Ahmad dan Ishāq. Mereka berkata tidak dihukumkan dengan kesaksian seorang saksi bersama sumpah kecuali di dalam *ḥuqūq* dan *amwal*. Manakala Ahli Kufah dan selainnya dari kalangan ahli ilmu tidak berhukum dengan sumpah bersama seorang saksi. *Sunan Abī Dāwūd*, j. 3. h. 308, Bāb al-Qadā’ bi al-Yāmīn ma’ a al-Syāhid, no. hadis 3611. Mālik b. Anas r.a (1985), *al-Muwaṭṭa*, h. 721, Kitāb al-Aqdiyyah, Bāb al-Qadā’ bi al-Yāmīn ma’ a al-Syāhid, no. hadis 5. Imam Malik berkata ianya khusus untuk kes mal. Oleh yang demikian ia tidak harus menyabitkan ke hudud, nikah, talak dan selainnya. *Ibid*, h. 722. *Sahīh Ibn Hibbān*, j. 4. h. 391, no. hadis 4976. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 15, h. 215, Bāb al-Qadā’ bi al-Yāmīn ma’ a al-Syāhid, no. hadis 21140. h. 213, no. hadis 21132. h. 204, no. hadis 21098; Salamah berkata di dalam hadis dari ‘Abd al-Razzāq; telah berkata ‘Amr ianya di dalam *ḥuqūq*. h. 204- 207, no. hadis 21099 – 21109 dan lain-lain. *Sunan al-Nisā’ī al-Kubrā*, j. 3. h. 472, Bāb al-Hukm bi al-Yāmīn ma’ a al-Syāhid al-Wāhid, no. hadis 5964, 5966 – 5969. *Sunan Ibn Mājah*, j. 2. h. 794, Bāb al-Masājid wa al-Jamā’āt, no. hadis 2435, 2436.

Oleh sebab itu orang yang dituduh zina, orang yang dicuri barangnya dan lain-lain tiada hak untuk menyabit, menggugur atau membuat tuntutan berkenaan hak-hak tersebut.⁷⁸

Dalil-dalil Khusus yang digunakan Ibn Ḥazm untuk menerima kesaksian wanita dalam kes hudud dan qisas.

1. Al-Quran

a. Ayat 4 Surah al-Nūr mewajibkan empat orang saksi lelaki dalam kes zina. Menggunakan nisbah seorang saksi lelaki bersamaan dua orang saksi wanita; harus kesaksian 3 orang lelaki adil bersama 2 orang saksi wanita adil atau dua lelaki bersama empat wanita atau seorang lelaki bersama 6 wanita atau 8 orang wanita di dalam kes zina. Kesaksian 3 orang lelaki bersama dua orang perempuan telah mencapai maksud empat *syuhadā'* sebagaimana yang dikehendaki oleh nas iaitu tiga lelaki serta salah seorang saksi wanita tersebut.⁷⁹

b. Ayat 282 Surah al-Baqarah berkenaan kesaksian dalam kes hutang dan ayat 2 Surah al-Talāq memberi petunjuk disyariatkan bilangan kesaksian iaitu:⁸⁰

- Harus diterima kesaksian dua orang lelaki adil dalam semua hak-hak kecuali zina.

⁷⁸ Ibn Ḥazm (1988), *op.cit.*, h. 490 – 491.

⁷⁹ *Ibid.*, h. 484.

⁸⁰ *Ibid.*, h. 476.

- ii) Harus kesaksian seorang lelaki bersama dua orang wanita adil dalam kes hutang yang ditangguhkan iaitu melalui ayat 282 al-Baqarah.

Menggunakan nisbah seorang saksi lelaki bersamaan dua orang saksi wanita, Ibn Ḥazm mengharuskan kesaksian lelaki bersama dua orang wanita atau kesaksian 4 wanita dalam semua kes kecuali zina.⁸¹

2. Sunnah

Hadis 1:

Sabda Rasulullah S.A.W;

شَاهِدَاكُمْ أَوْ يَمِينَهُ لِيْسَ لَكُمْ إِلَّا ذَالِكُمْ

Maksudnya:

*Dua saksi engkau atau sumpahnya, tiada bagi engkau kecuali demikian.*⁸²

Hadis 2:

Daripada Abi Wā'il daripada 'Abd Allāh bin Mas'ūd r.a telah berkata: Sabda Rasulullah S.A.W:

مَنْ حَلَفَ بِيْمَنِ صَبَرَ لِيَقْتَطِعَ هَمَا مَالَ امْرَىءِ مُسْلِمٍ لِقَيْ اللَّهُ وَهُوَ عَلَيْهِ
غَضْبَانَ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَصْدِيقَ ذَلِكَ {إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَلَا يَنْفَعُهُمْ ثُمَّ
قَلِيلًاً أُولَئِكَ لَا خَلَاقَ لَهُمْ فِي الْأَعْرَةِ} (آل عمران: ٧٧) إِلَى آخر الآية.

قال: فدخل الأشعث بن قيس وقال: ما يحذثكم أبو عبد الرحمن؟
قلنا: كذا وكذا. قال: في أَنْزَلَتْ، كانت لي بدر في أرض ابن عم لي، قال
النبي صلى الله عليه وسلم: يَبْتَثُكُمْ أَوْ يَمِينُهُ.

⁸¹ Ibid.

⁸² *Sahīh Bukhārī*, j. 2. h. 131, Bāb al-Yamīn 'alā al-Muddā'ā 'Alayh fī al-Amwāl, no.hadis 2616. Bāb Idhā Ikhtalafā al-Rāhin wa al-Murtahin wa Nahwuhū, no. hadis 2469. *Sahīh Muslim*, j. 2. h. 131, Bāb Wa'id man Iqta'a Haqq Muslim bi Yamīn Fajirah bi al-Nār, no.hadis 313. Tanpa menyebut ليس لك إلا ذلك

Maksudnya:

Sesiapa yang bersumpah *ṣabr*⁸³ supaya diputuskan dengannya harta seseorang, dia (akan) bertemu Allah S.W.T dalam keadaan Allah murka padanya. Kemudian diturunkan firman Allah untuk membenarkan perkara tersebut yang bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang membeli janji Allah S.W.T dan sumpah mereka dengan harga yang sedikit. Tiadalah bahagian mereka di akhirat. Surah Ālī 'Imrān, ayat 77 hingga akhir ayat. Dia berkata: Kemerdekaan al-Asy'ath bin Qays telah masuk lalu berkata: Apa yang diberitahu Abū 'Abd al-Rahmān kepada kamu? Kami berkata: Demikian dan demikian. Maka berkata (al-Asy'ath): Padakulah ayat itu diturunkan. Aku mempunyai sebuah pergi di tanah anak bapa saudaraku. Nabi S.A.W telah bersabda: Keterangan (*bayyinah*) kamu atau sumpahnya.⁸⁴

Kedua hadis di atas menunjukkan bahawa disyaratkan *bayyinah* (keterangan) ke atas pendakwa dan sumpah kepada yang menafikan. Menurut Ibn Ḥazm, sekali Nabi S.A.W telah mentaklifkan pendakwa supaya membawa dua orang saksi dan pada kali yang lain menyebutnya *bayyinah*. Justeru itu beliau mendapati dua orang saksi adil juga dinamakan dengan *bayyinah*. Maka wajib diterima kesaksian keduanya dalam semua kes kecuali yang dilazimkan Allah S.W.T empat orang iaitu saksi zina.⁸⁵

⁸³ *Yamin al-Ṣabr*: iaitu sumpah dusta. Dinamakan sedemikian kerana ditetapkan serta diharuskan bagi orang yang menyebut sumpah ini berkata; Aku menahaninya (hak-hak) dengan sumpah atau aku bersumpah dengannya untuk memutuskan (mendapatkan) hak. Sila lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1996), *Fatḥ al-Bārī bi syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 13. h. 413.

⁸⁴ *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Bāb Inna alladhīn Yasyarūn bi 'Ahd..., no. hadis 4432, 6528, 6529. Bāb al-Ḥukm fī al-Bīr wa Naḥwihā, no. hadis 7024. *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 2. h. 130, Bāb Wa'id man Iqtata'a Haqq Muslim bi Yamin Fājirah bi al-Nār, no. hadis 312. Terdapat sedikit perbezaan pada sanad dan matan. Lihat juga *Masnūd al-Imām Ahmad*, j. 1. h. 688, no. hadis 4209. j. 6. h. 276, no. hadis 21462, 21463, 21464. *Sunan al-Tirmidhī*, j. 4. h. 468, Bāb Mā Jā'a fī al-Yamin Fājirah, no. hadis 1266. j. 8. h. 332, Bāb wa min Sūrah Āl 'Imrān, no. hadis 3091. Abū 'Isā berkata bahawa ini adalah hadis Hasan Sahih. *Sunan Ibn Hibbān*, j. 4. h. 394, no. hadis 4988, 4991. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 15. h. 394, Bāb al-Bayyinah 'alā al-Mudda'i wa al-Yamin 'alā al-Mudda't, no. hadis 21670. j. 14. h. 484, no. hadis 20338. j. 15. h. 222, no. hadis 21663. h. 223, no. hadis 21165. h. 226, no. hadis 21173. h. 397, no. hadis 21679. *Sunan al-Nisā'i al-Kubrā*, j. 3. h. 468, no. hadis 5950. h. 467, no. hadis 5946.

⁸⁵ Ibn Ḥazm (1988), *op.cit.*, h. 486 – 487

Hadis seterusnya ialah hadis riwayat Abū Sa‘id al-Khudrī r.a dan riwayat Ibn ‘Umar r.a sebagaimana yang telah disebut dan dijelaskan sebelum ini.

Hujjah-hujjah fuqahā’ selain Ibn Hazm:

- * *Qiyas* kepada kes-kes berhubung dengan harta. Sebagaimana kesaksian wanita dapat menyabit kes harta, maka demikian juga sabit kes hudud dan qisas dengan kesaksian mereka.⁸⁶
- * Hujjah pendapat kedua Maliki pula ialah sebahagian dari hukuman kesalahan melukakan dengan sengaja tidak perlu diqisas tetapi hanya dikenakan diat seperti *jā’ifah*⁸⁷ dan *ma’mūmah*.⁸⁸ Maka kes melukakan yang dikenakan qisas turut dianggap dari bab *māliyyāt*.⁸⁹ Ia juga merupakan salah satu hukum istihsan Imam Malik dalam kes melukakan dengan sengaja yang dikenakan qisas sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.
- * Hujjah pendapat ketiga Maliki pula ialah hanya kes melukakan yang dikenakan denda mal terdiri dari bab *māliyyāt*.

⁸⁶ Ibn Qudāmah (1983), *al-Muğhnī*.

⁸⁷ *Jā’ifah*: iaitu luka yang menembusi bahagian dalam batang tubuh seperti dalam kepala atau dalam perut. Lihat al-Imām al-Syāfi‘ī (1993), *op.cit.*, j. 6. h. 27. Wan Nik Wan Yussof (1995), *Jawapan Kepada Beberapa Kekeliruan Tentang Hudud*, Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, h. 56.

⁸⁸ *Ma’mūmah* : cedera yang melibatkan pecah tempurung kepala tetapi lukanya hanya menyentuh kulit otak sahaja dengan tidak mencarikkan otak.

⁸⁹ Ibn Farbūn (1301H), *op.cit.*

Justeru ia tidak boleh *dīqiyas*kan kepada kes melukakan yang dikenakan hukuman qisas. Juga dikatakan ianya hanya dalam kes luka yang kecil-kecil sahaja dan bukannya pada kes luka yang besar.⁹⁰

Pendapat Yang Rajih

Setelah meneliti pendapat dan hujjah-hujjah *fuqahā'*, penulis mendapati bahawa **pendapat pertama** iaitu yang menolak kesaksian wanita di dalam kes hudud dan qisas sama ada secara bersendirian atau bersama lelaki atau bersama sumpah adalah lebih *rājīh* berbanding pendapat yang kedua.

Justifikasi penulis:

1. Interpretasi majoriti *fuqahā'* terhadap 5 ayat al-Quran yang dijadikan sandaran hujjah adalah lebih tepat dan konkret berbanding interpretasi pendapat yang kedua. Ianya diperkuatkan lagi dengan huraian dua Hadis Sahih sebagaimana yang telah ditakhrījkan oleh penulis. Sebagaimana yang diketahui umum, sunnah Nabi S.A.W sama ada berbentuk perkataan atau perbuatan merupakan medium pertama bagi mendapatkan penjelasan atau huraian tepat kepada nas-nas al-Quran sebelum tafsiran atau hujjah akal digunakan.
2. Manakala athar, walaupun sebahagiannya dikategorikan sebagai daif seperti athar yang kedua, namun ia telah diperkuatkan dengan athar-athar lain yang lebih sahih.

⁹⁰ *Ibid.*, h. 214-215.

Apatah lagi athar yang sama telah diriwayatkan oleh berbilang sanad serta mengandungi makna yang sama sebagaimana yang telah ditakrijikan, yang mana ia dapat dikategorikan sebagai Hadis Hasan. Hukum Hadis Hasan ialah boleh dijadikan hujjah dan beramat dengannya.⁹¹ Athar-athar ini disokong pula oleh athar sahih iaitu riwayat dari al-Zuhri yang ditakrijikan oleh al-Albani.

عن الزهرى قال: لا يجلد فى شيء من الحدود الا بشهادة رجلى.

Maksudnya:

Dari al-Zuhri telah berkata: Tidak disebat sesuatu pun daripada hudud kecuali dengan kesaksian dua orang lelaki.

3. Selain daripada itu, terdapat ijmak *fuqahā'* di dalam kes zina dan hujjah-hujjah akal yang lojik untuk diterima serta relevan dengan fitrah manusia itu sendiri. Lebih-lebih lagi ia tidak bertentangan dengan nas naqli.

4. Terdapat beberapa hadis Nabi S.A.W yang menganjurkan supaya ditolak hudud apabila timbul sebarang bentuk syubhat. Kesaksian wanita dalam kes hudud dianggap boleh menimbulkan syubhat, oleh sebab itu kesaksian mereka ditolak.⁹² Antaranya ialah hadis riwayat Ibn Mas'ud yang berbunyi:

اذْرُوْا السَّحْدُودَ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنْ كُمْ إِنْ تُخْطِلُوا فِي الْعَفْوِ، خَرِّ
مِنْ أَنْ تُخْطِلُوا فِي الْعَقُوبَةِ، وَإِذَا وَجَدْتُمْ لِمُسْلِمٍ عَرَجَّاً،
فَادْرِءُوْا عَنْهُ السَّحْدَ.

Maksudnya:

Tolaklah hudud dari kaum muslimin selagi kamu mampu.

⁹¹ Sila lihat Nūr al-Dīn 'Atr (1981), *Manhaj al-Naqd fī 'Ulūm al-Hadīth*, c. 3. Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 271.

⁹² Ibn Nujaym al-Ḥanafī (1983), *al-Asybāh wa al-Naẓāir*, h. 143. Gambaran syubhat telah diterangkan dalam nota kaki no. 55 di muka surat 156.

*Maka sekiranya kamu tersalah mengampunkan lebih baik daripada kamu tersalah menjatuhkan hukuman. Dan apabila kamu dapat bagi seseorang muslim jalan keluar, maka hindarkanlah hudud daripadanya.*⁹³

Fuqahā' telah bersetuju supaya ditolak hudud dengan adanya syubhat dan hadis di atas telah diittifak untuk diterima.⁹⁴ Syubhat ialah menyerupai yang tepat (*thābit*) tetapi bukan tepat atau dengan perkataan lain perkara yang meragukan.

⁹³ Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā, j. 12. h. 470, Bāb Mā Jā'a fī Dar' al-Hudūd bi al-Syubhāt, no. hadis 17406.

Hadis-hadis lain seperti berikut;
Hadis riwayat 'Ā'isah r.a

فَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ نَادَرُوا الْحُدُوْدَ عَنِ الْمُسْلِمِينَ مَا اسْتَطَعْتُمْ فَإِنْ كَانَ لَهُ مُخْرَجٌ فَلْلَوْسِيْلَةَ فَإِنْ
الْإِمَامُ أَنْ يُخْطِيْلَ فِي الْعَفْوِ خَيْرٌ مِّنْ أَنْ يُخْطِيْلَ فِي الْعَقْوَةِ

Maksudnya:

Sabda Rasulullah S.A.W : Tolaklah hudud dari kaum muslimin selagi kamu mampu. Maka sekiranya terdapat cara untuk keluar daripadanya, rintislah jalan tersebut. Sesungguhnya seseorang imam yang tersalah mengampunkan lebih baik daripada dia tersalah menjatuhkan 'uqūbāt'

Lihat Sunan al-Tirmidhī, j. 4. h. 674, Bāb Mā Jā'a fī Dar' al-Hudūd, no. hadis 1425. Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā, j. 13. h. 451, Bāb al-Rajul min al-Muslimin qad Syahida al-Harb Yaqa' ..., no.hadis 18666, j. 12. h. 469. Bāb Mā Jā'a fī Dar' al-Hudūd bi al-Syubhāt, no. hadis 17401 dengan matan berbeza sedikit.

Hadis riwayat daripada Sya'bī dan Ibrāhīm:

وَقَدْ مَضَتِ الْأَخْبَارُ فِيهِ، فَسِيْرُ ذَرَءِ السَّحْدُودِ بِالثَّبَهَاتِ

Maksudnya:

Telah berlalu khabar padanya iaitu supaya menolak hudud dengan syubhat.

Lihat *ibid*, j. 15. h. 388, no. hadis 21653.

Hadis riwayat Abū Hurayrah r.a:

اذْفَعُوا الْحُدُوْدَ مَا وَجَدْتُمْ لَهُ مَنْقَعًا.

Maksudnya:

Tolaklah hudud selagi kamu dapat sesuatu yang dapat menolaknya

Lihat Sunan Ibn Mājah, j. 2. h. 851, Kitāb al-Nabi, no. hadis 2614.

⁹⁴ Ibn Nujaym al-Ḥanafī (1983), *al-Asybāh wa al-Naẓā'ir*, h. 142.

Jawapan kepada hujjah-hujjah Pendapat Kedua:

Pertama:

Dalil-dalil al-Quran yang dikemukakan jelas tidak menunjukkan keharusan kesaksian wanita di dalam kes hudud dan qisas, sama ada secara bersendirian atau bersama lelaki. Ia dapat diperhatikan melalui kaedah-kaedah berikut;

- a) Penggunaan lafaz *ta'nih al-'adad* dan *minkum* yang difirmankan dalam bentuk spesifik melalui ayat 4 al-Nūr atau ayat selainnya berkenaan kaedah kesaksian zina secara nyata tidak memberi petunjuk penerimaan kesaksian wanita. Ia ditegaskan pula oleh hadis-hadis dan athar. Juga tidak terdapat *qarīnah* yang mengharuskan wanita mengambil tempat kesaksian lelaki di dalam kes tersebut.

- b) Pendapat yang mengharuskan kesaksian dua orang wanita bersama tiga orang lelaki dan seterusnya adalah tidak menepati intipati lafaz “*arba'atan minkum*”.⁹⁵ Jawapan Ibn Ḥazm yang menyatakan bahawa kesaksian 3 orang lelaki bersama dua orang wanita telah mencapai maksud empat orang saksi adalah bertentangan dengan teorinya sendiri iaitu setiap tempat seorang saksi lelaki digantikan dengan dua orang wanita. Berdasar teori tersebut, jumlah yang patut dikira adalah termasuk kedua-dua wanita yang menjadi saksi bagi menggantikan seorang saksi lelaki dan bukannya terhad kepada salah seorang daripada mereka.

⁹⁵ al-'Aymī (1990), *op.cit.*, h. 125. Afandi (1966), *op.cit.*, h. 71.

- c) Berhubung ayat 2 al-Talāq, penggunaan kalimah *dhaway* jelas menunjukkan bahawa yang dikehendaki ialah dua orang saksi lelaki serta tiada *dilālah* yang menunjukkan ianya merangkumi saksi wanita. Kesaksian 4 orang wanita atau lebih sebagai ganti tempat dua orang saksi lelaki juga tidak terima berdasarkan ijmak.⁹⁶ Oleh itu tidak harus menafsirkan ayat ini dengan menerima kesaksian wanita dalam kes talak (atau rujuk) kerana ia bertentangan dengan zahir nas.
- d) Ayat 282 al-Baqarah merupakan nas yang mengatur cara-cara mendokumentasikan hutang dan mengukuhkan hak. Justeru itu para *mufassirin* dan *fuqahā'* kecuali Hanafi bersepakat menentukan ayat ini adalah khusus untuk kes mal serta tidak harus *dīqiyaskan* dengan kes selain harta. Sedangkan hudud dan qisas tidak termasuk hutang dan mal. Oleh itu tidak diterima kesaksian wanita padanya. Ikhtilaf yang wujud pada mazhab Hanafi adalah kerana mereka menganggap urusan selain hudud dan qisas seperti nikah dan talak dapat dikategorikan sebagai mengandungi maksud mal.

Qiyas kepada ayat 2 al-Talāq dan potongan ayat 28 al-Baqarah yang bermaksud ‘*Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari kalangan lelaki kamu*’, majoriti *fuqahā'* telah bersetuju menerima konsep kesaksian umum iaitu dua orang saksi lelaki adil dalam semua kes kecuali yang dinaskan secara khusus. Sekiranya kesaksian wanita di dalam kes talak ditolak, maka adalah lebih utama untuk ditolak kesaksian mereka di dalam kes hudud dan qisas memandang kepada impaknya yang lebih besar.

⁹⁶ al-Buhūtī (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*, h. 430.

Kedua:

Dalil-dalil sunnah yang dibawa oleh Ibn Ḥazm juga tidak menunjukkan keharusan kesaksian wanita di dalam hudud dan qisas.

- a) Dua hadis riwayat Abū Sa‘īd al-Khudrī r.a dan riwayat Ibn ‘Umar r.a yang menyamakan kesaksian wanita setengah kesaksian lelaki adalah merujuk kepada ayat 282 al-Baqarah, yang mana ianya adalah khusus untuk urusan mal dan bukannya untuk semua kes kesaksian. Pengkhususan kes mal telah ditafsirkan oleh perawi sebagaimana yang telah ditakhrījkan. Sedangkan kes hudud dan qisas bukan dari kategori *mudāyanah* dan mal. Oleh itu ia tidak dapat disabitkan dengan kaedah keterangan yang khusus untuk urusan mal.

- b) Manakala hadis al-Asy‘ath bin Qays juga berkenaan urusan harta serta juga tidak dapat diqiyaskan dengan kes hudud dan qisas. Lafaz *al-Bayyinah* di sini adalah umum merangkumi semua jenis keterangan yang dapat membuktikan fakta berkait dengan kes mal. Ianya telah diperincikan melalui dalil al-Quran dan sunnah iaitu sama ada dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang wanita atau seorang saksi bersama sumpah pendakwa.

Ketiga:

Dalil-dalil yang digunakan oleh Ibn Ḥazm bagi mengharuskan kesaksian dua orang wanita bersama sumpah pendakwa dalam semua kes kecuali hudud tidak memberikan pengertian yang dimaksudkan. Ini adalah kerana dalil-dalil tersebut khusus untuk kes mal sebagaimana yang telah ditakhrījkan.

Jikalau kesaksian wanita bersama lelaki pun tidak diterima di dalam kes hudud dan qisas berdalilkan al-Quran, sunnah dan *qiyas* sekalipun jumlah mereka melebihi dua orang, maka lebih utama kesaksian mereka bersama sumpah pendakwa ditolak kerana keadaan sumpah lebih lemah berbanding kesaksian seorang lelaki. Walaupun terdapat pendapat Maliki yang mengharuskan kesaksian dua orang wanita bersama sumpah pendakwa tetapi keharusan tersebut terhad untuk kes mal disebabkan urusan tersebut tidak tertolak dengan adanya syubhat. Sedangkan hudud tertolak bila terdapat syubhat berdasarkan dalil-dalil yang telah disebutkan.

Keempat:

Amalan *qiyas* kes hudud dan qisas kepada kes mal dari segi kaedah penetapan hak adalah tidak tepat sama sekali sebagaimana alasan golongan yang sepandapat dengan Ibn Hazm. Ini adalah kerana urusan mal dipermudahkan syarak memandangkan ianya terlalu kerap berlaku di dalam masyarakat serta impaknya yang lebih ringan berbanding hudud dan qisas. Sedangkan implikasi kes hudud dan qisas adalah berat membabitkan nyawa dan maruah seseorang. Justeru itu, kaedah kesaksian diperketatkan bagi menutup keaiban individu terbabit dan menjaga maslahah umum.

Jikalau harus diqiyaskan kes hudud dan qisas kepada mal, nescaya ianya praktikal kepada semua jenis jenayah hudud dan qisas seperti kes zina. Sedangkan ianya tidak dipersetujui Ibn Hazm sendiri dan golongan yang sepandapat dengannya. Mereka turut mengatakan sekurang-kurangnya kesaksian empat orang lelaki atau setiap dua orang wanita menggantikan tempat seorang lelaki hingga mencapai bilangan maksimum sebanyak lapan orang wanita.

Dari dulu sehingga kini tiada satu pun pendapat yang menyatakan harus diterima kesaksian dua orang lelaki atau dua orang wanita bersama seorang lelaki atau kesaksian saksi bersama sumpah pendakwa di dalam kes zina. Padahal kaedah tersebut dapat menyabitkan kes harta dan yang dimaksudkan dengan mal. Ini menunjukkan bahawa *qiyas* tersebut telah lari daripada landasan serta kontradiksi dengan nas-nas yang khusus bagi menyabitkan kes hudud dan qisas.

Kelima:

Ibn Hazm dan golongan yang sepandapat dengannya yang mengharuskan kesaksian wanita serta menyamakan kesaksian mereka separuh dari kesaksian lelaki di dalam semua kes sepatutnya mengambil-kira perbezaan tabiat yang ketara wujud antara lelaki dan wanita serta hikmah disebalik penetapan secara rigid dalam syarat kesaksian hudud dan qisas.

Hakikatnya lojik akal majoriti *fuqahā'* senada dengan interpretasi ayat 282 al-Baqarah oleh para *mufassirin* serta selaras dengan fakta kajian saintifik terhadap fitrah kejadian wanita. Antaranya ialah '*uqūbāt*' yang dikenakan kepada pesalah jenayah hudud dan qisas adalah terlalu berat dan risiko kesan sampingan kepada mental dan spiritual juga tinggi baik kepada saksi maupun pesalah. Justeru, wanita yang dibekalkan dengan kelembutan serta kaya dengan emosi adalah tidak sesuai untuk dihadapkan kepada kes jenayah yang boleh menyentuh jiwa mereka. Apatah lagi kes-kes sebegini biasanya hanya dihadiri dan dilihat oleh kaum lelaki. Sudah tentu menyukarkan wanita untuk tampil ke hadapan sebagai saksi dalam kes-kes tersebut.

Berbeza dengan hak-hak yang biasanya hanya dilihat oleh wanita seperti keaiban wanita, kelahiran dan seumpamanya, maka syarak telah mengharuskan kesaksian mereka semata-mata walau tanpa lelaki dan sumpah pendakwa bertujuan memelihara aurat mereka serta menutup pintu kerosakan moral dan sosial akibat dari penglihatan lelaki kepada aurat wanita tanpa darurat.

Kesimpulannya ialah setiap hukum yang mahu ditetapkan harus mengambil kira *maqāṣid* umum dan konsekuensi dengan latarbelakang serta situasi sesuatu masalah yang berbeza-beza antara satu sama lain.

Keenam:

Sementara itu, hujjah sebahagian Maliki yang mengharuskan kesaksian dua orang wanita bersama saksi lelaki atau salah satu dari keduanya bersama sumpah pendakwa memerlukan dalil-dalil yang kuat walaupun hanya di dalam kes melukakan dengan sengaja yang mewajibkan qisas. Sedangkan ia tidak wujud dan bertentangan dengan nas hadis serta lojik yang lebih sahih sebagaimana yang dikemukakan oleh jumhur. Oleh itu tidak harus beramal dengan teori yang lemah seperti ini.

Manakala *qiyyas* kes melukakan yang mewajibkan qisas dengan mal adalah bercanggah dengan amalan *qiyyas* itu sendiri kerana wujudnya perbezaan ‘illah antara kedua bidang tersebut. Urusan mal tidak memberikan implikasi yang berat berbanding kes jenayah serta tidak gugur dengan adanya syubhat. Sedangkan kes qisas sama seperti hudud yang tertolak dengan adanya syubhat..

1.2. Hukum Kesaksian Wanita Di Dalam Kes Takzir

Kes takzir dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu Takzir Badani dan Takzir Mali.⁹⁷ Hukum kesaksian wanita turut berbeza menurut kategori tersebut.

1.2.1. Kes Jenayah Takzir Badani

Hukum kesaksian wanita di dalam kes jenayah Takzir Badani (seperti pukulan, penjara dan seumpamanya) terbahagi kepada tiga pendapat;

Pendapat Pertama:

Tidak diterima kesaksian wanita secara bersendirian atau bersama lelaki. Sekurang-kurangnya kesaksian dua orang lelaki adil bagi menyabit kes Takzir Badani sebagaimana di dalam kes qisas dan hudud selain zina.

Ini adalah pendapat mazhab Syāfi'i,⁹⁸ Hanbali,⁹⁹ dan Hanafi yang diriwayatkan dari al-Hassan dari Abu Hanifah.¹⁰⁰

Hujjah-hujjah Pendapat Ini:

⁹⁷ Sila lihat Wahbah al-Zuhayli (Dr.) (1989), *op.cit.*, h. 390-391.

⁹⁸ Muhy al-Dīn Yahyā b. Syaraf Abī Zakariyyā al-Nawawī (1995), *Rawdah al-Tālibīn wa 'Umdah al-Mufīn*, (bersamanya Ḥawāṣī al-Rawdah), j. 10. Beirut: Dār al-Fikr, h. 29. al-Mahallī (1995), *op.cit.* al-Qalyūbī - 'Umayrah (1995), *op.cit.*

⁹⁹ Mansūr b. Yūnus b. Idrīs al-Buhūtī (t.t), *al-Rawd al-Murbi' bi Syarḥ Zād al-Mustaqni'* – *Mukhtaṣar al-Muqni'*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 418. _____ (1394H), *Kasyyāf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*, h. 428.

¹⁰⁰ al-Kāsānī al-Ḥanafī (1974), *op.cit.*, j. 7. h. 65. Afandi (1966), *op.cit.*, h. 72.

- Kes-kes jenayah takzir sama seperti jenayah hudud yang mengandungi risiko yang tinggi serta hukuman yang berat.¹⁰¹ Justeru itu kaedah kesaksian telah diperketatkan dengan tidak menerima kesaksian wanita padanya.¹⁰²
- Tidak diterima kesaksian wanita secara bersendirian kerana kelemahan aqal mereka berbanding lelaki dan ditolak kesaksian mereka walau bersama lelaki kerana ia bukanlah dari urusan harta dan apa yang dimaksudkan dengan harta.¹⁰³

Pendapat kedua:

Harus diterima sekurang-kurangnya kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki adil serta tidak diterima kesaksian wanita secara bersendirian.

Ini adalah salah satu pendapat mazhab Hanafi¹⁰⁴ yang paling sahih serta ditarjihkan oleh al-Kāsānī.¹⁰⁵

Hujjah-hujjah Pendapat Ini:

- Kes takzir hanya melibatkan hak-hak hamba semata. Oleh itu ia boleh disabitkan dengan keterangan yang mampu membuktikan fakta berhubung hak-hak hamba seperti kesaksian wanita bersama lelaki, kesaksian atas kesaksian dan lain-lain.¹⁰⁶

¹⁰¹ al-Nawawi (1995), *op.cit.*, h. 29.

¹⁰² al-Mahallī (1995), *op.cit.*

¹⁰³ *Ibid.*

¹⁰⁴ al-Mūṣilī al-Hanafī (t.t), *op.cit.*

¹⁰⁵ al-Kāsānī al-Hanafī (1974), *op.cit.*

¹⁰⁶ *Ibid.*

- Kes-kes selain hudud dan qisas boleh disabitkan dengan adanya syubhat termasuk takzir yang mana kesaksian wanita dianggap mengandungi syubhat.¹⁰⁷

Pendapat Ketiga:

Harus diterima kesaksian wanita secara bersendirian iaitu empat orang wanita adil atau kesaksian dua orang wanita bersama sumpah pendakwa sebagaimana diterima kesaksian seorang lelaki bersama sumpah pendakwa.

Ini adalah pendapat Ibn Hazm dari mazhab Zahiri.¹⁰⁸

Mazhab Maliki menerima kesaksian seorang lelaki bersama dua orang wanita atau salah satu dari keduanya bersama sumpah pendakwa.¹⁰⁹ Ia difahami daripada penerimaan mereka terhadap kesaksian tersebut di dalam kes melukakan dengan sengaja sama ada dikenakan qisas atau diat berdasarkan hukum istihsan. Sekiranya dalam kes yang risikonya lebih berat ia diterima, nescaya di dalam kes takzir yang lebih ringan impaknya turut diterima paling minimum kesaksian dua orang wanita bersama sumpah pendakwa.

Hujjah-hujjah Pendapat Ketiga:

Sebagaimana yang telah diterangkan di bawah topik kes hudud dan qisas sebelum ini.

¹⁰⁷ al-Muṣīlī al-Hanafī (t.t), *op.cit.*

¹⁰⁸ Ibn Hazm (1988), *op.cit.*, h. 476.

¹⁰⁹ Abū al-Barākāt Sayyidī Ahmad al-Dardīr (t.t), *al-Syarḥ al-Kabīr*, (dicetak bersama Ḥasyiyah al-Dusūqī 'alā al-Syarḥ al-Kabīr), j. 4. (T.T.P): Dār al-Fikr, h. 188. Syams al-Dīn al-Sayykh Muḥammad al-Dusūqī (t.t), *Ḥasyiyah al-Dusūqī 'alā al-Syarḥ al-Kabīr*, j. 4. (T.T.P): Dār al-Fikr, h. 188.

Pendapat Yang Rajih

Pada pandangan penulis: pendapat pertama adalah pendapat yang *rājīh* berbanding dua pendapat lain iaitu tidak diterima kesaksian wanita bagi menyabitkan kes Takzir Badani sama ada secara bersendirian atau bersama lelaki. Ini adalah kerana topik *qiyas* adalah selaras antara satu sama lain iaitu jenayah takzir sama seperti qisas serta tiada korelasi dengan mal. Manakala dua pendapat lain yang *marjūh* menyandarkan kes takzir sama seperti mal. Padahal *qiyas* tersebut adalah tidak tepat kerana jenayah takzir adalah jenayah dan mal adalah mal. Oleh itu perbezaan asas atau '*illah* sudah tentu akan membawa kepada perbezaan hukum pula.

1.2.2. Kes Jenayah Takzir Mali

Hukum kesaksian wanita di dalam kes Jenayah Takzir Mali iaitu kes jenayah yang tidak dikenakan hukuman had dan qisas seperti tersalah bunuh, separuh sengaja atau bunuh yang tidak dikenakan qisas, *jā'ifah*, *hāsyimah*,¹¹⁰ *ma'mūmah*, *muwaddīhah*,¹¹¹ *munaqqilah*¹¹² dan seumpamanya, terbahagi kepada tiga pendapat iaitu;

Pendapat Pertama:

Harus diterima sekurang-kurangnya kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki atau kesaksian seorang lelaki bersama sumpah pendakwa.

¹¹⁰ *Hāsyimah*: patah yang tidak menggelincahkan sendi. Sila lihat al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*

¹¹¹ *Muwaddīhah*: luka yang mendedahkan tulang. Sila lihat *ibid.*

¹¹² *Munaqqilah*: patah yang menggelincahkan sendi.

Ini adalah pendapat majoriti *fiqahā'* Hanafi,¹¹³ Hanbali,¹¹⁴ dan Syāfi'i¹¹⁵ kecuali Imam Syāfi'i hanya menerima pada kes melukakan yang tidak dikenakan qisas seperti *al-jā'ifah* dan kes jenayah yang hanya perlu didenda dalam bentuk harta seperti tersalah bunuh. Sekiranya luka tersebut dari jenis *hāsyimah*, *muwaddihah* atau *ma'mūmah*, beliau tidak menerima kurang dari dua orang saksi lelaki adil. Pendapat ini juga merupakan salah satu daripada 3 pendapat mazhab Maliki dan paling *rājiḥ* di sisi mereka.¹¹⁶

Hujjah-hujjah mereka ialah;

* Kerana jenis kesalahan tersebut tidak perlu dikenakan hukuman qisas tetapi hanya dikenakan diat iaitu gantirugi yang berbentuk harta.¹¹⁷ Setiap kes melukakan yang tidak dikenakan qisas maka ia adalah mal seolah-olah kes jual beli juga. Urusan mal sabit dengan kesaksian seorang lelaki bersama dua orang wanita menurut ayat 2 al-Baqarah. Al-Mahallī menjelaskan bahawa kesaksian dua orang wanita bersama sumpah atau secara bersendirian tidak dapat menyabitkan mana-mana hak kerana al-Quran tidak menyebut tentangnya.¹¹⁸

¹¹³ Afandi (1966), *op.cit.*, h. 72, 75.

¹¹⁴ Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *al-Kāfi*, h. 537. al-Buhūtī (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā'* 'an *Matn al-Iqnā'*, h. 430. Ibn Taymiyah (t.t), *op.cit.*, h. 322.

¹¹⁵ al-Muzani (1993), *op.cit.*, h. 269. al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*

¹¹⁶ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 643. Ibn Farhūn, (1301H), *op.cit.*, h. 214. al-Dardir (t.t), *al-Syarḥ al-Kabīr*, h. 187-188. al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h. 187-188.

¹¹⁷ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 25. Afandi (1966), *op.cit.*, h. 72.

¹¹⁸ al-Mahallī (1995), *op.cit.*

Pendapat Kedua:

Harus diterima kesaksian wanita secara bersendirian atau dua orang wanita bersama sumpah pendakwa.

Ini adalah pendapat Ibn Hazm¹¹⁹ dan pendapat kedua Maliki kecuali Maliki tidak mengharuskan kesaksian wanita secara bersendirian tanpa sumpah.¹²⁰

Hujjah-hujjah mereka ialah;

* Kes tersebut berkait dengan harta yang mana ia dapat disabitkan dengan kesaksian dua orang wanita adil bersama sumpah empunya hak. Imam Malik berpendapat kesaksian dua orang wanita adil bersama sumpah empunya hak sama kedudukannya dengan kesaksian seorang lelaki bersama sumpah pendakwa di dalam urusan mal.¹²¹ Manakala Ibn Ḥazm menyatakan demikian untuk semua kes kecuali hudud sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Teori dasar Ibn Ḥazm berhubung kesaksian wanita telah dikemukakan di bawah topik kes hudud dan qisas.

Imam Saḥnūn berpendapat kesaksian wanita diterima dalam kes tersalah bunuh sekiranya badan si mati masih wujud serta dipersaksikan oleh saksi-saksi lelaki yang adil bahawa mangsa tersebut telah mati.

¹¹⁹ Ibn Hazm (1988), *op.cit.*

¹²⁰ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 24-25 & 28. al-Ṣāwi (1995), *op.cit.* al-Dardīr (1995), *al-Syarḥ al-Ṣaghīr*. ‘Alisy (1983), *op.cit.*, h. 450, 453. Ibn Farḥūn, (1301H), *op.cit.*, h. 214-215. al-Dardīr (t.t), *al-Syarḥ al-Kabīr*, h. 188. al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h. 187-188.

¹²¹ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 24.

Alasan mereka ialah perbuatan bunuh tidak kekal sedangkan badan masih kekal sehingga saksi lelaki dapat melihatnya.¹²²

Pendapat Ketiga:

Tidak diterima kesaksian wanita secara bersendirian atau bersama lelaki.

Hanya diterima sekurang-kurangnya kesaksian dua orang lelaki adil.

Ini adalah pendapat ketiga Maliki,¹²³ Abi Bakr dan Ibn Abi Mūsā dari mazhab Hanbali dan disokong oleh Ibn Qudāmah.¹²⁴

Hujjah-hujjah mereka ialah;

- * Kerana ia adalah kesaksian pada kes bunuh atau jenayah ke atas manusia iaitu menyerupai jenayah qisas. Bagi menjelaskan lagi perkara ini: jika tiada ruang untuk perempuan bersumpah dalam kes yang disengajakan, maka tiada ruang juga untuk mereka bersumpah dalam kes tersalah atau separuh sengaja yang mewajibkan harta. Fakta ini menunjukkan bahawa kesaksian mereka selama-lamanya tidak diterima di dalam kes darah.¹²⁵
- * Bagi Maliki ia disebabkan kes tersebut dari hak-hak *abdān*.¹²⁶

¹²² *Ibid.*, h. 25. Syams al-Dīn ibn Muflīḥ al-Hanbālī al-Maqdīsī (t.t), *al-Nukat wa al-Fawā'id al-Saniyyah 'alā Musykil al-Muḥarrar li Majd al-Dīn Ibn Taymiyah*, (dicetak bersama *al-Muḥarrar fi al-Fiqh 'alā Mazhab al-Imām Ahmad bin Ḥanbāl*), j. 2. Beirut: Dār al-Kitab al-'Arabi, h. 322.

¹²³ Ibn Farhūn, (1301H), *op.cit.*, h. 215.

¹²⁴ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, j. 10. h. 42. _____ (1982), *al-Kāfi*.

¹²⁵ *Ibid.*

¹²⁶ Ibn Farhūn, (1301H), *op.cit.*

Pendapat Yang Rajih

Bagi penulis, kes Takzir Mali boleh disabitkan dengan kesaksian dua orang lelaki atau seorang lelaki bersama dua orang wanita atau salah satu dari seorang lelaki atau dua wanita bersama sumpah pendakwa.

Justifikasi penulis;

- a) Berdasarkan potongan ayat 282 al-Baqarah sebagaimana yang telah disebutkan di dalam hujjah jumhur. Manakala kesaksian dua orang wanita bersama sumpah pendakwa diterima kerana kes Takzir Mali hanya melibatkan gantirugi berbentuk harta serta tidak tertolak dengan adanya syubhat. Lojiknya, sekiranya kesaksian seorang lelaki bersama sumpah diharuskan di dalam kes harta, maka kesaksian dua orang wanita yang diisyaratkan ayat 282 al-Baqarah sebagai mengambil tempat kesaksian seorang lelaki juga harus diterima bersama sumpah di dalam urusan mal.
- b) Manakala pendapat ketiga yang menyamakan kes Takzir Mali dengan qisas adalah kurang tepat dari dimensi perbandingan implikasi kes. Implikasi jenayah qisas adalah berat melibatkan nyawa dan darah. Justeru itu sebagai langkah *iḥtiyāt*, prosedur keterangan harus dipersempitkan bagi menjaga maslahah yang lebih besar. Berbeza dengan Takzir Mali yang hanya melibatkan mal. Oleh sebab itu wasilah penetapan diperluaskan sebagaimana urusan jual-beli juga. Walaupun pada zahir perbuatan jenayah kelihatan sama, namun ‘*uqūbāt* yang wajib dikenakan kepada pesalah adalah berbeza berdasarkan niat serta situasi kes.

Perbezaan yang wujud harus diambil kira bagi menetapkan kaedah keterangan yang selayaknya agar hak-hak tidak mudah luput begitu sahaja.

- c) Contoh perbahasan *fiqahā'* menyentuh syarat kesaksian yang tidak sempurna dalam kes hudud dan qisas yang mana ia memberi kesan kepada hukuman yang bakal ditentukan:
- i) Imam Syāfi'i dan Imam Malik berpendapat sekiranya seorang saksi lelaki berserta dua orang saksi wanita atau seorang saksi bersama sumpah pendakwa menyabitkan kes curi maka diwajibkan ganti rugi pada harta yang telah dicuri tetapi pencuri tidak dikenakan hukuman had.¹²⁷
 - ii) Bagi mazhab Hanbali, sekiranya dua saksi wanita bersama seorang lelaki atau saksi lelaki bersama sumpah pendakwa mempersaksikan kes yang wajib dikenakan qisas seperti bunuh dan memotong anggota badan dengan sengaja semata-mata, ia tidak dapat menyabit qisas atau harta kerana pada asalnya jenayah yang disengajakan mewajibkan qisas, sedangkan harta adalah gantian kepada qisas. Apabila tidak sabit hukum yang asal maka pada gantian juga tidak dapat disabitkan.¹²⁸ Pendapat ini juga dipilih oleh Ibn Qudāmah berdasarkan pandangan Abū Bakr kerana ia adalah jenayah yang sengaja dilakukan, oleh itu ia menyerupai *muwaddīhah*.¹²⁹

¹²⁷ al-Muzāni (1993), *op.cit.*, h. 279. al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, h. 214. Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 29. 'Alīsy (1983), *op.cit.*, h. 449. al-Dardīr (1995), *al-Syarh al-Saghir*, h. 121. al-Šāfi'ī (1995), *op.cit.*, h. 121.

¹²⁸ al-Buhūtī (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā'* 'an Matn al-Iqnā', h. 431.

¹²⁹ Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *al-Kāfi*, h. 537 – 538.

2. Kes selain ‘*uqūbāt* yang biasa dihadiri dan dilihat oleh kaum lelaki

Pengenalan

Selain daripada doktrin balasan, syariat Islam telah memperkenalkan sistem hidup kekeluargaan, sistem muamalat dan sistem pemerintahan yang serba lengkap dan anjal selari dengan naluri manusia. Memandangkan sistem sosial tersebut mengandungi tahap kepentingan dan implikasinya yang tersendiri menurut dimensi *maqāṣid syarī'ah* dan falsafahnya: maka Islam tidak ketinggalan menggariskan kaedah penetapan hak bagi menjamin hak-hak individu, keluarga, perkumpulan dan orang awam. Berhubung kesaksian wanita, penulis akan menjuruskan perbincangan kepada dua topik iaitu;

i) Kes-kes *Aḥwāl Syakhsiyah* Dan Seumpamanya.

Maksud *aḥwāl syakhsiyah* ialah seperti; nikah, talak, rujuk, zihar, wasiat dan wikalah (yang tidak berhubung dengan mal), wilayah, tulisan, Islam, murtad, baligh, iddah, *iylā'* (iaitu sumpah suami untuk tidak menyetubuhinya isterinya), *al-jārḥ wa al-ta'dīl* (pengadilan terhadap keperibadian seseorang), sabit nasab, mati, '*imārah, walā'*, catatan, ikrar dan seumpamanya.

ii) Kes-kes Berhubung Dengan Harta (muamalat).

Harta ialah sesuatu yang berharga atau bernilai di sisi manusia sama ada berbentuk benda atau manfaat, realiti atau maknawi. Tabiat manusia cenderung untuk memilikinya dan boleh digunakan apabila perlu; sama ada boleh dipindahkan atau

tidak boleh dipindahkan.¹³⁰ Manfaat harta tersebut hendaklah yang diharuskan syarak seperti lembu, gandum, emas dan lain-lain serta bukan yang diharamkan seperti khinzir, arak dan alat muzik yang diharamkan.

Contoh urusan yang berhubungan dengan harta ialah jual-beli (termasuk *khiyār* dan tempahan), hutang-piutang, sewa-menyewa, rahn (gadaian), *iqālah*, syarikat, mahar, hadiah, *sulh*, wakaf, merosakkan harta, jenayah yang tersalah dilakukan seperti tersalah bunuh, kes melukakan yang tidak dikenakan qisas dan hanya perlu dikenakan diat, wikalah dan wasiat pada harta dan *syuf'ah*.¹³¹

2.1. Hukum Kesaksian Wanita Di Dalam Kes-kes *Aḥwāl Syakhsiyah* Dan Seumpamanya

Secara umumnya, majoriti *fujahā'* kecuali Zāhirī menolak kesaksian wanita bersendirian di dalam kes yang tersebut di atas. Sebagaimana yang disebut oleh Ibn Qudāmah bahawa tidak harus kesaksian wanita tanpa lelaki sekalipun ramai.¹³² Manakala pendapat berkenaan hukum kesaksian wanita bersama lelaki terbahagi kepada dua bahagian. Perincian adalah seperti berikut;

¹³⁰ Sa'di Abū Jayb (1988), *op.cit.*, h. 344.

¹³¹ Lihat al-Ḥaṭṭāb (1992), *op.cit.*, h. 181. Syams al-Dīn Muhammād b. Aḥmad al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1996), *al-Iqnā' fi ḥallī al-fāz Abī Syujā'*, (taḥqīq oleh 'Alī 'Abd al-Ḥamīd Abū al-Khayr dan Muḥammad Wahbī Sulaymān), j. 2. Beirut: Dār al-Khayr, h. 882. Taqīyy al-Dīn Abī Bakr b. Muḥammad al-Ḥusaynī al-Ḥusnī al-Dimasyqiyyī al-Syāfi'iyyī (1994), *Kifāyah al-Akhyaṛ fi ḥallī ghāyah al-Ikhtisār*, (taḥqīq oleh 'Alī 'Abd al-Ḥamīd Balatjī dan Muḥammad Wahbī Sulaymān), Dimasyq: Dār al-Khayr, h. 569.

¹³² *Ibid.*, h. 539

Pendapat Pertama

Tidak diterima kesaksian wanita bersama lelaki atau secara bersendirian serta diharuskan sekurang-kurangnya kesaksian dua orang lelaki adil di dalam kes-kes *Aḥwāl Syakhsiyah* dan seumpama dengannya..

Ini adalah pendapat jumhur *fuqahā'* Maliki,¹³³ Syāfi'i¹³⁴, salah satu pendapat Hanbali.¹³⁵ Juga pendapat al-Nakha'i, al-Zuhri, ahli Madinah serta pendapat Sa'id bin al-Musayyab, Hassan al-Basri, Rabi'ah dan Ibrāhīm di dalam kes talak.¹³⁶

Hujjah-hujjah Pendapat Pertama;

a) Al-Quran

فَإِذَا بَلَغُنَّ أَحَدُهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ
وَأَشْهِدُوْنَ ذَوِي عَدْلٍ مِّنْكُمْ وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ

Maksudnya:

Apabila idahnya (hampir) habis, hendaklah kamu rujuk mereka kembali dengan secara *ma'ruf*, dan hendaklah kamu persaksikan dua orang yang adil dari kalangan kamu, dan tegakkanlah kesaksian itu kerana Allah S.W.T.

Surah al-Talāq (65): 2

¹³³ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 25 - 26. Ibn Juzay al-Gharnātī (2000), *op.cit.*

¹³⁴ al-Muzani (1993), *op.cit.*, h. 319. al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 7. h. 140. al-Nawawī (1995), *op.cit.*

¹³⁵ Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *al-Kāfi*, h. 539. _____ (1983), *al-Mughnī*, j. 12. h. 7. al-Buhūtī (t.t), *al-Rawd al-Murbi*, _____ (1394H), *Kasyyāf al-Qīnā'* 'an Matn al-Iqnā', h. 428. Syams al-Dīn Abī al-Faraj 'Abd al-Rahmān b. Abī 'Umar Muhammād b. Ahmad Ibn Qudāmah al-Muqaddasiyy (1983), *al-Syarḥ al-Kabīr 'alā matan al-Muqni'* (dicetak bersama *al-Mughnī*), j. 12. Beirut: Dār al-Kitab al-'Arabi, j. 12. h. 90. Ibn Taymiyah (t.t), *op.cit.*, h. 323. Ibrāhīm b. Ḏawiyān (t.t), *Mañār al-Sabil fi Syarḥ al-Dalīl 'alā Madhhab al-Imām al-Mujabbal Ahmad Ibn Hanbal*, j. 2. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 495.

¹³⁶ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*. Lihat juga *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 15. h. 164, no. hadis 20977, 20978. h. 217, no. hadis 21148 bagi pendapat ahli Madinah, al-Hassan dan Ibrāhīm.

Maksud ayat ini telah dijelaskan secara langsung di dalam hujjah majoriti *fuqahā'* di bawah kes hudud dan qisas. Berlandaskan petunjuk lafaz 'dhaway' (ذوی) yang realitinya memberi maksud saksi lelaki, menurut Imam Syāfi'i kesaksian yang sempurna bagi kes talak dan rujuk ialah sekurang-kurangnya dua saksi lelaki yang adil. Oleh itu tidak harus mengurangkan kadar bilangan yang telah ditetapkan oleh nas kerana ia akan mencacatkan kesaksian tersebut. Kecacatan pada kesaksian akan menghalang seseorang mengambil hak-hak yang didakwa dari orang lain. Namun begitu dalam kes nikah, sekiranya seorang wanita mendakwa pernikahannya bagi menuntut maharnya dengan membawa dua saksi wanita bersama seorang saksi lelaki, sebahagian ulama Syāfi'i menerima kesaksian tersebut.¹³⁷ Hatta kesaksian bersama sumpah juga diterima kerana yang disabitkan adalah harta.

b) Sunnah

Hadis 1:

Hadis riwayat Aisyah r.a;

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لا نكاح إلا بولي وشاهدي عدلٍ

Maksudnya:

Rasulullah S.A.W bersabda: *Tiada pernikahan tanpa wali dan dua orang saksi adil.*¹³⁸

¹³⁷ Ibn Hajar al-Haytami (1983), *al-Fatāwā al-Kubrā al-Fiqhīyyah* (dicetak bersama *Fatāwā al-'Allāmah Syams al-Dīn Muhammād al-Rāmīlī*), j. 4. (T.T.P): Dār al-Fikr, h. 358.

¹³⁸ al-Sya'rānī, (t.t), *op.cit.*, h. 80. Dikeluarkan oleh Ibn Hibbān dalam kitabnya dari al-Zuhri dari 'Urwah dari Aisyah r.a. Ibn Hibbān berkata hanya 3 orang perawi yang menyebut: و شاهدى العدل iaitu Sa'id bin Yahyā al-Umawī dari Hafṣ bin Ghayyāth, 'Abd Allāh bin 'Abd al-Wahhāb al-Hajabīy dari Khālid bin al-Hārith dan 'Abd al-Rahmān bin Yūnus al-Ruqā dari 'Isā bin Yūnus serta tidak sah menyebut *al-Syāhidayn* selain khabar ini. Lihat al-Zayla'i (1995), *op.cit.*, j. 3. h. 315-317. *Sahih Ibn Hibbān*, j. 4. h. 175, Dhikr Nafy Ijāzah 'Aqd al-Nikāh bi Ghayri Waliyy, no. hadis 4006. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 10. h. 328, Bāb Lā Nikāh illā bi Syāhidayn 'Adlayn, no. hadis 13897.

Hadis 2:

Hadis riwayat Ibnu Abbas;

لَا نِكَاحٌ إِلَّا بِشَاهِدَيْ عَدْلٍ، وَوَلِيٍّ مُرْسِيدٍ

Maksudnya:

Tiada perkahwinan tanpa dua orang saksi adil dan wali mursyid.¹³⁹

Kedua-dua hadis di atas menunjukkan bahawa pernikahan tidak sah kecuali disaksikan oleh dua orang saksi lelaki adil dan wali. Sekiranya kesaksian wanita diharuskan, nescaya akan dinaskan oleh hadis Rasulullah S.A.W.

c) Athar

Athar 1:

مضت السنة من رسول الله صلى الله عليه وسلم وخلفتيمن من بعده أنه
لا تجوز شهادة النساء في النكاح و الطلاق و الخدود.

¹³⁹ al-Imām al-Syāfi‘ī (1993), *op.cit.*, j. 5. h. 35. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 10. h. 306, Bāb Lā Nikāh illā bi Waliyy, no. hadis 13826. *Sunan al-Dār Qutnī* menyebutnya dengan lafaz:
لَا نِكَاحٌ إِلَّا بِرَوْنَى وَشَاهِدَيِ الْعَدْلِ، وَإِمْرَأَةٌ أَنْكَحْهَا وَلِيٌ مُسْعَطٌ عَلَيْهِ فَكَاحَهَا باطل.

Beliau meriwayatkan dari ‘Adiyy bin al-Faḍl dari ‘Abd Allāh bin ‘Uthmān bin Khuthaym dari Sa’id bin Jābir dari Ibn ‘Abbās r.a. Sanadnya daif: ditakhrījkan oleh Ibn al-Jawzī di dalam al-Tahqīq. ‘Adiyy bin al-Faḍl dan ‘Abd Allāh bin ‘Uthmān bin Khuthaym adalah daif. Lihat al-Dār Qutnī (1996), *op.cit.*, j. 3. h. 155. ‘Adiyy bin al-Faḍl daif tetapi yang sahihnya ialah *mawqūf*. Sila lihat *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 10. h. 327, Bāb Lā Nikāh illā bi Waliyy Mursyid, no. hadis 13894.

Terdapat hadis lain riwayat Ibn ‘Abbās;

عَنْ أَبْنَى عَبْيَسِ، أَنَّ النَّجْوَى قَالَ: الْبَقَائِيَّا الْلَّانِ يُنْكِحُنَّ أَنْفُسَهُنَّ بِعِزْمَةٍ

Maksudnya:

Dari padanya Ibni Abbas r.a; Bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: Orang-orang yang menderhaka ialah wanita-wanita yang mengahwinkan diri mereka tanpa keterangan (penyaksian).

Lihat Abi Bakr Ahmad b. al-Husayn b. ‘Ali al-Bayhaqī (1996), *al-Sunan al-Kubrā*, j. 10. h. 329, Kitāb al-Nikāh, Bāb Lā Nikāh illā bi Syāhidayn ‘Adlayn, no. hadis 14022. *Sunan al-Tirmidhī*, j. 4. h. 213, Bāb Mā Jā'a Lā Nikāh illā bi Bayyinah, no. hadis 1097. ‘Abd al-Razzāq meriwayatkan hadis ini di dalam Muṣannafnya secara *mawqūf*. Sila lihat al-Zayla‘ī (1995), *op.cit.*, h. 317.

Maksudnya:

Telah berlalu sunnah Rasulullah S.A.W dan dua orang khalifah selepasnya supaya tidak mengharuskan kesaksian wanita di dalam nikah, talak dan hudud.¹⁴⁰

Athar di atas secara nyata menunjukkan Rasulullah S.A.W, Abu Bakar al-Siddiq dan Umar al-Khattab tidak mengharuskan kesaksian wanita sama ada bersama lelaki atau bersendirian di dalam nikah, talak dan hudud.

Athar 2;

عَنْ أَبِي الزُّبَيرِ الْمَكْيَّ، أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ أَتَى بِنِكَاحٍ لَمْ يَشْهَدْ عَلَيْهِ إِلَّا رَجُلٌ وَامْرَأَةً فَقَالَ: هَذَا نِكَاحُ السَّرِّ، وَلَا أُحِيزُهُ، وَلَوْ كُنْتُ قَلَمَتُ فِيهِ لَرَحْمَتُ

Maksudnya:

Daripada Abi al-Zubayr al-Makkyy telah berkata: Bahawa Umar r.a telah didatangi dengan pernikahan yang tidak disaksikan kecuali seorang lelaki dan seorang wanita, lalu beliau berkata: Pernikahan ini rahsia/sulit dan aku tidak mengharuskannya. Jikalau aku telah menyebut tentangnya (sebelum ini akan larangan tersebut), nescaya aku merejam (mereka).¹⁴¹

Athar ini menguatkan lagi athar sebelumnya yang mana terdapat lafadz khusus daripada Umar al-Khattab yang terang-terangan tidak mengizinkan kesaksian seorang wanita walaupun bersama lelaki. Apa yang dapat difahami ialah lebih-lebih lagi tidak diterima kesaksian wanita secara bersendirian di dalam urusan nikah.

¹⁴⁰ Telah di *takhrijkan* di muka surat 154 dan 155. Lihat nota kaki no. 49.

¹⁴¹ Mālik b. Anas r.a (1985), *al-Muwatta'*, h. 535, Kitāb al-Nikāh, Bāb Jāmi' Mā Lā Yajūz min al-Nikāh, no. hadis 26 . al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.* al-Sya'rānī (t.t), *op.cit.* *al-Sunan al-Kubrā*, h. 330, Kitāb al-Nikāh, Bāb Lā Nikāh illā bi Syāhidayn 'Adlayn, no. hadis 14025.

d) Lojik akal

Lojik 1: Kes sebegini bukan urusan mal serta biasanya dilihat oleh kaum lelaki menjadikan ianya seolah-olah kes ‘*uqūbāt*. Justeru kesaksian wanita ditolak seperti dalam kes hudud dan qisas.¹⁴²

Lojik 2: Pada asalnya kesaksian wanita tidak diterima kecuali di dalam urusan mal kerana darurat yang mana ianya terlalu kerap berlaku sehingga akan menimbulkan kesukaran untuk disaksikan oleh dua orang lelaki pada setiap kes yang berlaku. Sekiranya ini terjadi, maka akan hilanglah hak-hak sebahagian masyarakat kerana kekerapan urusan muamalah yang terlalu banyak. Jikalau dalam urusan sebegini wanita dilarang asalnya, maka dalam kes yang lebih besar impaknya dan kurang berlaku seperti kes nikah haruslah ditolak kesaksian mereka.¹⁴³

Lojik 3: Ayat kesaksian zina dan rujuk memberi petunjuk bahawa hanya kesaksian lelaki yang diterima. Tatkala diharuskan kesaksian wanita, maka Allah S.W.T telah menyebutnya di dalam ayat 282 al-Baqarah iaitu berkenaan hutang-piutang. Justeru itu, kefahaman yang dapat diambil ialah tidak harus kesaksian wanita pada kes-kes yang tidak dinaskan keharusannya serta lazimnya dilihat oleh lelaki seperti nikah, wilayah dan lain-lain.¹⁴⁴

¹⁴² al-Buhūrī (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā’ ‘an Matn al-Iqnā’*. Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, h. 7-8. (1982), *al-Kāfi*, h. 539. ‘Alisy (1983), *op.cit.*.. al-Sawi (1995), *op.cit.*

¹⁴³ al-‘Aynī (1990), *op.cit.*, h. 127-128.

¹⁴⁴ al-Muzānī (1993), *op.cit.*, h. 319-320.

Lojik 4: Mazhab Maliki mengatakan bahawa talak lebih berat impaknya berbanding hudud, sementara al-Hassan pula menyifatkan talak sebahagian dari hudud.¹⁴⁵

Pendapat Kedua

Harus kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki di dalam kes ini.

Ini adalah pendapat Mazhab Hanafi,¹⁴⁶ Zāhiri¹⁴⁷ dan sebahagian *fuqahā'* Hanbali¹⁴⁸ diriwayatkan daripada Jābir bin Zayd, Iyās bin Mu'āwiya, al-Sya'bī, al-Thawrī, Isḥāq dan ahli *ra'y*.¹⁴⁹

Ia merupakan riwayat kedua bagi Imam Ahmad dalam kes nikah, talak dan rujuk. Juga pendapat 'Atā' dalam kes nikah.¹⁵⁰ Manakala Ibn Abī al-Dam dari mazhab Syāfi'i mengharuskan kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki atau saksi lelaki bersama sumpah pendakwa di dalam hal fasakh sahaja.¹⁵¹

¹⁴⁵ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 26. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j.15. h. 164, no. hadis 20977, 20978.

¹⁴⁶ al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 127. al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, h. 115. Ibn al-Humām al-Hanafī (t.t), *op.cit.*, h. 370. al-Muṣīlī al-Hanafī (t.t), *op.cit.*. al-Kāṣānī al-Hanafī (1974), *op.cit.*, h. 279-280.

¹⁴⁷ Ibn Hazm (1988), *op.cit.*

¹⁴⁸ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, h. 7. _____ (1982), *al-Kāfi*.

¹⁴⁹ *Ahli ra'y* ialah golongan yang menggunakan pemikiran sebagai sumber hukum daripada mengambil nas-nas yang di ragui. Sila lihat *Glosari Usul Fiqh*, Bahasa Arab – Bahasa Malaysia (1992), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 12.

¹⁵⁰ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*. Ibn Qudāmah al-Muqaddasiyy, Syams al-Dīn Abī al-Faraj (1983), *al-Syarh al-Kabīr*, h. 91. Ibn Taymiyah (t.t), *op.cit.*

¹⁵¹ Syihab al-Dīn Ibrāhīm b. 'Abd Allāh Ibn Abī al-Dam (1987), *Kitāb Adab al-Qadā' aw al-Durar al-Manzūmat fī al-Aqdiyyah wa al-Hukūmāt*, (taḥqīq: Muḥammad 'Abd al-Qadir 'Atā'), Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 315.

Fuqahā' Maliki pula menerima kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki atau salah satu bersama sumpah pendakwa di dalam kes wakaf kerana ia adalah mal.¹⁵² Pendapat lain mengatakan harus kesaksian seorang lelaki bersama dua orang wanita pada dokumen seperti wasiat, hutang dan syarikat kerana ia sebahagian dari mal.¹⁵³

Hujjah-hujjah Pendapat Kedua:

- * Diharuskan kesaksian dua orang wanita bersama saksi lelaki atau sumpah kerana ia bukan dari kes ‘*uqūbāt* dan tidak gugur dengan adanya syubhat seolah-olah mal.¹⁵⁴

Dalil-dalil Mazhab Hanafi sebagaimana berikut;

i) Al-Quran

وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ

Ayat 282 al-Baqarah ini menunjukkan bahawa wanita mempunyai kelayakan menjadi saksi. Justeru itu diterima kesaksian mereka kerana wujudnya sifat *musyāhadah*, *al-hifz* dan *al-adā'* seperti lelaki. Sifat mudah lupa pada sebahagian wanita diatasi dengan penambahan bilangan saksi sebagaimana petunjuk dari ayat yang bermaksud:

*Maka salah seorang dari mereka akan mengingatkan yang seorang lagi.*¹⁵⁵

¹⁵² 'Alisy (1983), *op.cit.*

¹⁵³ al-Nawawi (1995), *op.cit.*, h. 30.

¹⁵⁴ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*. _____ (1982), *al-Kāfi*.

¹⁵⁵ al-Muṣili al-Ḥanafi (t.t.), *op.cit.*

Al-Kāsānī pula menginterpretasi ayat di atas sebagaimana berikut;

“ Allah S.W.T telah menjadikan bagi seorang lelaki dan dua orang wanita kesaksian secara mutlak (umum) disebabkan Allah menjadikan mereka dari kalangan saksi. Saksi mutlak ialah sesiapa yang mempunyai (kelayakan) kesaksian secara umum. Justeru itu, mereka dikira mempunyai kesaksian di dalam semua hukum kecuali apa yang tunjukkan oleh dalil.”¹⁵⁶

Dilālah lain pula menyebut bahawa Allah S.W.T telah mengharuskan kesaksian wanita di dalam *al-ajal* (tempoh) melalui firmanNya yang bermaksud; *Apabila kamu berhutang dengan suatu hutang hingga ke satu tempoh tertentu, maka tulislah.*¹⁵⁷ Juga melalui firmanNya yang berbunyi; *Sekiranya tiada dua orang saksi lelaki, maka seorang lelaki dan dua orang wanita.* Pengertian ayat ini menunjukkan keharusan kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki adalah dalam *al-ajal* dan bukannya pada mal sebagaimana kesaksian mereka diharuskan di dalam urusan mal.

Terdapat pendapat yang mengatakan: “ *Al-ajal tidak wajib berlaku kecuali di dalam mal* (iaitu ‘tempoh’ atau penangguhan masa hanya wujud dalam urusan harta seperti tempoh berhutang dan sebagainya.)”

Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ berpendapat bahawa kenyataan ini adalah salah kerana penangguhan masa yang dimaksudkan boleh juga berlaku di dalam urusan selain harta. Sebagai contoh: seperti dalam kes *kafālah* (jaminan) dengan diri atau hakim yang berhak menangguhkan tempoh selayaknya untuk pendakwa mengemukakan keterangan dalam kes melukakan dan dakwaan pemaafan dari kes tersebut.

¹⁵⁶ al-Kāsānī al-Hanafi (1974), *op.cit.*, h. 280.

¹⁵⁷ Surah al-Baqarah: ayat 282.

Justeru objektif ayat kesaksian di atas bukanlah pada *al-ajal* tetapi pada mal itu sendiri. Secara analoginya; barang dagangan tidak berhak dimiliki kecuali dengan harta, sedangkan nikah juga tidak berlaku kecuali dengan harta (iaitu mas kahwin atau mahar), justeru sepatutnya diharuskan padanya kesaksian wanita.¹⁵⁸ Tatkala semua *fugahā'* bersepakat menerima kesaksian wanita bersama lelaki di dalam kes hutang, maka wajiblah diterima kesaksian mereka di dalam semua hak yang tidak gugur dengan adanya syubhat seperti kes hutang itu sendiri.¹⁵⁹

Daripada interpretasi di atas dapat kita simpulkan bahawa terdapat dua punca yang menyebabkan *al-Hanafiyyah* mengharuskan wanita menjadi saksi dalam kes selain dari ‘*uqūbāt* dan mal tetapi masih dilihat oleh kaum lelaki iaitu:

- a) Wanita masih mempunyai keahlilan kesaksian secara umum.
- b) Kesaksian wanita dianggap mengandungi unsur syubhat sedangkan kes tersebut tidak tertolak dengan adanya syubhat seperti kes mal juga.

ii) Sunnah

Sabda Nabi S.A.W yang berbunyi,¹⁶⁰

الْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُدَعِّي وَالْبَيِّنَ عَلَى الْمُدَعِّي عَلَيْهِ

¹⁵⁸ Abū Bakr Ahmad b. ‘Alī al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ (1994), *Aḥkām al-Qur’ān*, (edit oleh ‘Abd al-Salām Muḥammad ‘Alī Syāhīn), j. 1. Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 610.

¹⁵⁹ *Ibid.*, h. 609 – 610.

¹⁶⁰ Telah ditakhrījkan di muka surat xxiii. Lihat nota kaki no. 2.

Pengertian ‘*al-syahidayn*’ (الشهيدين) merangkumi seorang lelaki dan dua orang wanita secara syarak. Manakala ‘*al-syahidayn*’ itu sendiri pula termasuk di dalam makna istilah *bayyinah* secara umum sebagaimana yang disebutkan oleh hadis di atas. Penghakiman dengan kesaksian dua orang wanita dan seorang lelaki di dalam setiap pendakwaan mengandungi makna *bayyinah* iaitu dalam kes mal. Tatkala wujud pada kesaksian tersebut dengan pengertian *bayyinah*, maka wajib diterima kesaksian wanita secara umum bagi pihak pendakwa kecuali terdapat dalil yang mengkhususkannya seperti di dalam kes hudud dan qisas melalui hadis al-Zuhri.¹⁶¹

iii) Athar

Athar 1:

Daripada Syu‘bah dari al-Hajjāj ibn Arṭā’ah dari ‘Aṭā’ dari ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb telah berkata:

أحاز رسول الله صلى الله عليه وسلم: شهادة رجل وامرأتين في النكاح

Maksudnya:

*Rasulullah S.A.W mengharuskan kesaksian lelaki bersama dua orang wanita di dalam pernikahan.*¹⁶²

Athar 2:

Daripada al-Hajjāj ibn Arṭā’ah dari ‘Aṭā’ bin Abī Rabāḥ:

عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه أنه أحاز شهادة النساء مع الرجل
في النكاح.

¹⁶¹ al-Jaṣṣāṣ (1994), *op.cit.*, h. 609.

¹⁶² ‘Alī b. ‘Umar al-Dār Quṭnī (1996), *Sunan al-Dār Quṭnī*, j. 4. Kitāb Fī al-Aqdiyyah wa al-Aḥkām wa Ghayr Dhālik, no. hadis 4513. al-Mūṣili al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*

Maksudnya:

Daripada 'Umar bin al-Khaṭṭāb r.a bahawa beliau mengharuskan kesaksian wanita bersama lelaki di dalam pernikahan.¹⁶³

Athar 3:

أن عمر أجاز شهادة النساء في الطلاق

Maksudnya:

Bahawa 'Umar mengharuskan kesaksian wanita di dalam talak.¹⁶⁴

Athar 4:

عن عطاء أنه كان يجيز شهادة النساء في الطلاق

Maksudnya:

Daripada 'Atā' bahawa dia mengharuskan kesaksian wanita di dalam kes talak.¹⁶⁵

Athar 5:

Diriwayatkan daripada Isrā'il dari 'Abd al-A'lā dari Muḥammad bin al-Ḥanafiyah dari 'Alī r.a telah berkata:

تحوز شهادة النساء في العقد

Maksudnya:

Harus kesaksian wanita di dalam akad.¹⁶⁶

¹⁶³ *Hadīth munqati'*. Manakala al-Hajjāj bin Arṭā'ah tidak harus dibuat hujjah dengannya. Sila lihat *al-Sunan al-Kubrā*, j. 10. h. 331, Kitāb al-Nikāh, Bāb Lā Nikāh illā bi Syāhidayn 'Adlayn, no. hadis 14027. al-Jassāṣ (1994), *op.cit.*, h. 608.

¹⁶⁴ Sila lihat *ibid.* Beliau meriwayatkan daripada Jurayr bin Ḥāzim dari al-Zubayr bin al-Khirrīt dari Abi Lubayd.

¹⁶⁵ *Ibid.*

¹⁶⁶ *Ibid.*

Athar 6:

Daripada al-Hajjāj ibn Arṭā'ah dari 'Aṭā'bin Abī Rabāḥ:

أن ابن عمر كان يجيز شهادة النساء مع الرجل في النكاح

Maksudnya:

*Bahawa Ibn 'Umar telah mengharuskan kesaksian wanita bersama lelaki di dalam nikah.*¹⁶⁷

Athar 7:

Daripada 'Awīn dari Sya'bī dari Syurayh:

أنه أجاز شهادة رجل وامرأتين في عنق

Maksudnya:

*Bahawa dia telah mengharuskan kesaksian lelaki bersama wanita di dalam pembebasan (hamba).*¹⁶⁸

Athar 8:

Daripada Muḥammad bin 'Abd al-Malik al-Wāsiṭīyy dari al-A'masy dari Abī Wā'il dari Ḥudhayfah:

أن رسول الله أجاز شهادة القابلة وحدها

Maksudnya:

*Bahawa Nabi S.A.W mengharuskan kesaksian bidan seorang diri.*¹⁶⁹

¹⁶⁷ *Ibid.*

¹⁶⁸ *Ibid.*

¹⁶⁹ al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 131. al-Muṣilī al-Hanafī (t.t), *op.cit.* dengan lafaz sedikit berbeza iaitu pada tempat 'ajāza' dengan lafaz 'qabūl' (قبول). Juga tanpa menyebut 'wahdahā'. Sebaliknya menyebut 'fi al-wilādah' (في الولادة). Hadis daif ditakhrijkan oleh al-Dār Qutnī. Beliau menyatakan bahawa Muḥammad bin 'Abd al-Malik tidak mendengarnya dari al-A'masy: antara keduanya lelaki *majhūl* (tidak dikenali). Sila lihat 'Alī b. 'Umar al-Dār Qutnī (1996), *Sunan al-Dār Qutnī*, j. 4. h. 149, Kitāb Fi al-Aqdiyyah wa al-Abkām wa Ghayr Dhālik, no. hadis 4510, 4511, 4512. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 15. h. 170, Bāb Mā Ja'a fi 'Adadihinn, no. hadis 20992 tanpa menyebut: *محدثاً* al-Zaylā'i (1995), *op.cit.*, j. 5. . 78-79. al-Albāñī (1985), *Irwā' al-Ghalīl fī takhrij Aḥādīth Manār al-Sabil*, h. 306.

Pada matan yang disanadkan daripada Ḥudhayfah menyebut bahawa kelahiran bukanlah harta dan diharuskan kesaksian wanita pada kes tersebut. Sementara Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ mengulas bahawa dalil ini menunjukkan kesaksian wanita tidak terhad pada kes harta sahaja serta tiada perbezaan dengan keharusan wanita pada kes kelahiran. Perbezaan hanya timbul pada masalah bilangan.¹⁷⁰

iv) Lojik akal

Lojik 1: Pada asalnya kesaksian wanita diterima kerana wujudnya asas keupayaan kesaksian (*ahliyyah al-syahādah*) iaitu *al-musyāhadah*, *al-hifz / al-dabṭ* dan *al-'adā'* berdasarkan ayat 282 al-Baqarah.¹⁷¹ Maksud *al-musyāhadah* ialah keupayaan menentukan sesuatu dengan diri sendiri yang mana dengannya ilmu dapat diperolehi. *Al-Dabṭ* ialah keupayaan mendengar dengan baik dan teliti, memahami serta menghafalnya. Manakala *al-adā'* ialah keupayaan menyampaikan yang mana dengannya hakim memperolehi pengetahuan.

Rumusan yang dapat dibuat ialah dengan *musyāhadah*, saksi memperolehi ilmu. Kemudian ilmu tersebut mampu dikekalkan dengan adanya sifat *al-dabṭ*. Akhirnya dengan *al-'adā'*, ilmu tadi boleh dikeluarkan semula supaya dapat dihakimi. Sedangkan pada asalnya, perkhabaran mereka diterima di bidang periyawatan hadis-hadis dan athar.¹⁷²

¹⁷⁰ al-Jaṣṣāṣ (1994), *op.cit.*, h. 609

¹⁷¹ al-Muṣilī al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*

¹⁷² Burhān al-Dīn ‘Alī Ibni Abī Bakr al-Marghinānī (1990), *al-Hidāyah Syarḥ Bidāyah al-Mubtadī*, (dicetak bersama *al-Bināyah fī Syarḥ al-Hidāyah*), j. 8, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 128. al-‘Aynī (1990), *op.cit.*, h. 128.

Sementara itu, Ibn al-Humām berpendapat bahawa *musyāhadah* dan *dābiṭ* adalah keupayaan menyampaikan, bukannya keupayaan kesaksian. Bahkan sebagaimana yang telah disebut di dalam al-Asrār:

Sesungguhnya keupayaan menyampaikan adalah dengan wilayah (kekuasaan) sedangkan wilayah dibina di atas kebebasan. Pusaka dan wanita di dalam hal ini adalah seperti lelaki. Baki lagi keahlian menerima iaitu dengan *musyāhadah* dan *dābiṭ*; Wanita dalam hal ini (juga) sama seperti lelaki. Justeru itu diterima riwayat mereka berkenaan hadis-hadis hukum yang diilzamkan untuk ummah.

Rentetan dari fakta tersebut Ibn al-Humām mengulas bahawa sekiranya syarak menjadikan dua orang wanita di tempat seorang lelaki bukanlah kerana kurang *dābiṭ* nya dan seumpamanya. Bahkan untuk menzahirkan darjat mereka berbanding lelaki serta tiada sebab lain: Berdasarkan fenomena yang telah menyaksikan ramai dari kalangan wanita yang *dābiṭ* mereka lebih kuat dari *dābiṭ* lelaki kesan dari pengalaman mereka dalam bidang tertentu. Sedangkan kaum lelaki lebih sibuk dengan urusan mencari rezeki berbanding wanita.

Walaubagaimanapun, beliau tidak menolak bahawa wanita itu kurang *dābiṭ* nya dan lebih pelupa pada jenis mereka sekalipun sebahagian mereka lebih *dābiṭ* dari sebahagian lelaki kerana firmanNya yang bermaksud: *Sekiranya salah seorang terlupa, maka salah seorang dari mereka akan mengingatkan yang seorang lagi*. Namun masalah tersebut diatasi dengan bantuan salah seorang dari mereka kepada yang seorang lagi. Gantian dua orang wanita di tempat seorang saksi lelaki itu pula dianggap mempunyai *syubhat badaliyyah*. Sedangkan kes-kes sebegini tidak tertolak dengan adanya *syubhat* iaitu dapat disabitkan walaupun terdapat *syubhat*.

Tidak diterima bilangan empat orang wanita kerana bercanggah dengan *qiyas*. Juga supaya kaum wanita tidak banyak keluar dari rumah.¹⁷³

Lojik 2; Kesaksian seorang lelaki bersama dua orang wanita adalah sama tahap seperti kesaksian dua orang lelaki dilihat dari dimensi menzhirkan fakta kes iaitu sifat ‘*adālah* pada saksi menjadi jaminan; aspek yang benar menguatkan aspek yang dusta yang mungkin timbul dalam kesaksian yang diberikan. Namun ianya tidak dapat dijadikan hujjah pada kes yang tertolak dengan adanya syubhat disebabkan kesaksian wanita mengandungi unsur syubhat. Sedangkan kes sebegini dapat disabitkan dengan adanya syubhat.¹⁷⁴

Terdapat juga pendapat yang menyatakan apa yang disebut sebagai *ahliyyah al-syahādah* itu sama ada merupakan syarat atau ‘*illah* bagi kesaksian.

Adalah tidak tepat untuk dikatakan sebagai syarat kerana syarat kesaksian ialah merdeka, Islam dan baligh. Ia juga bukan ‘*illah* kerana kewujudannya sama ada secara keseluruhan syarat tersebut atau satu persatu tidak menetapkan wujudnya apa yang disyaratkan iaitu syahada.¹⁷⁵

¹⁷³ *Ibid.*, h.129. al-‘Aynī (1990), *op.cit.*, h. 129. Ibn al-Humām al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 371-372. Lihat juga al-Mūṣilī al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.* al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.* Afandi (1966), *op.cit.*, h. 76.

¹⁷⁴ al-Kāsānī al-Ḥanafī (1974), *op.cit.*

¹⁷⁵ Akmal al-Dīn Muḥammad b. Maḥmūd al-Bābārī (t.t), *Syarḥ al-‘Ināyah ‘alā al-Hidāyah*, (dicetak bersama *Takmilah Syarḥ Fath al-Qadir ‘alā al-Hidāyah: Syarḥ Bidāyah al-Mubtadi*), j. 7, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 371.

Jawapan kepada persoalan ini ialah keupayaan kesaksian adalah satu keadaan syarak yang dapat dihasilkan dengan mengumpulkan semua syarat yang disebutkan iaitu merdeka, Islam dan baligh. Adapun *musyāhadah*, *dābiṭ* dan penyampaian bukanlah ‘illah kesaksian, bahkan merupakan sebab bagi kelayakan penerimaannya. Jikalau diwajibkan *ahliyyah al-syahādah* dengan Islam, baligh, merdeka dan lelaki serta disempurnakan pula dengan salah satu dari syarat *musyāhadah* atau *dābiṭ* atau penyampaian: tetapi ditunaikan tanpa lafaz kesaksian maka tetap tidak diterima kesaksian tersebut. Sekiranya kewujudan ‘illah mewajibkan wujudnya *ma'lūl* (perkara yang di‘illahkan) maka ia adalah keupayaan penerimaan.¹⁷⁶

Hujjah-hujjah mazhab Hanafī bagi menolak teori Syāfi‘ī yang menyatakan kesaksian wanita pada asalnya tidak diterima kerana kurang akal, lemah *dābiṭ* serta terhad wilayahnya,¹⁷⁷

1. Jawapan kepada hujjah kurangnya akal sebagaimana berikut: Menurut ilmu falsafah, akal manusia terbahagi kepada empat tingkatan. Pertama ia disebut sebagai ‘*Aql al-Hayūlānī*: ia wujud pada semua individu insan pada permulaan kejadian mereka. Keduanya ialah akal yang menghasilkan *Badihiyyāt* (yang dapat difahami secara langsung): iaitu tempat dipertanggung-jawabkan (*manāt al-taklīf*). Ketiga yang dinamakan *al-‘Aql bi al-‘Aql*: iaitu akal yang dapat menghasilkan teori secara spontan apabila diperlukan tanpa berhajat kepada usaha. Keempat ialah *al-‘Aql al-Mustafād*: yang dapat menghasilkan ilmu kasyaf serta bukanlah *manāt al-taklīf*.

¹⁷⁶ *Ibid.*

¹⁷⁷ al-‘Aynī (1990), *op.cit.*, h. 127.

Sekiranya wanita itu terdapat kekurangan pada akalnya, nescaya kewajipan mereka tidak sama dengan lelaki pada sebahagian rukun sedangkan ia tidak berlaku. Apa yang dimaksudkan oleh Nabi S.A.W berkenaan kurangnya akal mereka ialah *al-'Aql bi al-Fi'l*. Justeru itu, mereka tidak layak untuk memegang kuasa kepimpinan atau tampuk pemerintahan. Teori ini termasuk jawapan bagi alasan ketiga Syāfi'i.¹⁷⁸

2. Masalah kurang *dābiṭ* yang dikemukakan oleh Syāfi'i r.a, sebenarnya telah diatasi dengan bantuan peringatan seorang wanita kepada wanita yang seorang lagi. Gantian dengan dua orang wanita inilah disebut *syubhat al-badaliyyah*. Oleh sebab itu, tidak diterima kesaksian mereka hanya pada kes yang harus ditolak apabila timbulnya syubhat iaitu hudud dan qisas. Manakala kes-kes selain hudud dan qisas boleh disabitkan dengan adanya syubhat seperti nikah, talak, wikalah dan sebagainya.¹⁷⁹

Hujjah-hujjah Mazhab Zāhiri;

Platform Ibn Ḥazm adalah jelas menyentuh isu kesaksian wanita yang mana beliau mengharuskan kesaksian wanita secara bersendirian atau kesaksian mereka bersama lelaki dalam semua perkara kerana nisbah kesaksian wanita menyamai setengah kesaksian lelaki dalam semua hal. Tiada perbezaan antara kes hudud dan selain dari hudud. Hatta diterima kesaksian dua orang wanita bersama sumpah empunya hak dalam semua kes kecuali hudud.

¹⁷⁸ *Ibid.*, h. 129. Ibn al-Hūmān al-Hanafī (t.t), *op.cit.*, h. 371. al-Bābārtī (t.t), *op.cit.*, h. 371-372.

¹⁷⁹ al-Mūṣili al-Hanafī (t.t), *op.cit.*

Pendapat Yang Rajih

Penulis berpendapat bahawa **pandangan pertama** adalah lebih *rājiḥ* berbanding pendapat kedua iaitu tidak diterima kesaksian wanita di dalam kes *aḥwāl syakhsiyah* dan seumpamanya.

Perbahasan Hujjah-hujjah Pendapat Pertama:

- 1- Penjelasan penulis bagi ayat 2 al-Talāq telah dikemukakan di bawah tajuk *Hukum Kesaksian Wanita Di Dalam Kes Hudud Dan Qisas*.
- 2- Hadis Aisyah r.a merupakan Hadis Sahih secara jelas menafikan kesaksian selain dari dua orang lelaki adil bagi menyabitkan pernikahan. Sekiranya ia turut menerima kesaksian wanita, nescaya ia telah disebut oleh hadis-hadis sahih yang lain. Adapun hadis Ibn ‘Abbās walaupun lemah namun telah diriwayatkan dengan beberapa riwayat, maka ia meningkat ke darjat Hadis Hassan. Hadis Hassan boleh beramal dengannya dalam urusan muamalat secara ittifak. Tambahan pula telah terdapat Hadis Sahih riwayat Aisyah r.a yang sama maksud dengan hadis tersebut.
- 3- Walaupun terdapat athar yang lemah seperti athar riwayat Imam Malik r.a namun dari sudut pengertian ia tidak bertentangan dengan nas sahih, maka haruslah beramal dengannya. Ia diperkuat lagi dengan athar daripada Umar r.a dan athar berikut yang diriwayatkan dari Sa‘īd bin al-Musayyab bahawa Umar r.a telah berkata:

لَا نِكَاحٌ إِلَّا بِوَكْيٍ وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ

Maksudnya:

Sanad athar ini adalah sahih. Ia menguatkan lagi hujjah-hujjah yang telah dikemukakan sebelum ini.

4. Manakala hujjah-hujjah aqli yang dibentangkan adalah lojik untuk diterima serta konsekuensi dengan nas-nas yang sahih.

Perbahasan hujjah-hujjah pendapat kedua:

1. Dalil ayat 282 al-Baqarah adalah khusus untuk urusan muamalat. Keharusan ini disepakati ulama tafsir dan *fuqahā'*. Adapun kesaksian mereka di dalam urusan selain '*uqūbāt*' dan harta, nas ini tidak memberi petunjuk ke arah itu. Bagaimanakah ia dikatakan umum untuk semua kes kesaksian selain hudud dan qisas? Sedangkan di sana implikasi daripada bidang muamalat adalah tidak sama dengan implikasi kes-kes kekeluargaan dan seumpama dengannya, maka tidak harus *diqiyaskan* dengannya. Lebih-lebih lagi telah terdapat nas khusus berhubung kes talak sebagaimana yang telah dihujjahkan oleh pendapat pertama iaitu ayat 2 al-Talāq. Justeru dalam hal ini adalah lebih utama *diqiyaskan* pada kes yang mempunyai lebih banyak persamaan pada sifat-sifatnya yang nyata dan konsisten.
2. Memang benar wanita mempunyai kelayakan atas kesaksian seperti *musyāhadah*, *al-hifz* dan *al-adā'*.

¹⁸⁰ al-Bayhaqī menyebut hadis ini dari Qatādah dari al-Ḥasan dan Sa'īd bin al-Musayyab dari 'Umar dengan mengatakan bahawa sanad ini sahih. Sila lihat *al-Sunan al-Kubrā*, j. 10. h. 330, Kitab al-Nikāh, Bāb Lā Nikāh illā bi Syāhidayn 'Adlayn, no. hadis 14026.

Manakala masalah kurang ingatan yang mungkin wujud antara mereka telah diatasi dengan syarat dua orang agar salah satu daripadanya dapat memberi peringatan kepada yang lain. Sekiranya teori ini menjadi asas kepada penerimaan kesaksian wanita dalam urusan nikah, talak dan sebagainya, lojiknya ia turut terpakai bagi kes hudud dan qisas. Sedangkan mereka sendiri menolak kesaksian wanita dalam kes tersebut kecuali *Zāhirī*.

3. Mereka seterusnya berpendapat bahawa kesaksian wanita diterima di dalam kes *akhwāl syakhsiyah* dan seumpama dengannya kerana ia tidak gugur dengan adanya syubhat. Sekalipun ia tidak gugur dengan adanya syubhat, namun realiti kes biasanya dilihat oleh lelaki serta mereka lebih banyak berurusan dengannya. Tambahan pula implikasi kes juga adalah berat. Maka lebih utama ditolak kesaksian wanita padanya. Ia juga sebagai langkah keluar dari titik yang diperselisihkan.
4. Begitu juga dengan hujjah bahawa kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki dikatakan sebagai kesaksian mutlak pada semua hak kecuali apa yang dinaskan oleh dalil. Jika demikian, mengapa mazhab Hanafi sendiri menolak teori tersebut untuk kes murtad dan lain-lain kes yang tidak dinaskan. Ini menunjukkan bahawa teori-teori yang dikemukakan tidak selaras antara satu sama lain.
5. Ayat 282 al-Baqarah secara nyata menyebut keharusan kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki di dalam urusan hutang-piutang dan bukannya pada *al-ajal*. *Al-ajal* hanyalah *tābi'* (satu keadaan ikutan) kepada hutang. Hukum *tābi'* adalah mengikut hukum *matbū'*.

Justeru itu *al-ajal* dalam urusan kafalah selain mal juga mengikut *matbū'* iaitu diterima sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki adil kerana kafalah lazimnya dilihat oleh lelaki, maka harus diqiyaskan dengan kes talaq.

Adapun urusan nikah, walaupun ia tidak berlaku kecuali dengan mahar namun seperkara yang harus difahami di sini ialah: Fokus kesaksian adalah *pada akad* yang mengandungi objektif penerusan zuriat manusia yang menghalalkan persetubuhan serta mengikat kasih sayang antara suami isteri.¹⁸¹ Bukannya pada harta (iaitu mahar) sebagaimana urusan jual beli. Mahar itu pula bukanlah simbol bahawa wanita boleh diperdagangkan. Sebaliknya sebagai tanda penghargaan dan meraikan perasaan wanita yang telah menerima seorang lelaki asing sebagai suaminya. Oleh itu ia tidak dapat disamakan dengan urusan jual beli, hutang atau mal.

6. Athar 1, 2 dan 6 adalah lemah kerana Ḥajjāj ibn Arṭā'ah tidak boleh dibuat hujah dengannya sebagaimana yang telah ditakhrījkan. Manakala athar-athar lain pula bertentangan dengan nas yang lebih sahih sebagaimana yang telah dikemukakan jumhur. Maka beramal dengan hukum yang sabit dengan nas sahih lebih utama daripada hukum yang sabit dengan athar tatkala ia bertentangan antara satu sama lain. Adapun athar yang menyentuh urusan pembebasan hamba; secara teori dan amalannya hamba boleh dijual-beli serta dimiliki seperti barang dagangan, maka ia adalah mal.

¹⁸¹ Sila lihat Norliza Ghazali (1998), "Objektif Sistem Perkahwinan Islam: Satu Kajian Khusus Terhadap Kefahaman Dan Penghayatan Masyarakat Islam Di Kuala Lumpur" (Disertasi Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki di dalam kes mal telah disepakati untuk diterima. Walau apa pun, persoalan hamba sudah tidak relevan lagi untuk dibincangkan pada masa kini kerana ia sudah tidak wujud.

7. Sekiranya teori penerimaan kesaksian wanita mahu disandarkan kepada penerimaan mereka dalam bidang periwayatan, sudah tentu harus diterima kesaksian wanita seorang diri di dalam kes-kes seperti ini atau kes hudud dan qisas sekalipun. Namun tiada satu mazhab yang mengharuskan kesaksian seorang wanita selain daripada kes ‘*uyūb al-nisā*’. Justeru itu asas teori tidak begitu konkret untuk dibuat hujjah kes *aḥwāl syakhsiyah* dan seumpamanya.
8. Hujjah yang mengatakan ‘*syarak menjadikan kesaksian dua orang wanita di tempat seorang lelaki sekadar menzahirkan darjat mereka berbanding lelaki serta tiada sebab lain*’: Bagi penulis alasan ini adalah tidak selaras dengan nas al-Quran menyentuh persamaan taraf antara lelaki dan wanita. Ringkasnya, hanya ketaqwaan yang menjadi kayu ukur Islam untuk membezakan darjat sesama insan.¹⁸² Perbezaan taklif pada sebahagian hukum tidak mempengaruhi darjat antara jantina. Bagaimana mereka menyatakan ‘*tiada sebab lain*’, sedangkan di sana Hadis Sahih telah menafsirkan ayat 282 al-Baqarah dengan jelas iaitu kerana kekurangan akal wanita. Istilah ‘*kurang akal*’ itu sendiri mempunyai interpretasi yang lebih meluas.

¹⁸² Lihat ayat 13 al-Hujurāt.

2.2. Hukum Kesaksian Wanita Di Dalam Kes Mal

2.2.1. Kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki.

Para *fuqahā'* bersepakat menerima kesaksian 2 orang saksi lelaki atau seorang lelaki bersama 2 orang wanita dalam semua urusan yang berhubung dengan harta secara umum.¹⁸³

Namun ulama Maliki berselisih pendapat pada hak-hak *abdān* yang berkait dengan harta seperti wikalah dan wasiat.¹⁸⁴ Menurut Imam Malik, Ibn al-Hājib, Ibn al-Qāsim dan Ibn Wahhāb, kesaksian dua orang wanita bersama seorang saksi lelaki diterima di dalam kes ini.¹⁸⁵ Manakala Asyhab dan Ibn al-Mājisyūn menolak kesaksian wanita dan mengharuskan kesaksian dua orang lelaki sahaja.¹⁸⁶

¹⁸³ Lihat al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 127. al-Mūṣilī al-Hanafī (t.t), *op.cit.* Ibn Rusyd al-Hāfiḍ (t.t), *op.cit.* al-Hāfiḍ (1992), *op.cit.*, h. 179. al- Mawāq (1992), *op.cit.*, h. 181. al-Dardī (1995), *al-Syarḥ al-Saghir*, h. 121. 'Alisy (1983), *op.cit.*, h. 450. Ibn Juzay al-Gharnāṭī (2000), *op.cit.* al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 7. h. 88, 141. Taqīyy al-Dīn al-Syāfi'iyyī (1994), *op.cit.* al-Khaṭīb al-Syarbī (1996), *op.cit.*, h. 881 – 882. al-Syarbī (t.t), *op.cit.*, h. 441. al-Nawawī (1995), *op.cit.*, h. 31. Ibn Abī al-Dam (1987), *op.cit.* Aḥmad Syāh Waliyy Allāh Ibn 'Abd al-Rahīm al-Dahlawī (1995), *Hujjatullāh al-Bālighah*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 305. Abū Ishaq al-Syirāzī (1996), *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imām al-Syāfi'i*, (taḥqīq Muḥammad al-Zuhaylī), j. 5. Dimasyq: Dār al-Qalam, h. 631. al-Mahallī (1995), *op.cit.* al-Qalyubi (1995), *op.cit.*, h. 326. Syams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad bin Ḥamzah Ibn Syīhāb al-Dīn al-Rāmilī (1967), *Nihāyah al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Minhāj fi al-Fiqh 'alā Mazhab al-Imām al-Syāfi'i r.a* (dicetak bersama Ḥāsyiyah Abī al-Diyā'). Nūr al-Dīn 'Alī bin 'Alī al-Syubramalīsī al-Qāhīrī dan Ḥāsyiyah Aḥmad bin 'Abd al-Razzāq bin Muḥammad bin Aḥmad al-Maghribī al-Rāsyidī), j. 8. Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, h. 311. Ibn Qudāmah Muqaddasīyy (1982), *al-Kāfi*, h. 538. al-Buhūtī (1394H), *Kasīyāf al-Qinā'* 'an Matn al-Iqnā', h. 429. Ibn Taymiyah (t.t), *op.cit.*, h. 312-317. Ibn Hazm (1988), *op.cit.*, h. 476, 485. al-Qurtūbī (1988), *op.cit.*, h. 252. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1996), *Fath al-Bārī bi syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 6. h. 597.

¹⁸⁴ Lihat al-Hāfiḍ (1992), *op.cit.*

¹⁸⁵ Lihat Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 25. al-Mawāq (1992), *op.cit.* Ibn Rusyd al-Hāfiḍ (t.t), *op.cit.*

¹⁸⁶ *Ibid.*

Imam Taqiy al-Din al-Syafi'i mengulas dari aspek teknikal dengan mengatakan tiada beza untuk mendahului kesaksian seorang lelaki atau kesaksian dua orang wanita semasa perbicaraan.¹⁸⁷

Hujjah-hujjah mereka ialah;

i) Al-Quran

وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَانِ

Zahir ayat 282 al-Baqarah ini menunjukkan bahawa diterima kesaksian dua orang lelaki adil atau dua orang wanita adil bersama seorang lelaki adil di dalam urusan *mudāyanah*. Majoriti *fuqahā'* menjadikan ayat ini *qiyyas* kepada segala urusan berhubung dengan mal dan apa yang dimaksudkan dengan mal sahaja.¹⁸⁸ Menurut al-Buhūti, pengkhususan mal telah disepakati ijmak ulama.¹⁸⁹

ii) Sunnah

Hadis riwayat Abū Sa'īd al-Khudrī r.a, sabda Rasulullah S.A.W: ¹⁹⁰

أَلَيْسَ شَهَادَةُ الْمَرْأَةِ مِثْلُ نِصْفِ شَهَادَةِ الرَّجُلِ؟ قَالَ: بَلِي. قَالَ: فَذَلِكَ مِنْ
عَقْدَنَا عَقْلَنَا

¹⁸⁷ Taqiy al-Din al-Syafi'iyyi (1994), *op.cit.*

¹⁸⁸ al-Qurtubi (1988), *op.cit.* al-Khaṭib al-Syarbīni (1996), *op.cit.*, h. 882. Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *al-Kāfi*. Ibn Ḥajar al-Asqalāni (1996), *Fath al-Bārī bi syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

¹⁸⁹ al-Buhūti (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*.

¹⁹⁰ Telah *takhrij* di muka surat 129. Lihat nota kaki no. 101.

Hadis riwayat ‘Abd Allāh bin ‘Umar r.a;

فَشَهَادَةُ امْرَأَيْنِ تَعْدُلُ شَهَادَةَ رَجُلٍ

Maksudnya:

*Maka kesaksian dua orang wanita menyamai kesaksian seorang lelaki.*¹⁹¹

Secara umumnya, kedua-dua hadis ini menunjukkan fenomena kesaksian seorang wanita hanyalah setengah daripada kesaksian lelaki dalam semua perkara. Namun, secara realiti ia merupakan tafsiran kepada situasi ayat 282 al-Baqarah berkenaan urusan *mudāyanah* dan apa yang dimaksudkan dengan mal.¹⁹²

iii) Ijmak

Para *fuqahā'* dan ulama telah berijmak untuk menerima kesaksian dua orang wanita Islam yang adil bersama seorang lelaki Islam yang adil dalam urusan mal.¹⁹³

iv) Lojik akal

Urusan muamalat seperti *mudāyanah*, jual-beli dan sebagainya terlalu kerap berlaku di dalam masyarakat serta dilihat oleh kaum lelaki dan wanita sehingga boleh menimbulkan kesukaran untuk mengadakan dua orang saksi lelaki pada setiap kes.¹⁹⁴

¹⁹¹ Telah *takhrij* di muka surat 161. Lihat nota kaki no. 73.

¹⁹² Ibn Hajar al-‘Asqalānī (1996), *Fatḥ al-Bārī bi syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Abū al-Fidā’ Ismā’il b. Kathīr al-Qursyī al-Dimasyqī (1996), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, j. 1. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣariyyah, h. 294.

¹⁹³ al-Buhūtī (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā’ ‘an Matn al-Iqnā’*. Taqīyy al-Dīn al-Syāfi’īyyī (1994), *op.cit.* Ibn Hajar al-‘Asqalānī (1996), *Fatḥ al-Bārī bi syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

¹⁹⁴ al-Syarbīnī (t.t), *op.cit.* al-‘Aynī (1990), *op.cit.*, h. 127. al-Qurtubī (1988), *op.cit.*

Oleh sebab itu, syarak telah mempelbagaikan kaedah pengukuhan hak sama ada melalui dokumen, gadaian, jaminan atau kesaksian yang mana kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki turut diterima di dalam kes sebegini.¹⁹⁵ Implikasi daripada urusan harta juga tidaklah terlalu berat berbanding kes-kes jenayah dan kes kekeluargaan.¹⁹⁶

2.2.1.1. Apakah diterima kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki itu setelah tidak didapati dua orang lelaki yang adil atau meskipun masih wujud dua orang saksi lelaki yang adil?

Walaupun para *fuqahā'* telah bersepakat menerima kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki dalam kes mal, namun mereka berselisih pendapat dalam menentukan situasi keharusan tersebut sama ada setelah tidak didapati dua orang lelaki yang adil atau meskipun masih wujud dua orang saksi yang adil.

Pendapat Pertama:

Majoriti *fuqahā'* menerima kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki di dalam kes mal sama ada wujud dua orang saksi lelaki adil atau tiada.¹⁹⁷

¹⁹⁵ *Ibid.* Wahbah al-Zuhaylī (Dr.)(1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 3. h. 122 – 124.

¹⁹⁶ al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 128.

¹⁹⁷ al-Qurtubī (1988), *op.cit.* Taqīyy al-Dīn al-Syāfi'iyyī (1994), *op.cit.* Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, h. 10. al-Kāsānī al-Hanafī (1974), *op.cit.*, h. 279. Ibn Rusyd al-Ḥafid (t.t), *op.cit.* Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 115. al-Maḥallī (1995), *op.cit.* al-Ramlī (1967), *Nihāyah al-Muhtāj*. al-Dardir (t.t), *al-Syarḥ al-Kabīr*, h. 187.

Maksudnya diberi pilihan sama ada dua orang saksi lelaki atau dua orang wanita bersama seorang lelaki yang diredaya serta dipercayai. Ibn al-Mundhir dan selainnya menyatakan bahawa pendapat ini disepakati ijmak.¹⁹⁸

Interpretasi mereka berdasarkan ayat 282 al-Baqarah;

فِإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ

Pengertian ayat ini ialah ‘*Sekiranya empunya hak tidak membawa (menghadirkan) dua saksi lelaki, maka bawalah (hadirkanlah) seorang saksi lelaki bersama dua orang wanita*’.¹⁹⁹

Bagi Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ, ayat ini tidak sunyi daripada pengertian ‘*sekiranya penuntut tidak mendapatkan dua orang saksi lelaki maka hendaklah membawa seorang lelaki dan dua orang wanita*’. Beliau telah mengiaskan ayat ini dengan empat ayat berikut;

i) Ayat 43 surah al-Nisā’ yang berbunyi;

فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَمْمِمُوا صَبِيدًا

Maksudnya:

Sedangkan kamu tidak memperolehi air, maka hendaklah kamu bertayammum.

ii) FirmanNya dari ayat 3 al-Mujādalah;

فَتَخْرِيرُ رَقَبَةِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَسَّ

Maksudnya:

Hendaklah bebaskan seorang hamba sebelum keduanya menyentuh (bersetubuh).

¹⁹⁸ al-Syarbī (t.t), *op.cit.*

¹⁹⁹ al-Qurṭūbī (1988), *op.cit.* Abī Ḥayyān al-Andalūsī al-Gharnātī (1992), *op.cit.*, j. 2. h. 728. al-Zamakhsharī (t.t), *op.cit.*

iii) Ayat 4 Surah al-Mujādalah;

فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ

Maksudnya:

Sekiranya dia tidak memperolehinya (hamba), maka hendaklah dia berpuasa dua bulan.

iv) Hingga kepada firmanNya yang berbunyi;

فَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فِلَاطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًا

Maksudnya:

Barangsiapa yang tidak mampu (berpuasa), maka berilah makan enam puluh orang miskin.

Beliau mengulas bahawa berlaku gantian pada hukum asal setelah ketiadaan fardu yang asal iaitu setelah seseorang mukallaf mengalami keuzuran untuk melakukan fardu yang asal tadi. Analoginya dalam konteks ayat 282 al-Baqarah ialah: "Sekiranya tiada al-Syahīdān dua orang saksi lelaki maka al-Syahīdān tersebut ialah seorang lelaki dan dua orang wanita".

Interpretasi ini jelas menunjukkan bahawa al-Jaṣṣāṣ memberi definisi kalimah *al-Syahīdayn* dalam ayat 282 al-Baqarah dengan dua pengertian iaitu **sama ada** dua orang lelaki adil **atau** seorang lelaki adil bersama dua orang wanita. Justeru itu beliau menganggap harus kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki secara universal pada semua hak-hak kecuali terdapat dalil yang mengkhususkannya.²⁰⁰

²⁰⁰ al-Jaṣṣāṣ (1994), *op.cit.*

Pendapat Kedua:

Diterima kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki *setelah ketiadaan dua orang saksi lelaki adil untuk menyaksikan kes mal*.²⁰¹

Antara yang mendokong pendapat ini ialah Imam Malik dan al-Syahid Sayyid Quṭb.²⁰² Kemungkinan pendapat kedua Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ menurut tafsiran beliau seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

Interpretasi mereka berdasarkan ayat 282 al-Baqarah;

فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ

Makna ayat di atas ialah ‘Sekiranya tiada dua orang lelaki, barulah dibawa seorang saksi lelaki bersama seorang wanita’.²⁰³

Al-Syahid Sayyid Quṭb mengulas situasi ayat ini dengan mengatakan terdapat suasana tertentu yang mana sukar untuk mengadakan dua orang saksi lelaki. Dalam keadaan ini, syarak telah mempermudahkan dengan mengundang dua orang saksi wanita sebagai ganti kepada seorang saksi lelaki.²⁰⁴ Justeru itu, sebahagian ulama tafsir mengingatkan saksi wanita adil harus diadakan setelah tidak didapati dua orang saksi lelaki adil yang dapat memberikan penyaksian mereka kepada empunya hak.²⁰⁵

²⁰¹ *Ibid. al-Qurtūbī* (1988), *op.cit.*

²⁰² Sayyid Quṭb (1992), *op.cit.*, h. 335. al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 126.

²⁰³ al-Qurtūbī (1988), *op.cit.* Abī Ḥayyān al-Andalūsī al-Gharnātī (1992), *op.cit.* al-Jaṣṣāṣ (1994), *op.cit.*

²⁰⁴ Sayyid Quṭb (1992), *op.cit.*

²⁰⁵ al-Qurtūbī (1988), *op.cit.*

Dalil ini juga menunjukkan bahawa kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki sebenarnya mengambil tempat dua orang saksi lelaki.²⁰⁶ Oleh itu selagi mana dua orang saksi lelaki yang adil dapat diperolehi, maka tidak harus meminta wanita menjadi saksi dalam urusan mal.

Pendapat Yang Rajih

Hasil penelitian yang dibuat, penulis bersetuju menyatakan **pendapat majoriti** adalah **pendapat yang rājiḥ** berbanding pendapat kedua iaitu diberi pilihan kepada empunya hak sama ada membawa dua orang saksi lelaki adil atau seorang lelaki adil bersama dua orang wanita adil.

Justifikasi penulis adalah berlandaskan pandangan-pandangan berikut;

- a) Interpretasi yang dikemukakan oleh Imam Qurtubi lebih jelas dan sahih iaitu dalam bentuk diberi hak untuk memilih.²⁰⁷

- b) Ibn ‘Atīyyah menganggap pendapat kedua adalah lemah kerana lafaz ayat tidak memberikan pengertian tersebut. Bahkan tafsiran majoriti adalah lebih tepat iaitu sekiranya empunya hak lalai atau mempunyai keuzuran tertentu, maka hendaklah dibawa seorang lelaki bersama dua orang wanita. Justeru itu Allah S.W.T telah mengharuskan kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki meskipun wujud dua orang lelaki adil. Sedangkan Dia tidak menyebutnya di dalam ayat yang lain.²⁰⁸

²⁰⁶ *Ibid.*

²⁰⁷ *Ibid.*

²⁰⁸ *Ibid.*

c) Sekiranya dikatakan:

Zahir al-Quran menunjukkan bahawa kesaksian seorang lelaki dan dua orang wanita sebagai ganti kesaksian dua orang lelaki. Justeru itu tidak harus dihukum dengannya kecuali ketika ketiadaan dua orang saksi lelaki.²⁰⁹

Jawapan Ibn al-Qayyim di bawah ini adalah relevan untuk diterima;

Al-Quran tidak menentukan secara rigid sebagaimana pendapat kedua tadi, bahkan memberi panduan berkenaan wasilah pengukuhan hak bermula dari kaedah yang paling berkualiti kepada yang semakin lemah kualitinya. Sekiranya empunya hak tidak mampu mengadakan kaedah yang paling kuat, maka bolehlah ia berpindah kepada kaedah lain. Kesaksian seorang lelaki lebih kuat berbanding kesaksian dua orang wanita memandangkan mereka sering mengalami kezuruan untuk menghadiri prosiding kehakiman. Al-Quran juga tidak mengatakan: *Hendaklah kamu berhukum dengan dua orang lelaki, sekiranya tiada dua orang lelaki maka seorang lelaki bersama dua orang wanita.*

Allah S.W.T turut menjadikan bahagian wanita adalah separuh daripada lelaki dalam sesetengah perkara lain seperti hak pusaka, diat, akikah dan pembebasan hamba sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah S.A.W yang berbunyi;

منْ أَعْنَقَ امْرَأَ مُسْلِمًا أَعْنَقَ اللَّهُ بِكُلِّ عَضْوٍ مِّنْهُ عَضْوًا مِّنَ النَّارِ. وَمَنْ أَعْنَقَ امْرَأَيْنِ مُسْلِمَتَيْنِ أَعْنَقَ اللَّهُ بِكُلِّ عَضْوٍ مِّنْهُمَا عَضْوًا مِّنَ النَّارِ

Maksudnya:

Sesiapa yang membebaskan hamba lelaki muslim, Allah S.W.T akan membebaskan setiap anggota badannya, satu anggota dari api neraka. Sesiapa yang membebaskan dua orang wanita Islam, Allah akan membebaskan setiap anggota dari keduanya, satu anggota daripada neraka.²¹⁰

d) Lojik akal yang dikemukakan adalah relevan dan praktikal untuk diterima.

Sementelah pula ummat Islam hari ini semakin lemah imannya.

²⁰⁹ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 115. _____ (1993), *Badr'i al-Tafsir al-Jami' al-Tafsir al-Imam Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah*, j. 1. (*jama'ahū wa waththaqa muṣūšahū wa kharraja ahādīthahū Yusri al-Sayyid Muḥammad*), (T.T.P): Dār Ibn al-Jawziy, h. 444-

²¹⁰ Al-Sayykh Zakariyyā 'Amīrāt berkata: Hadis diriwayatkan oleh Bukhari di dalam Kitāb al-'Itq, Bāb 1. Muslim dalam Kitāb al-'Itq, hadis 22-25. Abū Dāwūd di dalam Kitāb al-'Itaq, Bāb 14. al-Tirmidhi di dalam Kitāb al-Nuzūr, Bāb 14 dan 20. al-Nisā'i di dalam Kitāb al-Jihād, Bāb 26. Ibn Mājah dalam Kitāb al'Itq, Bāb 4. Ahmad dalam Musnadnya, j.2. h. 420, 429. Sila lihat Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.* Namun dengan wujudnya perbezaan pada lafaz/matan walaupun maksudnya sama.

Justeru adalah sukar untuk mendapatkan dua orang saksi lelaki adil pada setiap kes yang berlaku sekalipun mereka wujud. Sedangkan kaum wanita sendiri semakin ramai yang terdedah kepada bidang ekonomi atau mana-mana jurusan berhubung dengan mal. Oleh sebab itu, pendapat yang memberikan kebebasan memilih saksi lebih menjelaki realiti sosial masyarakat yang ada pada setiap tempat dan iklim.

2.2.2. Kesaksian wanita secara bersendirian

Terdapat dua pandangan yang berbeza iaitu;

Pendapat Pertama

Kesaksian seorang atau dua orang atau tiga orang wanita atau lebih daripada itu tanpa disertai kesaksian lelaki atau sumpah pendakwa tidak harus diterima di dalam urusan mal dan tidak dapat menyabitkan mana-mana harta sekalipun.

Ini adalah pendapat majoriti *fuqahā'* Hanafi,²¹¹ Maliki,²¹² Syafi'i,²¹³ dan Hanbali.²¹⁴

Interpretasi mereka adalah berdasarkan dalil-dalil berikut;

a) Berlandaskan potongan ayat 282 al-Baqarah berkenaan kesaksian kes hutang:

²¹¹ al-Mūṣiḥī al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.* al-‘Aymī (1990), *op.cit.* al-Kāsāmī al-Ḥanafī (1974), *op.cit.* Ibn al-Humām al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 370.

²¹² Ibn Rusyd al-Ḥafid (t.t), *op.cit.* al-Dardīr (t.t), *al-Syarḥ al-Kabīr*, h. 187-188. _____ (1995), *al-Syarḥ al-Ṣaghīr*, h. 121. ‘Alisy (1983), *op.cit.*, h. 450. Ibn Juzay al-Gharnātī (2000), *op.cit.* Ibn Farhbūn, (1301H), *op.cit.*, h. 214.

²¹³ al-Imām al-Syāfi‘ī (1993), *op.cit.*, j. 7. h. 88. al-Nawawī (1995), *op.cit.* al-Syīrāzī (1996), *op.cit.* al-Mahallī (1995), *op.cit.* al-Qalyubi (1995), *op.cit.* al-Ramli (1967), *Nihāyah al-Muhtāj*.

²¹⁴ al-Buhūtī (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*, h. 431. Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, h. 9.

Ayat tersebut mensyaratkan dua orang lelaki atau seorang lelaki bersama dua orang wanita. Oleh itu tidak harus diterima kesaksian wanita walaupun bilangan mereka lebih dari dua orang kecuali bersama saksi lelaki atau kurang dari dua orang meskipun bersama lelaki.²¹⁵ Justeru itu, pendapat yang mengharuskan seorang wanita atau lebih daripada dua orang tanpa kesaksian lelaki di dalam urusan harta adalah bercanggah dengan syarat tersebut.

- b) Majoriti *fiqahā'* menganggap bahawa kesaksian seorang wanita menyamai separuh kesaksian seorang lelaki di dalam urusan mal berdasarkan dua hadis yang telah disebutkan sebelum ini. Sekiranya kesaksian seorang wanita menyamai separuh kesaksian seorang lelaki, maka tahap kesaksian yang tidak lengkap itu tidak dapat menyabitkan mana-mana hak. Sedangkan kesaksian seorang lelaki pun tidak diterima di dalam urusan harta kecuali bersama sumpah pendakwa.
- c) Berdasarkan *qiyyas* kepada ayat 282 al-Baqarah dan beberapa ayat kesaksian yang lain, para *fiqahā'* bersepakat mensyaratkan bilangan tertentu bagi saksi kecuali beberapa orang *fiqahā'*. Secara umumnya, tahap minima kesaksian lelaki ialah dua orang dalam mana-mana kes yang tidak diperincikan bilangannya. Oleh sebab itu tidak diterima kesaksian seorang lelaki walau setinggi mana ketaqwaaan, adil dan benar. Tidak dapat tidak dua orang lelaki atau seorang lelaki bersama seorang wanita atau seorang saksi bersama sumpah pendakwa di dalam urusan mal. Kalau begitu, lebih munasabah untuk tidak diterima kesaksian seorang wanita di dalam kes mal dan selain mal pada kes yang biasanya dilihat oleh lelaki.

²¹⁵ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*

Hanya Ibn al-Qayyim yang mempunyai pandangan berlawanan arus majoriti *fuqahā'* telah menerima kesaksian seorang lelaki.²¹⁶

- d) Keharusan kesaksian wanita juga disyaratkan bersama kesaksian lelaki kerana hal sebegini masih boleh dilihat oleh lelaki dan wanita, oleh sebab itu kesaksian empat orang wanita tanpa lelaki harus ditolak.

Pendapat Kedua

Ibn Ḥazm dari Mazhab Zāhiri turut menolak kesaksian seorang wanita atau dua orang wanita tanpa disertai sumpah pendakwa, namun beliau mengharuskan kesaksian empat wanita tanpa disertai lelaki di dalam urusan mal.²¹⁷

Justifikasi beliau telah dikemukakan sebelum ini. Teori asas yang digunakan ialah dua orang saksi wanita adil boleh mengambil tempat seorang saksi lelaki adil dalam semua kes dan bukan semata-mata dalam urusan mal. Oleh sebab itu dalam kes mal ini, empat orang saksi wanita diterima bagi menggantikan dua orang saksi lelaki.

Pendapat Yang Rajih

Penulis mendapati bahawa **pandangan majoriti** yang telah disepakati adalah **pendapat yang *rājiḥ*** berbanding pendapat Ibn Ḥazm.

²¹⁶ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 51 & 57.

²¹⁷ Ibn Ḥazm (1988), *op.cit.*

Kesimpulannya tidak harus diterima kesaksian seorang wanita meskipun bersama seorang saksi lelaki, lebih-lebih lagi tanpa lelaki atau kesaksian dua orang wanita semata-mata atau kesaksian empat orang wanita tanpa kesaksian lelaki untuk menyabitkan mana-mana hak mal.

Justifikasi penulis ialah;

- a) Berlandaskan hujjah-hujjah yang telah dikemukakan oleh jumhur yang diambil daripada intipati ayat 282 al-Baqarah dan dua hadis Nabi S.A.W berkenaan tahap kesaksian seorang wanita menyamai separuh kesaksian seorang lelaki. Juga berdasarkan teori *qiyas* sebagaimana yang telah disebutkan.
- b) Objektif ‘*al-Tadhkir*’ (iaitu mengingatkan) dari maksud ayat ‘...*supaya jika salah seorang terlupa maka yang seorang lagi boleh mengingatkan*’ tidak akan tercapai sekiranya diizinkan seorang wanita menjadi saksi.

2.2.3. Kesaksian Wanita Bersama Sumpah Pendakwa

Terdapat dua pendapat berhubung topik di atas iaitu;

Pendapat Pertama:

Kesaksian wanita bersama sumpah pendakwa sama ada bilangan wanita dua orang atau lebih tidak diterima untuk menyabitkan mana-mana kes harta dan yang berhubung dengan harta.

Ini adalah pendapat majoriti *fiqahā'* Hanafi,²¹⁸ Syāfi'i,²¹⁹ dan salah satu pendapat Hanbali.²²⁰

Hujjah-hujjah Pendapat Pertama;

1. Berdasarkan potongan ayat 282 al-Baqarah mengenai kesaksian dalam kes hutang: Imam Syāfi'i menyatakan ayat tersebut menunjukkan kesaksian wanita tidak harus kecuali bersama lelaki serta bilangan mereka tidak boleh kurang daripada dua orang walau bersama lelaki. Pada asalnya wanita itu telah dihadkan daripada sesuatu yang diberikan kepada kaum lelaki seperti lelaki merupakan pemimpin kaum wanita, mendapat dua bahagian daripada harta rampasan perang dan lain-lain lagi.²²¹ Oleh sebab itu sekiranya diharuskan kesaksian wanita bersama sumpah, maka ia telah bercanggah dengan prinsip ayat di atas dan tiada nas yang mengharuskannya.²²²

Beliau turut menolak alasan dua orang wanita mengambil tempat seorang lelaki kerana keharusan tersebut terjadi apabila wujudnya kesaksian dua orang wanita bersama kesaksian seorang lelaki.²²³

²¹⁸ al-Muṣilī al-Hanafī (t.t), *op.cit.* al-Kāsānī al-Hanafī (1974), *op.cit.* Ibn al-Humām al-Hanafī (t.t), *op.cit.*

²¹⁹ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, h. 3, 142-143. j.6, h. 355-357. al-Muzānī (1993), *op.cit.*, h. 319. al-Mahallī (1995), *op.cit.* al-Qalyubī (1995), *op.cit.* al-Ramlī (1967), *Nihāyah al-Muhtāj*. al-Syīrāzī (1996), *op.cit.*

²²⁰ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, h. 13. Ibn Dawiyān (t.t), *op.cit.* Ibn Qudāmah al-Muqaddasīyy, Syams al-Dīn Abī al-Faraj (1983), *al-Syarḥ al-Kabīr*, h. 96.

²²¹ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 7. h. 3, 141. al-Muzānī (1993), *op.cit.*

²²² al-Mahallī (1995), *op.cit.*

²²³ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, h. 3

Juga terdapat pendapat yang mengatakan jikalau diharuskan kesaksian dua orang wanita bersama sumpah, sudah tentu ia menjadi bahagian ketiga.²²⁴

2. *Bayyinah* kepada kes mal apabila tidak disertai lelaki, maka ia tidak harus diterima sebagaimana kesaksian empat orang wanita. Sekiranya mereka mengambil tempat kesaksian seorang lelaki dalam semua keadaan, nescaya empat orang wanita dapat menggantikan dua orang lelaki serta diterima di dalam urusan selain mal kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki. ²²⁵
3. Tidak harus diterima kesaksian dua orang wanita atau lebih bersama sumpah pendakwa kerana kesaksian mereka pada asasnya telah lemah sehingga perlu ditampung dengan mengumpulkannya bersama saksi lelaki. Sumpah juga adalah lemah. Maka tidak harus menyandarkan hujjah yang lemah kepada hujjah yang lemah juga. ²²⁶

Pendapat Kedua:

Kesaksian dua orang wanita bersama sumpah pendakwa diterima bagi menyabitkan urusan mal.

²²⁴ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 124.

²²⁵ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*.

²²⁶ al-Buhūtī (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*, h. 429- 430. Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*.

Ini adalah pendapat Ibn Ḥazm²²⁷, Maliki,²²⁸ salah satu pendapat Hanbali²²⁹ dan pendapat yang *marjūḥ* di sisi sesetengah ulama Syāfi'i.²³⁰

Hujjah-hujjah pendapat ini;

1. Platform Ibn Ḥazm serta dalil-dalil beliau sudah dijelaskan sebelum ini.
2. Adapun hujjah Maliki ialah setiap perkara yang diharuskan kesaksian lelaki bersama sumpah empunya hak, maka ia harus digantikan dengan dua orang wanita di tempat saksi lelaki tersebut. Teori ini hanya dikhkususkan bagi kes mal dan yang dimaksudkan dengan mal.
3. Zahir al-Quran dan sunnah menunjukkan benarnya pendapat ini. Sesungguhnya Allah S.W.T telah menjadikan dua orang wanita di tempat seorang lelaki menurut ayat 282 al-Baqarah. Ia diperjelaskan lagi oleh sabda Nabi S.A.W di dalam Hadis Sahih yang bermaksud: *Bukankah kesaksian wanita seperti separuh kesaksian lelaki? Maṣḥumnya* kesaksian dua orang wanita adil menyamai kesaksian seorang lelaki adil. Tambahan pula tiada dalil al-Quran atau sunnah atau ijmak yang mencegah daripada mengambil fahaman sedemikian.

²²⁷ Ibn Hazm (1988), *op.cit.*, h. 476.

²²⁸ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 28. _____ (1985), *op.cit.*, h. 724. al-Haqqāb (1992), *op.cit.* 'Alisy (1983), *op.cit.*, h. 449. al-Šāwī (1995), *op.cit.* al-Dardir (1995), *al-Syarḥ al-Ṣaghīr*. Ibn Juzay al-Gharnātī (2000), *op.cit.*

²²⁹ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 123.

²³⁰ al-Muzānī (1993), *op.cit.*, h. 320.

4. *Qiyas* dua orang perempuan mengambil tempat seorang lelaki adalah sahih: iaitu apabila dua orang wanita bersama seorang lelaki, maka mereka telah mengambil tempat seorang lelaki. Namun sekiranya dua orang wanita sahaja tanpa lelaki, maka penerimaan kesaksian mereka bukan bermaksud bagi kesaksian seorang lelaki. Bahkan maksudnya ialah pada sifat *al-'adālah* kedua-dua wanita tersebut. *Al-'adālah* tetap wujud pada mereka apabila kedua mereka memberikan kesaksian secara bersendirian. Apa yang dibimbangi ialah berlakunya kelemahan pada sifat *dābiṭ* serta ingatan wanita seorang diri, maka ia diperkuatkan oleh wanita yang seorang lagi.²³¹

Hujjah Ibn al-Qayyim bagi menolak hujjah-hujjah pendapat pertama ;

1. Bagi pendapat yang mengatakan bahawa ayat 282 al-Baqarah tidak menyebut kesaksian dua orang wanita bersama sumpah, maka jawapannya ialah ayat tersebut juga tidak menyebut kesaksian lelaki bersama sumpah atau enggan bersumpah atau seorang wanita atau dua orang wanita atau empat orang wanita. Allah S.W.T tidak menyebut apa yang harus diputuskan dengannya oleh hakim tetapi memberi petunjuk kepada cara yang dapat menjaga hak. Wasilah bagi membuktikan hak lebih luas daripada wasilah untuk menjaga hak-hak.²³²
2. Hujjah: '*Bayyinah kepada kes mal apabila tidak disertai lelaki, maka ia tidak harus diterima...*', ia adalah dakwaan mereka semata-mata tanpa ada nas yang jelas mengenainya. Jadi bagaimanakah ia boleh dibuat hujjah?

²³¹ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 123-124.

²³² *Ibid.*, h. 125.

Dan kata-kata: ‘*sebagaimana kesaksian empat orang wanita*.’ Juga merupakan dakwaan yang masih terdapat perselisihan pendapat mengenainya, sekalipun sebahagian mereka menyangka bahawa ia adalah pendapat yang disepakati *fugahā*. Sedangkan Imam Ahmad menerima kesaksian wanita secara bersendirian dalam kes lelaki yang memberi wasiat tetapi tidak dihadiri kecuali saksi wanita.

Al-Bayyinah itu sendiri ialah satu nama bagi setiap perkara yang dapat membuktikan fakta. Ia lebih umum daripada saksi lelaki atau wanita atau sumpah atau enggan bersumpah atau tanda-tanda lahir. Nabi S.A.W telah menerima kesaksian seorang wanita di dalam penyusuan serta para sahabat dan *tābi‘īn* juga menerimanya di dalam sebahagian kes. Kata-kata: “*serta diterima di dalam urusan selain mal kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki*”, ia adalah benar iaitu wujud pendapat ini di dalam kes nikah, rujuk, talaq, nasab, *walā*’, wasiat dan lain-lain.²³³

3. Jawapan terhadap hujjah ketiga jumhur ialah:

Kami tidak menerima lemahnya kesaksian wanita apabila mereka berkumpul, justeru itu kami menghukum dengan kesaksian mereka apabila mereka berkumpul bersama lelaki. Sekalipun mampu membawa dua orang lelaki, seorang lelaki bersama dua orang wanita juga adalah asal kesaksian, bukannya gantian. Seorang wanita adil sama seperti seorang lelaki dalam hal bersifat benar, armanah dan berugama, kecuali dibimbangi ke atasnya terlupa dan lalai maka diperkuatkan dengan seorang lagi sepertinya. Demikian itu ia menjadi lebih kuat daripada seorang atau seumpama dengannya. Serta tidak diragui bahawa sangkaan tetap diperolehi dari seorang lelaki tanpa kesaksian keduanya atau seumpama dengannya.²³⁴

²³³ *Ibid.*, h. 124.

²³⁴ *Ibid.*, h. 124-125.

Pendapat Yang Rajih

Setelah mengikuti perbahasan para *fuqahā'*, penulis cenderung untuk **mentarjīḥkan pendapat kedua** iaitu harus kesaksian dua orang wanita Islam yang adil bersama sumpah empunya hak di dalam urusan mal berlandaskan dalil-dalil yang telah dikemukakan oleh mereka dari Quran, sunnah dan *qiyyas* sahih.

Justifikasi penulis:

Para *fuqaha'* dan *mufassirin* telah menyatakan bahawa ayat 282 al-Baqarah berkenaan kesaksian di dalam kes hutang adalah berbentuk *irsyādī*. Justeru itu petunjuk yang terkandung di dalam ayat tersebut bagi kes mal bukanlah merupakan satu ketetapan yang rigid berhubung kesaksian wanita. Bahkan kaedah tersebut harus diperluaskan kepada pilihan lain yang juga dinaskan oleh Quran dan sunnah seperti sumpah dan *qarinah*. Dalam masalah hukum kesaksian dua orang wanita bersama sumpah pendakwa, petunjuk diambil secara *qiyyas* kepada maksud hadis Nabi S.A.W yang telah menghakimi kes mal dengan seorang saksi lelaki bersama sumpah pendakwa. Ianya selaras dengan *tarjīḥ* penulis terhadap pendapat yang memberi pilihan kepada pendakwa sama ada mahu membawa dua orang saksi wanita bersama seorang lelaki di dalam kes mal *dalam keadaan* wujud dua orang saksi lelaki adil atau setelah didapati hanya seorang saksi lelaki yang adil.

Pendapat Yang Rajih

Setelah mengikuti perbahasan para *fuqahā'*, penulis cenderung untuk **mentarjīḥkan pendapat kedua** iaitu harus kesaksian dua orang wanita Islam yang adil bersama sumpah empunya hak di dalam urusan mal berlandaskan dalil-dalil yang telah dikemukakan oleh mereka dari Quran, sunnah dan *qiyyas* sahih.

Justifikasi penulis;

Para *fuqaha'* dan *mufassirin* telah menyatakan bahawa ayat 282 al-Baqarah berkenaan kesaksian di dalam kes hutang adalah berbentuk *irsyādī*. Justeru itu petunjuk yang terkandung di dalam ayat tersebut bagi kes mal bukanlah merupakan satu ketetapan yang rigid berhubung kesaksian wanita. Bahkan kaedah tersebut harus diperluaskan kepada pilihan lain yang juga dinaskan oleh Quran dan sunnah seperti sumpah dan *qarinah*. Dalam masalah hukum kesaksian dua orang wanita bersama sumpah pendakwa, petunjuk diambil secara *qiyyas* kepada maksud hadis Nabi S.A.W yang telah menghakimi kes mal dengan seorang saksi lelaki bersama sumpah pendakwa. Ianya selaras dengan *tarjīḥ* penulis terhadap pendapat yang memberi pilihan kepada pendakwa sama ada mahu membawa dua orang saksi wanita bersama seorang lelaki di dalam kes mal *dalam keadaan* wujud dua orang saksi lelaki adil atau setelah didapati hanya seorang saksi lelaki yang adil.

3. Kes-kes yang biasanya dihadiri dan dilihat oleh kaum wanita sahaja ('Uyūb al-Nisā').

Pengenalan

Maksudnya ialah segala urusan yang diharuskan syarak bagi golongan wanita sahaja melihatnya. Sedangkan golongan lelaki tidak dibenarkan melihatnya selagimana wanita mampu menyelesaikan sendiri urusan sesama mereka. Keizinan syarak tersebut adalah menurut keperluan dan kepentingan semasa. Antara kes penting yang dapat diberikan contoh ialah;

1. Penyusuan (*al-Radā'*): menghisap susu ibu.²³⁵
2. *Istiḥlāl* : Suara bayi ketika dilahirkan.²³⁶
3. Bersalin (*al-Wilādah*): Keluar bayi dari rahim ibunya melalui faraj.
4. Kedaraan (*al-Bakārah*): Perihal kesucian seseorang gadis
5. Kejandaan (*al-Thuyūbah*): Perihal seseorang wanita yang pernah bersetubuh.
6. Haid: Aliran darah khusus daripada rahim wanita pada waktu tertentu.²³⁷
7. Nifas: Darah yang keluar selepas melahirkan.²³⁸
8. Kehamilan (*al-Haml*): Perihal mengandung.
9. Mengenalpasti tanda-tanda baligh wanita seperti tumbuh rambut pada ari-ari dan ketiak.
10. Kecacatan wanita seperti;

²³⁵ Ibrāhīm Muṣṭafā et al. (1989), *al-Mu'jam al-Wasīt*, j. 1. Istanbul: Dār al-Da'wah, h. 350.

²³⁶ al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 133. al-Muṣilī al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*

²³⁷ *Ibid.*, j. 1. h. 26.

²³⁸ *Ibid.*, h. 30.

- a) *al-Rataq*²³⁹ (الرَّتْقِ) {atau *Imperforate hymen* dan *Congenital absence of the vagina* (tiada vagina)}²⁴⁰: Faraj tertutup secara semulajadi yang dapat menghalang perlakuan jimak.²⁴¹
- b) *al-Qarn* (القرن)²⁴²: Iaitu daging yang tumbuh di dalam faraj yang menghalang perlakuan jimak. Perubatan moden dapat mengenalpasti sejenis penyakit yang hampir sama dengan *al-Qarn* iaitu *Bartholin's cyst* yang mana apabila ketumbuhan ini membesar, ia dapat menghalang hubungan kelamin.²⁴³
- c) *al-Judhām* (الجذام)²⁴⁴: Kusta²⁴⁵ di bahagian aurat wanita.
- d) *al-Syalal* (الشلال): Lumpuh di tangan atau anggota badan yang lain.²⁴⁶
- e) *al-Baras* (البرص)²⁴⁷: Penyakit sopak atau kusta²⁴⁸ di bahagian aurat.
- f) *al-Qurūh* (القروه): Bisul atau kudis yang terdapat di dalam faraj.²⁴⁹
- g) *al-Fataq* (الفتق): Belahan antara saluran kencing dan saluran mani atau antara faraj dan saluran najis.²⁵⁰
- h) *al-'Afal* (العفل): Bengkak pada daging antara dua jalan yang menyempitkan faraj sehingga tidak dapat dimasuki zakar.²⁵¹

²³⁹ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, h. 15. Ibrāhīm Mustafā et. al. (1989), *op.cit.*, h. 327.

²⁴⁰ Symonds, E.Malcolm (1995), *Essential Obstetrics And Gynaecology*, Edisi 2, c. 2. New York: Churchill Livingstone, h. 229.

²⁴¹ al-Buhūtī (t.t), *al-Rawd al-Murbi'*, h. 309.

²⁴² Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, h. 16

²⁴³ Symonds (1995), *op.cit.*, h. 241.

²⁴⁴ al-Buhūtī (t.t), *al-Rawd al-Murbi'*.

²⁴⁵ Mahmud Yunus (Prof.)(1972), *Kamus Arab-Indonesia*, Klang: Klang Book Centre, h. 86.

²⁴⁶ Mahmud Yunus (Prof.)(1972), *op.cit.*, h. 203. Ibrāhīm Mustafā et. al. (1989), *op.cit.*, h. 492.

²⁴⁷ al-Buhūtī (t.t), *al-Rawd al-Murbi'*.

²⁴⁸ Mahmud Yunus (Prof.)(1972), *op.cit.*, h. 62.

²⁴⁹ al-Buhūtī (t.t), *al-Rawd al-Murbi'*.

²⁵⁰ *Ibid.*

²⁵¹ *Ibid.*

Senarai penyakit/kecacatan yang dikemukakan adalah sebagai contoh serta tidak terhad kepada kecacatan tersebut sahaja. Ia merangkumi penyakit-penyakit kelamin dan jasmani yang makruf di kalangan masyarakat dahulu dan sekarang. Antara penyakit kelamin di zaman moden ini ialah *Syphilis* dan AIDS (*Acquired Immune Deficiency Syndrome*). Terdapat juga penyakit khusus bagi wanita seperti kanser payudara dan kanser rahim.

Apa yang penting asas kes tersebut ialah yang lazimnya tidak dilihat oleh lelaki serta diharamkan mereka melihatnya istisna darurat. Berdasarkan asas tersebut, kemungkinan kita boleh menambah situasi atau keadaan lain berhubung kes ‘*uyūb al-nisā*’ seperti pergaduhan yang berlaku di kawasan khas untuk wanita. Fenomena semasa menyaksikan pertumbuhan institusi pengajian khusus untuk wanita sama ada di masjid, sekolah, kolej dan universiti. Begitu juga majlis atau perayaan yang diadakan di rumah-rumah dan dewan serta wujudnya tandas-tandas awam wanita. Semua contoh yang disebutkan tadi hanya dihadiri dan terhad untuk wanita sahaja dan tiada lelaki bersama mereka. Walaupun pada asalnya kesaksian wanita ditolak di dalam kes jenayah, namun permusuhan atau jenayah yang mungkin berlaku di kawasan mereka khususnya merupakan keadaan darurat untuk diterima kesaksian mereka. Ia menepati konsep ‘*Darurat mengharuskan larangan*’ supaya hak-hak tidak hilang dan penjenayah mendapat balasan yang setimpal. Hal ini pernah disinggung oleh beberapa *fiqahā* ‘salaf dan khalaf’.²⁵²

²⁵² Sila lihat al-Buhūtī (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā’ ‘an Maṭn al-Iqnā’*, h. 431. Yūsuf al-Qarādāwī (Prof. Dr) (2000), *op.cit.*, h. 486-487.

Hukum Kesaksian Wanita Di Dalam Kes ‘*Uyūb al-Nisā*’

Hukum kesaksian mereka dibahagi menurut perbezaan hal/ keadaan.

3.1. Situasi Pertama: Keadaan yang lazim dilihat oleh wanita selain daripada penyusuan dan *istiħlāl* berkait hukum perwarisan.

Contoh: Melahirkan, haid, nifas, kedaraan dan kecacatan wanita.

Tiada khilaf *fugahā'* untuk menerima kesaksian wanita tanpa bersama kesaksian lelaki²⁵³ di dalam kes ini kecuali pendapat Zufar²⁵⁴ dari mazhab Hanafi yang tidak mengharuskan kesaksian wanita semata-mata.

Titik muafakat ini berdasarkan dalil-dalil berikut;

i) Sunnah

Sabda Rasulullah S.A.W:

شهادة النساء حائرة فيما لا يستطيع الرجال النظر اليه.

Maksudnya:

*Kesaksian wanita harus pada perkara yang tidak mampu lelaki melihat kepadanya.*²⁵⁵

²⁵³ al-Mūsili al-Hanafi (t.t), *op.cit.*, j. 2. h. 140. al-Jaššāš (1994), *op.cit.*, h. 609. al-Kāṣāni al-Hanafi (1974), *op.cit.*, h. 277 – 278. al-Bābārti (t.t), *op.cit.*, h. 373. Ibn al-Humām al-Hanafi (t.t), *op.cit.*, h. 372. al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, h. 142. Afandi (1966), *op.cit.*, h. 75. al-Muzāni (1993), *op.cit.* al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 7. h. 88, 144. j. 5. h. 55. al-Nawawī (1995), *op.cit.*, h. 30. al-Syīrāzī (1996), *op.cit.*, h. 635. al-Qalyubī (1995), *op.cit.* al-Ramlī (1967), *Nihāyah al-Muhtāj*, h. 312. al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1996), *op.cit.*, h. 882. Ibn Rusyd al-Hāfiḍ (t.t), *op.cit.* al-Šāwī (1995), *op.cit.*, h. 123. 'Alīsy (1983), *op.cit.*, h. 455. Ibn Juzay al-Gharnātī (2000), *op.cit.* al-Buhūtī (1394H), *Kasyyāf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*: Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, h. 15. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 99. Ibn Taymiyah (t.t), *op.cit.*, h. 327. Ibn Dawiyān (t.t), *op.cit.*, h. 496. Ibn Hazm (1988), *op.cit.* al-Dardir (t.t), *al-Syarḥ al-Kabīr*, h. 188-189. Ibn Farḥūn, (1301H), *op.cit.*, h. 235.

²⁵⁴ Ibn Hazm (1988), *op.cit.* h. 477.

²⁵⁵ Menurut al-'Aynī dan al-Zayla'i; Hadis ini *gharīb*. Sila lihat al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 130. al-Zayla'i (1995), *op.cit.*, j. 3. h. 543. j. 5. h. 77. Menurut Ibn al-Humām hadis ini *mursal* wajib beramal denganannya. Lihat Ibn al-Humām al-Hanafi (t.t), *op.cit.*, h. 373. al-Mūsili al-Hanafi meriwayatkan dengan lafadz berikut;

Huruf *alif* (ا) dan *lam* (ل) pada lafaz *jama' al-Nisā'* adalah untuk jenis dan bukannya untuk kadar bilangan sebagaimana yang dimaklumi. Maka ia merangkumi sedikit atau banyak. Oleh sebab itu, harus seorang wanita tetapi ramai adalah lebih baik.²⁵⁶ Hadis ini dengan jelas membenarkan wanita menjadi saksi secara bersendirian pada kes atau kes yang lazimnya tidak dilihat golongan lelaki.

ii) Athar

Athar 1;

Daripada Ibn Syihab al-Zuhri r.a;

مضت السنة أن تجوز شهادة النساء فيما لا يطلع عليه غيرهن من ولادات النساء وعيوبهن

Maksudnya:

*Telah berlalu sunnah mengharuskan kesaksian wanita pada perkara yang tidak dilihat kecuali mereka seperti melahirkan dan kecacatan mereka.*²⁵⁷

Athar ini menyebut secara terang-terangan keharusan kesaksian wanita tanpa lelaki pada perkara yang tidak dilihat kecuali oleh wanita seperti dalam kes kelahiran dan kecacatan mereka.

شهادة النساء حاضرة فيما لا يطلع عليه الرجال

Sila lihat al-Muṣīlī al-Hanafī (t.t), *op.cit.*

²⁵⁶ al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 131. al-Bābārtī (t.t), *op.cit.*

²⁵⁷ al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 130. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1979), *Talkhiṣ al-Ḥabīr fī Takhrij Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, h. 228. Athar ini turut diriwayatkan oleh 'Abd al-Razzāq di dalam Muṣannafnya dan Ibn Abi Saybah dengan lafaz sedikit berbeza. Sila lihat al-Zayla'i (1995), *op.cit.*, j. 5. h. 77. al-Khaṭīb al-Syarbīni (1996), *op.cit.* al-Nawawī (1995), *op.cit.* Hadis *mursal* dan menjadi hujjah di sisi Hanafi. Sila lihat Ibn al-Humām al-Hanafī (t.t), *op.cit.*, h. 373. *Sunan Bayhaqī al-Kubrā*, j.10. h. 150. Lafaz berbeza daripada al-Zuhri;

مضت السنة بأنه تجوز شهادة النساء في كل شيء لا يليه غيرهن

Sila lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1979), *Talkhiṣ al-Ḥabīr fī Takhrij Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*.

Sekiranya kesaksian wanita diterima secara bersendirian, maka penerimaan kesaksian dua orang lelaki atau seorang lelaki bersama dua orang wanita adalah lebih utama.²⁵⁸

Athar 2:

Daripada 'Abd al-Razzāq meriwayatkan dari Ibnu Umar r.a menyatakan;

لَا تجوز شهادة النساء وحدهن الا على ما لا يطلع عليه الا هن من عورات النساء وما يشبه ذلك من حملهن و حيضهن

Maknunya:

*Tidak harus kesaksian wanita semata-mata kecuali pada perkara yang tidak dilihat kecuali oleh mereka seperti aurat wanita dan seumpamanya seperti mengandung dan haid.*²⁵⁹

Athar ini juga secara nyata menyebut tidak harus kesaksian wanita bersendirian tanpa kesaksian lelaki kecuali pada perkara yang melibatkan aurat mereka seperti dalam kes kehamilan dan haid. *Qiyas* kepada athar ini ialah semua perkara yang biasanya hanya dilihat kaum wanita serta bukan kebiasaan kaum lelaki melihatnya.²⁶⁰

iii) Lojik akal

Lojik 1: Tidak dapat tidak, hal 'uyūb al-nisā' perlu disabitkan sedangkan ianya tidak mungkin dilihat oleh lelaki tetapi hanya dilihat oleh kaum wanita, maka wajib diterima kesaksian mereka secara bersendirian bagi mencapai maslahah syarak.²⁶¹

²⁵⁸ Pendapat al-Khaṭīb al-Syarbīnī. Sila lihat al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1996), *op.cit.*

²⁵⁹ al-'Aynī (1990), *op.cit.* al-Zayla'i (1995), *op.cit.*, h. 78. Terdapat riwayat lain daripada 'Abd al-Razzāq dari Ibn 'Umar r.a tanpa menyebut:

وَمَا يشْبِهُ ذَلِكَ مِنْ حِيْضُهُنَّ وَ حَمْلُهُنَّ

Sila lihat Ibn al-Humām al-Hanafī (t.t), *op.cit.*

²⁶⁰ al-Maḥallī (1995), *op.cit.*

²⁶¹ al-Mūṣilī al-Hanafī (t.t), *op.cit.*

Lojik 2; Gugur kesaksian lelaki dalam kes ‘*uyūb al-nisā*’ adalah untuk meminima atau membataskan pandangan kepada aurat wanita yang diharamkan melihatnya. Pandangan wanita kepada aurat sesama jenis dianggap lebih ringan kesannya berbanding lelaki yang melihat aurat wanita.²⁶²

Menurut al-Akmal r.a, terdapat kecacatan pada hujjah tersebut yang mana sekiranya memadai seorang saksi wanita kerana meminimakan pandangan kepada aurat yang diharamkan, bagaimana pula dikatakan dua dan tiga orang lebih baik?²⁶³

Jawapan kepada kritikan ini ialah: Meringankan pandangan bertujuan supaya tidak diwajibkan atau ditentukan kadar bilangan saksi (*niṣāb al-syahādah*). Syarat dua orang atau lebih juga mengandungi makna ilzam yang membawa kepada wajib ditentukan atau ditetapkan bilangan. Sebagai beramal dengan kedua-dua teori ini, jalan tengah telah diambil oleh mazhab Hanafi dengan mengatakan tidak wajib ditentukan kadar bilangan saksi tetapi harus dilebihkan kerana mengambil langkah *iḥtīyāt* (berjaga-jaga).²⁶⁴

Perhatian:

Imam al-Māwardī dan al-Baghwī menganggap bahawa hanya kesaksian dua orang lelaki adil diterima dalam kes kecacatan pada wajah dan tangan wanita kerana kedua-dua tempat itu tadi harus dilihat oleh lelaki.²⁶⁵

²⁶² al-‘Aynī (1990), *op.cit.*, h. 131.

²⁶³ *Ibid.*, h. 132.

²⁶⁴ *Ibid.*, h. 131-132.

²⁶⁵ Ibn Abī al-Dam (1987), *op.cit.*, h. 318. al-Nawawī (1995), *op.cit.*

3.2. Situasi Kedua: Penyusuan dan *istihlāl* dalam hal perwarisan.

Terdapat dua pendapat utama berhubung kes di atas iaitu;

Pendapat Pertama:

Harus kesaksian wanita bersendirian dalam kes penyusuan dan *istihlāl* nisbah kepada perwarisan.

Pendapat ini didokongi oleh mazhab Maliki,²⁶⁶ Syāfi‘ī,²⁶⁷ Hanbali,²⁶⁸ dan Zāhirī.²⁶⁹ Juga pendapat Abū Yūsuf dan Muḥammad bin al-Ḥassan al-Sayybānī khusus dalam kes *istihlāl* sahaja.²⁷⁰

a. ***Hujjah-hujjah mazhab Maliki, Syāfi‘ī, Hanbali dan Zāhirī khusus dalam kes penyusuan adalah sebagaimana berikut;***

i) Sunnah.

Hadis 1;

Daripada ‘Uqbah bin al-Ḥārith r.a telah berkata:

²⁶⁶ Ibn Rusyd al-Hafid (t.t), *op.cit.* al-Dardir (1995), *al-Syarḥ al-Ṣaghīr*, h. 124. _____ (t.t), *al-Syarḥ al-Kabīr*. al-Ṣāwi (1995), *op.cit.*, h. 124. ‘Alīsy (1983), *op.cit.* Ibn Juzay al-Gharnātī (2000), *op.cit.* Ibn Farhūn, (1301H), *op.cit.*

²⁶⁷ al-Imām al-Syāfi‘ī (1993), *op.cit.*, h. 88, 144. j. 5. h. 55. al-Muzānī (1993), *op.cit.* al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1996), *op.cit.* al-Syīrāzī (1996), *op.cit.*, h. 635-636. al-Maḥallī (1995), *op.cit.* al-Ramli (1967), *Nihāyah al-Muhtāj*.

²⁶⁸ al-Buhūtī (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā’ ‘an Matn al-Iqnā’*, _____ (t.t), *al-Rawḍ al-Murbi*, h. 418. Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 59, 99. Ibn Qudāmah al-Muqaddasiyy, Syams al-Dīn Abī al-Faraj (1983), *al-Syarḥ al-Kabīr*, h. 97. Ibn Dawiyān (t.t), *op.cit.*

²⁶⁹ Ibn Ḥazm (1988), *op.cit.* h. 476.

²⁷⁰ al-Mūṣilī al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 143. al-‘Aynī (1990), *op.cit.*, h. 133. al-Bābārtī (t.t), *op.cit.*, h. 375. Ibn al-Humām al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 375. al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, j. 17. h. 166. Afandi (1966), *op.cit.*, h. 74.

تزوجت امرأة، فجاءت امرأة فقالت: ألي قد أرضعتكمَا، فأتيت النبيَّ صلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فقال: وكيفَ وقد قيلَ؟ دعْهَا عَنْكَ.

Maksudnya:

Aku telah berkahwin dengan seorang wanita, lalu datang seorang perempuan seraya berkata: "Sesungguhnya aku telah menyusukan kamu berdua" Maka aku bertemu Rasulullah S.A.W lalu Baginda S.A.W bersabda: " Dan bagaimana, sedangkan ia telah diperkatakan? Jauhkan dia (isterimu) dari kamu".²⁷¹

Dalam riwayat lain pula menyebut bahawa daripada 'Uqbah bin al-Hārith r.a:

تزوجت أم يحيى بنت أبي إهاب فدخلت علينا امرأة سوداء فرَعَمتْ أنَّها أرضعتنا جميعاً، فأتت النبيَّ صلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَتْ ذَلِكَ لَهُ، فَأَعْرَضَ عَنِّي فَقُلْتُ يارَسُولَ اللهِ إِنَّهَا لَكَاذِبَةٌ قَالَ وَمَا يُدْرِيكَ وَقَدْ قَالَتْ مَا قَالَتْ دعْهَا عَنْكَ.

Maksudnya:

Aku telah mengahwini Ummu Yahyā anak perempuan Abī Ihāb. Lalu datang seorang wanita berkulit hitam kepada kami serta mendakwa bahawa dia telah menyusukan kami semua. Kemudian aku bertemu Nabi S.A.W seraya menyebut tentang perkara itu kepada Baginda S.A.W, lalu Baginda S.A.W berpaling daripadaku. Maka aku berkata: "Ya Rasulullah, sesungguhnya wanita itu pendusta". Baginda bersabda: " Apa yang kamu tahu sedangkan dia telah mengatakan apa yang telah dikatakan, jauhkan dia (isteri kamu) daripada kamu".²⁷²

²⁷¹ Sila lihat Ibn Hajar al-'Asqalānī (1996), *Fath al-Bārī bi syarḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, j. 5. h. 599-600, no. hadis 2660. j. 1. h. 249, no. hadis 88.

²⁷² *Sunan Abī Dāwūd*, j. 3. h. 306, Bāb al-Syahādah 'alā al-Raḍā', no. hadis 3604. *Sahīḥ Ibni Ḥibbān*, j. 4. h. 206, no. hadis 4139. *Sahīḥ al-Bukhārī*, j. 15. h. 164, Bāb Syahādah al-Murḍī'ah, no. hadis 4984. Bāb Tafsīr al-Muṣyabbahāt, no. hadis 2028 menyebutnya dengan lafaz berikut;

عن عَثْبَةَ بْنِ الْحَارِثِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ امْرَأَةً سُودَاءَ جَاءَتْ فَرَعَمَتْ أَمَّا أَرْضَعْتُهُمَا، فَذَكَرَ لِلنَّبِيِّ صلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَعْرَضَ عَنِّي وَتَبَسَّمَ النَّبِيُّ صلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: كَيْفَ وَقَدْ قِيلَ؟ وَقَدْ كَانَتْ تَخْتَهُ ابْنَةُ أَبِي إِهَابٍ الشَّيْمِيَّ.

Kedua-dua riwayat ini menunjukkan bahawa Nabi S.A.W menegah ‘Uqbah bin al-Hārith daripada mengahwini saudara sesusu. Larangan ini menunjukkan haram perkahwinan antara keduanya yang mana bukti penyusuan hanya diambil dari kesaksian seorang wanita hamba. Sekiranya sabit kesaksian wanita hamba dalam kes penyusuan, maka lebih utama untuk menerima kesaksian perempuan merdeka secara bersendirian.

Hadis 2:

Hadis riwayat Ibn ‘Umar r.a:

عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: يجزي في الرضاع شهادة امرأة واحدة

Maksudnya:

Daripada Nabi S.A.W telah berkata: Memadai di dalam penyusuan kesaksian seorang wanita.²⁷³

²⁷³ al-Buhūti (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*. Ibn al-Qayyim mengatakan bahawa hadis ini diriwayatkan oleh *fugahā‘* Hanbali. Al-Saykh Zakariyyā ‘Amīrāt mengulas: Hadis ini tidak diketahui sanadnya. Sila lihat Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 100.

Imam Ahmad mengeluarkan hadis dengan riwayat dari Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān ibn al-Baylāmāniyy dari bapanya dari Ibn ‘Umar: Bahawa dia telah bertanya Nabi atau seorang lelaki bertanyakan Nabi dengan berkata:

ما الذي يجوز في الرضاع من الشهور؟ فقال النبي: رُسُلٌ وامرأةٌ وامرأةٌ

Maksudnya:

Apa yang harus dalam penyusuan dari saksi-saksi? Maka sabda Nabi: Seorang lelaki bersama seorang wanita dan seorang wanita.

Sila lihat *Mashad al-Imam Aḥmad*, j. 2. h. 116, no. hadis 4900.

Imam Bayhaqī mengeluarkan hadis dari Muḥammad bin ‘Uthaym memberitahu dari Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān ibn al-Baylāmāniyy dari bapanya Abi ‘Ubayd telah berkata:

سُئِلَ نَبِيُّ اللَّهِ مَا يجُوزُ فِي الرُّضَاعِ مِنَ الشَّهْوَرِ قَالَ: رَجُلٌ أَوْ امْرَأَةٌ

Maksudnya:

Telah ditanyakan Nabi Allah s.w.t saksi-saksi apa yang harus di dalam penyusuan. Baginda bersabda: Seorang lelaki atau seorang wanita.

Imam Bayhaqī berkata bahawa sanad hadis ini daif yang tidak boleh dibuat hujjah dengannya. Muḥammad bin ‘Uthaym ditutup dengan sifat dusta dan Ibn al-Baylāmāniyy daif iaitu terdapat khilaf pada matannya. Ada yang disebut seperti hadis ini.

Hadis ini secara terang-terangan mengharuskan kesaksian wanita di dalam kes penyusuan.

Hadis 3;

Riwayat Hudhayfah r.a:²⁷⁴

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْجَزَ شَهَادَةَ الْقَابِلَةِ فِي الْوَلَادَةِ

Mafhūm daripada hadis ini ialah sekiranya diterima kesaksian seorang wanita di dalam kes kelahiran, maka harus juga diterima kesaksian seorang wanita di dalam kes penyusuan kerana kedua-dua kes biasanya tidak dilihat oleh lelaki serta melibatkan aurat wanita.

ii) Athar.

Athar 1;

Riwayat daripada Ibn Jurayḥ menyatakan;

قَالَ ابْنُ شَهَابٍ: حَانَتْ أَمْرَأَةٌ سُودَاءُ إِلَى أَهْلِ ثَلَاثَةِ أَبِيَاتٍ تَنَاكِحُوهُ
فَقَالَتْ: هُمْ بْنٌ وَبَنَّاٰيٌ. فَرَقَ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بَيْنَهُمْ.

Maksudnya:

Ibn Syihāb telah berkata; Seorang wanita berkulit hitam telah datang kepada tiga pasangan keluarga yang sudah berkahwin seraya berkata: "Mereka adalah anak-anak lelaki dan anak-anak perempuanku". Lalu 'Uthman r.a menceraikan antara mereka.²⁷⁵

Ada yang dikatakan: seorang lelaki bersama seorang wanita. Ada yang dikatakan: Seorang lelaki dan dua orang wanita. Wallāh a'lam. Sila lihat *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 11. h. 469, Bāb al-Syahādah al-Nisā' fi al-Raḍā', no. hadis 15978.

²⁷⁴ Telah ditakhrījkan di muka surat 199. Lihat nota kaki 169.

²⁷⁵ Ibn Hazm (1988), *op.cit.* h. 488

Athar 2;

Al-Zuhri pula telah berkata;

فالناس يأخذون اليوم بذلك من قول عثمان في المرضعات اذا لم يتهمن

Maksudnya:

*Manusia hari ini telah mengambil pendapat 'Uthmān dalam kes ibu susu selagi tiada tohmahan pada mereka.*²⁷⁶

Apa yang dapat difahami ialah orang ramai turut beramal dengan pendapat dan amalan 'Uthmān r.a yang telah menerima kesaksian seorang wanita hamba untuk menyabit kes penyusuan.

Athar 3;

Riwayat daripada Ibn 'Abbās r.a;

تجوز شهادة امرأة واحدة في الرضاع.

Maksudnya:

*Harus kesaksian seorang wanita dalam penyusuan.*²⁷⁷

Athar 4;

Al-Awzā'i berkata;

فرق عثمان بين أربعة وبين نسائهم بشهادة امرأة في الرضاع

Maksudnya:

*'Uthmān telah memisahkan antara empat lelaki dan isteri mereka dengan kesaksian seorang wanita di dalam penyusuan.*²⁷⁸

²⁷⁶ *Ibid.*

²⁷⁷ *Ibid.* Lihat juga riwayat ini dengan sedikit perbezaan pada lafaz Ibn Ḥajar al-'Asqalāni (1996), *Fatḥ al-Bārī bi syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, h. 600.

²⁷⁸ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, j. 9. h. 223.

Athar 5;

Al-Zuhri pula telah berkata;

فرق بين أهل أبيات في زمن عثمان رضي الله عنه بشهادة امرأة واحدة في الرضاع.

Maksudnya:

*Telah dipisahkan antara ahli rumah (iaitu pasangan yang berkahwin) pada zaman 'Uthmān r.a dengan kesaksian seorang wanita di dalam penyusuan.*²⁷⁹

Athar 6;

Berkata al-Sya'bi;

كانت القضاة تفرق بين الرجل و المرأة بشهادة امرأة واحدة في الرضاع.

Maksudnya:

*Adalah hakim-hakim telah menceraikan antara (pasangan) lelaki dan wanita dengan kesaksian seorang wanita di dalam penyusuan.*²⁸⁰

Semua athar-athar yang disebutkan secara jelas dan nyata mengharuskan kesaksian wanita tanpa lelaki di dalam kes penyusuan.

iii) Lojik akal.

Lojik 1; Terdapat fakta-fakta yang mudah ditanggapi serta difahami tanpa memerlukan kesempurnaan akal atau pemusatan pemikiran sama seperti memahami makna sesuatu perkataan yang didengari. Sebagai contoh mendengar dan memahami makna ikrar mengenai hutang atau selainnya.

²⁷⁹ Ibid.

²⁸⁰ Ibid.

Analoginya kes ‘*uyūb al-nisā*’ adalah suatu keadaan rutin yang dilihat dengan mata wanita itu sendiri, atau menyentuh dengan tangannya, atau mendengar dengan telinganya sehingga kaum wanita dapat memahami serta mengenalpasti dengan mudah kes-kes sebegini tanpa berhajat kepada kesempurnaan akal atau sokongan daripada lelaki. Justeru kelazimannya, tidak berlaku kelupaan dalam hal penyusuan sebagaimana kes kelahiran, *istiḥlāl*, haid, nifas dan kecacatan di bahagian aurat. Pengertian sebegini adalah lojik yang boleh diterima akal.²⁸¹

Lojik 2: Berlandaskan *qiyyas* kepada keharusan saksi wanita tanpa lelaki dalam kes kelahiran kerana hal seperti ini (melihat aurat) tidak boleh dilihat oleh saksi lelaki dengan sengaja selain tujuan *syahādah*.²⁸²

Lojik 3: Kes-kes ‘*uyūb al-nisā*’ adalah kes yang dapat disabitkan dengan kesaksian wanita secara bersendirian, maka tidak perlu disyaratkan bilangan sebagaimana bidang periwayatan dan perkhabaran urusan agama.²⁸³

Lojik 4: Penerimaan kesaksian wanita dalam penyusuan kerana keperluan kapadanya.²⁸⁴

²⁸¹ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 116-117.

²⁸² al-Imām al-Syāfi‘ī (1993), *op.cit.*, h. 55, 57. Ibn Qudāmah (1983), *al-Muğhnī*, j. 12. h. 16.

²⁸³ al-Buhūtī (1394H), *Kasyyāf al-Qinā‘ an Matn al-Iqnā‘*. Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *al-Kāfi*, h. 540. Ibn Dawiyān (t.t), *op.cit.*

²⁸⁴ al-Ramlī (1967), *Nihāyah al-Muhtāj*.

Perhatian:

Al-Qaffāl telah mengaitkan masalah penyusuan ini secara teknikal yang mana menurut beliau; Sekiranya susu ibu diminum dari botol susu atau bekas, maka tidak diterima kesaksian wanita pada kes tersebut. Sebaliknya diterima kesaksian wanita tanpa lelaki apabila penyusuan adalah secara terus dari ibu kerana ia biasanya tidak dilihat oleh lelaki.²⁸⁵

b. *Hujjah-hujjah mazhab Maliki, Syāfi'i, Hanbali, Zāhiri, Abū Yūsuf dan Muḥammad bin al-Hassan al-Syaybānī khusus dalam kes istiḥlāl ialah;*

- i) Dalil-dalil yang mereka terima untuk dibuat hujjah akan keharusan kesaksian wanita semata-mata dalam kes ‘uyūb al-nisā’ dan kelahiran. Apa yang dapat difahami daripada petunjuk dalil-dalil yang telah disebutkan sebelum ini ialah keharusan merangkumi kes *istiḥlāl*.
- ii) Harus kesaksian wanita tanpa lelaki kerana *istiḥlāl* sama seperti melihat kelahiran itu sendiri, yang mana secara adatnya tidak dihadiri oleh lelaki. Maka darurat ini mengharuskan penerimaan kesaksian mereka semata-mata. Pandangan ini dikemukakan oleh Abū Yūsuf dan Muḥammad al-Syaybānī.²⁸⁶

²⁸⁵ al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1996), *op.cit.*, h. 883.

²⁸⁶ al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 133. Ibn al-Humām al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.* al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.* Afandi (1966), *op.cit.*

iii) Kerana *istihlāl* adalah sunnah yang biasa berlaku. Suara bayi sejurus dilahirkan juga tidak kekal sedangkan jasad bayi masih kekal sehingga mampu dilihat oleh lelaki. Justeru itu harus diterima kesaksian wanita yang hadir semasa proses kelahiran berlaku.²⁸⁷

Pendapat Kedua:

Tidak harus kesaksian wanita sahaja bahkan mestilah sekurang-kurangnya dua orang wanita bersama kesaksian seorang lelaki adil dalam kes penyusuan. *Fuqahā'* yang menyatakan pendapat ini ialah dari kalangan Mazhab Hanafi.²⁸⁸ Juga merupakan pendapat Abu Hanifah pada kes *istihlāl* menyentuh hak perwarisan.²⁸⁹

a. Hujjah-hujjah pendapat kedua berkenaan kes penyusuan sebagaimana berikut;

i) Al-Quran

Potongan ayat 282 al-Baqarah berkenaan kesaksian kes hutang mensyaratkan kesaksian dua orang lelaki atau seorang lelaki bersama dua orang wanita secara umum dalam kes-kes yang tidak dinaskan secara khusus termasuklah kes penyusuan dan kes-kes lain.²⁹⁰

²⁸⁷ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 22.

²⁸⁸ al-Mūsili al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 140-141. al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, j. 5. h. 138. Ibn Rusyd al-Hafid (t.t), *op.cit.* Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*.

²⁸⁹ al-'Aynī (1990), *op.cit.* Ibn al-Humām al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 374. al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, j. 17. h. 66. Afandi (1966), *op.cit.* al-Mūsili al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 141.

²⁹⁰ *Ibid.*, h. 140.

ii) Lojik akal

Lojik 1; Imam Abu Hanifah tidak menerima kesaksian wanita di dalam masalah susuan kecuali bersama lelaki kerana apabila sabit mahram, maka akan hilanglah hak nikah. Pembatalan hak nikah tidak dapat dilakukan kecuali dengan kesaksian lelaki.²⁹¹

Lojik 2; Penyusuan adalah hak-hak *abdān* (tubuh-badan) yang masih boleh dilihat oleh lelaki dan wanita. Maka tiada darurat yang mengharuskan kesaksian wanita semata-mata.²⁹²

*b. Hujjah Abu Hanifah r.a berhubung masalah *istihlāl* bagi menyabitkan hak perwarisan dan nasab ialah berdasarkan lojik;*

Kes *istihlāl* termasuk dalam hal yang masih boleh didengari oleh kaum lelaki, maka tidak dianggap darurat. Akan tetapi bagi hak solat (*iaitu hak sembahyang jenazah ke atas bayi sekiranya bayi meninggal sejurus dilahirkan*), harus diterima kesaksian seorang wanita kerana ianya adalah daripada urusan agama. Kesaksian mereka dapat diterima sama seperti kesaksian seorang wanita dalam hilal Ramadan. Berbeza dengan masalah kelahiran yang mana ia merupakan proses keluarnya bayi dari kandungan ibunya, maka tidak harus lelaki melihatnya.²⁹³

²⁹¹ *Ibid.*, h. 141.

²⁹² *Ibid.* Ibn Rusyd al-Ḥafid (t.t), *op.cit.*

²⁹³ al-Muṣilī al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.* al-‘Aynī (1990), *op.cit.* Afandi' (1966), *op.cit.*

Perhatian:

- * Imam Syāfi'i dalam salah satu pandangannya turut membenarkan kesaksian seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi perempuan atau dua orang saksi lelaki dalam kes penyusuan iaitu lelaki tersebut merupakan mahram kepada perempuan yang menyusu.²⁹⁴ Pendapat ini turut didokongi oleh *fuqahā'* mazhab Syāfi'i selepasnya seperti Ibn Abī al-Dam dan al-Qaffāl.²⁹⁵
- * Manakala terdapat pandangan kedua daripada mazhab Syāfi'i dalam kes *istihlāl* yang mana menurut al-Qaffāl dan al-Baghwī; “*Tidak sabit istihlāl kecuali dari dua orang saksi lelaki*”.²⁹⁶

Pendapat Yang Rajih

Setelah meneliti pendapat dan hujjah masing-masing, pada pandangan penulis; **Pendapat majoriti *fuqahā'*** adalah **pendapat yang *rājiḥ*** iaitu: Harus kesaksian wanita tanpa disertai kesaksian lelaki dalam kes yang lazimnya hanya dilihat oleh wanita termasuk kes penyusuan dan istihlal melibatkan hak perwarisan.

Justifikasi penulis ialah;

- a) Hujjah-hujjah berupa hadis, athar dan lojik akal adalah begitu jelas menunjukkan penerimaan kesaksian wanita secara bersendirian dalam kes tersebut.
- b) Al-Sya'bī telah berkata;

²⁹⁴ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, h. 55.

²⁹⁵ Ibn Abī al-Dam (1987), *op.cit.*, h. 316-317.

²⁹⁶ *Ibid.*, h. 317.

كَانَ شُرْتِحٌ يَجِيزُ شَهادَةَ النِّسَوَةِ عَلَى الْإِسْتِهْلَالِ وَمَا لَا يَنْتَظِرُ إِلَيْهِ الرِّجَالُ.

Maksudnya:

Adalah Syurayh mengharuskan kesaksian wanita pada istihhal dan apa yang tidak dilihat oleh lelaki.²⁹⁷

Athar ini secara jelas menunjukkan harus kesaksian wanita semata-mata dalam kes istihhal dan perkara yang lazimnya tidak dilihat oleh lelaki termasuk penyusuan.

- c) Mengangkat kesusahan daripada masyarakat: Fenomena semasa menyaksikan kes penyusuan biasanya tidak dihadiri serta dilihat oleh kaum lelaki. Kaum wanita yang memahami tuntutan agamanya juga lazimnya tidak menyusukan anaknya secara terang-terangan di hadapan lelaki ajnabi kecuali di hadapan kaum wanita juga. Begitu pula lelaki yang adil dan beragama, lazimnya akan menahan pandangan daripada perkara-perkara yang haram dilihat seperti melihat aurat wanita. Keadaan ini tidak memungkinkan mereka menunaikan kesaksian pada perkara yang tidak disaksikan. Oleh sebab itu akan menimbulkan kesusahan dan dapat menghilangkan hak-hak yang perlu disabitkan sekiranya tidak diterima kesaksian wanita semata-mata dalam kes ini. Firman Allah S.W.T;

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya:

Dan Dia tidak menjadikan kesempitan bagimu dalam agama.

Surah al-Hajj (22): 78

²⁹⁷ Imam al-Bayhaqi mengatakan bahawa ini adalah pendapat semua *fugahā'*. Sila lihat *Sunan al-Bayhaqi al-Kubrā*, j. 15. h. 169, Bāb Syahādah al-Nisā' Lā Rajul ma'ahunn fī al-Wilādah wa 'Uyub , no. hadis 20989.

- g) Penerimaan kesaksian wanita semata-mata dalam kes penyusuan dapat menutup pintu kerosakan yang mungkin timbul dari pandangan lelaki kepada payudara wanita. Disamping itu penyusuan masih dapat disabitkan dengan kaedah syarak yang jauh daripada risiko.

3.3. Bilangan Saksi Wanita Dalam Kes Yang Lazim Dilihat Mereka

Para *fuqahā'* berselisih pendapat mengenai bilangan saksi wanita yang sepatutnya diterima tanpa lelaki dalam kes yang lazimnya hanya dilihat oleh kaum wanita.

Pendapat Pertama:

Harus diterima sekurang-kurangnya kesaksian *seorang* wanita dalam kes yang lazimnya hanya dilihat oleh kaum wanita termasuk penyusuan dan *istihlāl*.

Ini adalah pendapat majoriti *fuqahā'* seperti Ibn ‘Abbās, Ishāq, Tāwūs, al-Zuhri, al-Awzā‘i, Ibn Abī Zi'b, Sa‘id bin ‘Abd al-‘Azīz, Imam Ahmad bin Hanbal dan salah satu pendapat mazhab Maliki.²⁹⁸

Mazhab Hanafi menerima kesaksian *seorang* wanita dalam kes yang lazimnya hanya dilihat oleh kaum wanita selain penyusuan sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini. Abu Hanifah mengharuskan kesaksian *seorang* wanita dalam kes yang melibatkan aurat antara pusat dan lutut.²⁹⁹

²⁹⁸ Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *al-Kāfi*, h. 540-541. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 99. al-Buhūti (t.t), *al-Rawd al-Murbi'*. Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, h. 16-17, j. 9, h. 222-223. Ibn Qudāmah al-Muqaddasiyy, Syams al-Dīn Abī al-Faraj (1983), *al-Syarḥ al-Kabīr*. Ibn Dawiyān (t.t), *op.cit.* Ibn Farhūn, (1301H), *op.cit.*, h. 238.

²⁹⁹ Ibn Rusyd al-Hafid (t.t), *op.cit.*

Ibn Ḥazm pula hanya menerima kesaksian *seorang wanita adil dalam kes penyusuan sahaja*.³⁰⁰

Hujjah-hujjah pendapat yang menerima kesaksian seorang wanita;

i) Sunnah.

Hadis 1:

Berdasarkan hadis ‘Uqbah bin al-Ḥārith sebagaimana yang telah disebutkan menunjukkan penerimaan kesaksian seorang wanita adil dalam kes penyusuan.

Hadis 2:

Dalil yang kedua ialah hadis riwayat Ibn ‘Umar r.a:³⁰¹

عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: يجزي في الرضاع شهادة امرأة واحدة

Qiyyas kepada hadis-hadis di atas ialah kesaksian seorang wanita adil dapat digunakan dalam semua kes yang lazimnya hanya dilihat oleh golongan wanita.

ii) Athar.

Athar 1:

Riwayat Hudhayfah r.a yang mengatakan bahawa Nabi sa.w. pernah menerima kesaksian seorang wanita dalam kes kelahiran.³⁰²

³⁰⁰ Ibn Ḥazm (1988), *op.cit.*, h. 476.

³⁰¹ Telah ditakhrījkan di muka surat 238 . Lihat nota kaki 273.

³⁰² Telah ditakhrījkan di muka surat 199. Juga di muka surat 237.

أن النبي صلى الله عليه وسلم أجاز شهادة القابلة في الولادة

Qiyas kepada athar ini ialah semua perkara yang lazimnya hanya dilihat oleh kaum wanita. Rentetan daripada dalil ini, al-Buhūti menambah kes iaitu harus kesaksian seorang wanita yang adil dalam kes jenayah luka atau selain daripadanya yang berlaku di tempat khusus untuk wanita seperti bilik air wanita, majlis perkahwinan dan sebagainya yang tidak dihadiri oleh lelaki.

Athar 2;

Athar riwayat Ibn ‘Abbās;

بجوز شهادة امرأة واحدة في الرضاع

Maksudnya:

*Diharuskannya kesaksian seorang wanita dalam penyusuan.*³⁰³

Athar 3;

Ibn Ḥazm meriwayatkan daripada Ali bin Abi Talib;

أنه أجاز شهادة القابلة وحدها

Maksudnya:

*Bahawa dia (iaitu ‘Ali) mengharuskannya kesaksian seorang bidan.*³⁰⁴

Kedua-dua athar di atas secara jelas menunjukkan bahawa diterima kesaksian seorang wanita adil di dalam penyusuan dan kelahiran.

³⁰³ Lihat Ibn Ḥazm (1988), *op.cit.*, h. 488

³⁰⁴ *Ibid.*, h. 482.

iii) Lojik akal

Lojik 1; Ia adalah kes yang tidak dapat tidak mesti disabitkan, sedangkan kes ini tidak mungkin dilihat oleh lelaki. Justeru itu wajib diterima kesaksian mereka borseorangan bagi mencapai maslahah umum.³⁰⁵

Lojik 2; Kes sebegini mudah difahami dan ditanggapi secara langsung dengan penglihatan dan pendengaran serta bukan kebiasaan bagi wanita yang menyaksikan kes mudah lupa apa yang dilihatnya. Berbeza dengan urusan muamalat yang memerlukan pengalaman atau kemahiran serta pengetahuan mengenainya. Oleh kerana ia dapat disabitkan dengan kesaksian wanita secara bersendirian, maka tidak perlu diambil kira bilangan seperti di bidang periwayatan dan perkhabaran urusan agama. Namun sekiranya *dua orang* adalah lebih baik. *3 orang* lebih disukai Allah S.W.T Seelok-eloknya *4 orang* untuk keluar daripada khilaf. Pandangan ini datang daripada mazhab Hanafi.³⁰⁶

Lojik 3; Manakala *fuqahā'* mazhab Hanbali turut menyinggung dengan nada yang sama kecuali mereka berkata; Sebaik-baiknya *dua orang* agar dapat keluar dari khilaf. Sekiranya disaksikan oleh lelaki lebih utama kerana akal mereka lebih sempurna berbanding wanita sepertimana dalam bidang periwayatan juga.³⁰⁷

³⁰⁵ al-Mūsīḥi al-Hanafi (t.t), *op.cit.*, h. 140.

³⁰⁶ Sila lihat *ibid.* al-'Aynī (1990), *op.cit.*

³⁰⁷ al-Buhūti (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*. Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *al-Kāfi*, h. 541. Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, j. 12. h. 17.

Lojik 4: Gugur kesaksian lelaki dalam kes ‘*uyūb al-nisā*’ adalah untuk meminimum pandangan kepada aurat wanita yang diharamkan melihatnya. Pandangan wanita kepada aurat sesama jenis dianggap lebih ringan kesannya berbanding lelaki yang melihat aurat wanita. Oleh sebab itu, tidak dikira bilangan dalam kes sebegini kerana pandangan seorang wanita lebih ringan pula berbanding pandangan dua orang atau lebih. Walaupun begitu, dua atau tiga orang lebih baik untuk menambah keyakinan dan ketenangan hati kerana terdapat syubhat pada kesaksian mereka serta di dalamnya terdapat makna ilzam.³⁰⁸ Kesimpulannya ialah tidak perlu dihadkan bilangan wanita tetapi harus dilebihkan dari seorang sebagai langkah *ihtiyāt*.

Lojik 5: Asalnya, syarat bilangan pada kesaksian ditentukan bertujuan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T tanpa wujudnya sebab-sebab tertentu yang masuk akal. Ini adalah kerana pemberitahuan dari individu yang tidak sunyi daripada berdusta tidak dapat memberikan apa-apa ilmu yang tetap serta meyakinkan. Walaupun begitu, seorang saksi yang adil dapat memberikan kenyataan yang lebih berat untuk dipercayai. Justeru itu tidak disyaratkan bilangan di dalam bidang meriwayatkan perkhabaran. Syarat bilangan saksi hanya diketahui melalui nas. Nas telah menunjukkan syarat bilangan pada kesaksian wanita dalam keadaan tertentu iaitu bersama kesaksian seorang lelaki melalui firmanNya yang bermaksud: *Maka hendaklah seorang lelaki dan dua orang wanita.* Oleh kerana itu, selain daripada kes yang dinaskan hendaklah kekal bilangan seorang saksi sebagaimana asal *qiyas* kepada bidang periwayatan.³⁰⁹

³⁰⁸ al-'Aymī (1990), *op.cit.*, h. 131.

³⁰⁹ al-Kāsānī al-Hanafī (1974), *op.cit.*, h. 278.

Perhatian:

Sebahagian *fuqahā'* mensyaratkan agar saksi seorang perempuan disertakan bersama sumpah. Ini adalah pendapat Ibn 'Abbās,³¹⁰ Iṣhāq dan pendapat ketiga Imam Ahmad bin Hanbal.³¹¹ Dalil pendapat ini ialah berdasarkan kata-kata Ibn 'Abbās tentang seorang perempuan yang mendakwa telah menyusukan seorang lelaki dan isterinya;

Lalu beliau berkata: *Sekiranya dia (perempuan yang menyusu itu) diredaya, hendaklah dia bersumpah dan ceraikan isterinya.* Beliau menyambung kata-katanya: *Sekiranya dia berdusta, belumpun cukup hawl (tempoh setahun) sehingga putihlah payudaranya yakni ditimpa penyakit kusta sebagai balasan terhadap pendustaannya.*³¹²

Pendapat Kedua:

Harus diterima sekurang-kurangnya kesaksian dua orang wanita adil.

Ini adalah pendapat Mazhab Maliki,³¹³ al-Ḥakam bin 'Utaybah, Ibn Abī Laylā, Abī 'Ubayd, Ibn Syubrumah, al-Thawrī dan pendapat kedua Imam Ahmad.³¹⁴

Hujjah-hujjah pendapat ini semata-mata berlandaskan lojik akal iaitu;

³¹⁰ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 120.

³¹¹ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, j. 9. h. 222.

³¹² *Ibid.*

³¹³ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 22. Ibn Rusyd al-Hafid (t.t), *op.cit.* Lihat al-Hattāb (1992), *op.cit.*, h. 182. al-Dardir (1995), *al-Syarḥ al-Ṣaghīr*. al-Ṣāwī (1995), *op.cit.* 'Alīsy (1983), *op.cit.* Ibn Juzay al-Gharnātī (2000), *op.cit.*

³¹⁴ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, j. 9. h. 222. j. 12. h. 17. _____ (1982), *al-Kāfi*, h. 540. Ibn Ḥazm (1988), *op.cit.* Ibn Qudāmah al-Muqaddasiyy, Syams al-Dīn Abī al-Faraj (1983), *al-Syarḥ al-Kabīr*, h. 98.

Lojik 1; Golongan lelaki lebih sempurna akalnya daripada wanita, maka tidak diterima kesaksian dari lelaki kecuali dua orang. Oleh itu, perempuan lebih utama untuk disyaratkan dua orang dalam kes sebegini.³¹⁵

Lojik 2; Setiap jenis yang dapat menyabitkan hak, memadai dua orang seperti lelaki iaitu yang dimaksudkan ialah saksi wanita.³¹⁶

Lojik 3; Perkara yang diambil kira di dalam kesaksian ialah: Bilangan dan lelaki. Telah gugur syarat lelaki dalam kes ini, manakala bilangan dikenalkan.³¹⁷

Lojik 4; Kesaksian lelaki di dalam kes sebegini telah gugur kerana darurat. Justeru itu wajib mencukupkan bilangan mereka dari kalangan wanita.³¹⁸

Maksud hujjah ketiga dan keempat ialah bilangan had minima bagi kesaksian yang umum iaitu dua orang bagi saksi lelaki dalam semua kes kecuali yang dikhkususkan oleh dalil naqli. Oleh kerana dalam kes yang tersebut di atas biasanya tidak dilihat kaum lelaki, maka syarat saksi lelaki telah digugurkan disebabkan darurat. Namun syarat bilangan masih dikenalkan bagi kesaksian wanita dalam kes yang hanya dilihat oleh mereka sahaja.

³¹⁵ Ibn Qudāmah (1983), *al-Muğħni*, j. 12. h. 17. _____ (1982), *al-Kāfi*, h. 540-541.

³¹⁶ Ibn Qudāmah (1983), *al-Muğħni*.

³¹⁷ Ibn al-Hūmān al-Ḥanafī (t.t), *op.cit.*, h. 373.

³¹⁸ al-Ķāsānī al-Ḥanafī (1974), *op.cit.*

Perselisihan pandangan berlaku di kalangan *fiqahā'* mazhab Maliki.³¹⁹ Sebahagian mereka mensyaratkan tersebarnya kata-kata perempuan yang menyusu sebelum kesaksian diberikan. Sebahagian yang lain tidak mensyaratkan sedemikian.

Pendapat Ketiga:

Harus diterima kesaksian minimum dua orang wanita adil bersama sumpah pendakwa.

Ini adalah pendapat Ibn Hazm. Beliau berpendapat sabit kesaksian dua orang wanita bersama sumpah pendakwa dalam semua kes kecuali hudud.³²⁰ Ustaz Abū Tāhir al-Ziyādī, salah seorang faqih mazhab Syāfi'i di Naysabūr mendokong pendapat ini hanya untuk kes *penyusuan dan kelahiran*.³²¹

Hujjah-hujjah Pendapat Ketiga:

1. Platform Ibn Hazm dan teori hujjah-hujjah beliau sudah jelas dalam hal ini sebagaimana yang telah disebut di bawah tajuk kes hudud dan qisas sebelum ini.
2. Bagi Abū Tāhir al-Ziyādī pula, beliau berhujjah dari sudut yang agak berbeza iaitu kerana kesaksian dua orang wanita dianggap tergantung (*mawqūf*), maka harus bersumpah sebagai mengambil tempat dua orang saksi wanita yang lain seperti ganti kepada seorang saksi lelaki di dalam urusan mal.³²²

³¹⁹ Ibn Rusyd al-Ḥafid (t.t), *op.cit.* Ibn Juzay al-Għarnati (2000), *op.cit.*

³²⁰ Ibn Hazm (1988), *op.cit.*, h. 476.

³²¹ Ibn Abī al-Dam (1987), *op.cit.*

³²² *Ibid.*

Pendapat ini lahir disebabkan pada asalnya mazhab Syāfi'i menerima sekurang-kurangnya 4 orang saksi wanita. Walaubagaimana pun pendapat ini telah disanggah oleh Syaykh al-Qaffāl. Menurut beliau keharusan sumpah dalam urusan harta adalah kerana impaknya yang lebih ringan berbanding kes-kes lain, jadi diterima gantian pada saksi dengan sumpah. Sedangkan sabit kes penyusuan dan kelahiran dengan kesaksian seorang saksi lelaki bersama dua orang wanita bukan kerana keringanan impaknya tetapi adalah kerana keperluan kepadanya disebabkan hal-hal sedemikian kebanyakannya tidak dilihat oleh lelaki. Adapun kecacatan di bawah kain seperti kusta dan selainnya, maka tidak dapat disabitkan dengan saksi dan sumpah.³²³

Pendapat Keempat:

Harus diterima kesaksian minimum tiga orang wanita adil.

Ini adalah pendapat 'Uthmān al-Batti'.³²⁴

Hujjah Pendapat Keempat:

Setiap perkara yang diterima padanya kesaksian wanita, diterima sekiranya bilangannya adalah tiga orang sebagaimana sekiranya kesaksian mereka bersama lelaki.³²⁵ Maksud alasan ini ialah *qiyyas* kepada kesaksian wanita dalam kes mal yang telah disyaratkan dua orang bersama seorang lelaki.

³²³ *Ibid.*

³²⁴ Ibn Hazm (1988), *op.cit.*, h. 482. Ibn Rusyd al-Hafid (t.t), *op.cit.* Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 120. Ibn Qudāmah al-Muqaddasiyy, Syams al-Dīn Abī al-Faraj (1983), *al-Syarh al-Kabīr*.

³²⁵ *Ibid.* Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*.

Pendapat Kelima:

Harus diterima kesaksian minimum empat orang wanita adil.

Ini adalah pendapat Qatādah, al-Sya'bī, Abū Thawr dan Imam Syāfi'i yang bersetuju dengan 'Aṭā'.³²⁶ Juga diterima kesaksian dua orang lelaki adil dan dua orang wanita adil bersama seorang lelaki adil.³²⁷ Ini adalah salah satu pendapat Imam Syāfi'i dalam masalah susuan sebagaimana yang pernah diterangkan sebelum ini.³²⁸ Ianya tidak boleh disabitkan dengan kesaksian bersama sumpah.³²⁹

Hujjah-hujjah Pendapat Kelima:

1. Sunnah

Hadis riwayat 'Abdullah bin 'Umar yang menyamakan kesaksian dua orang wanita dengan kesaksian seorang lelaki.³³⁰ Maksudnya jika syarat minimum bagi kesaksian lelaki adalah dua orang, maka dalam kes yang diharuskan kesaksian wanita semata-mata hendaklah pada kadar nisbah menyamai dua orang saksi lelaki iaitu empat orang saksi wanita.

2. Athar

'Aṭā' telah berkata;

³²⁶ al-Muzānī (1993), *op.cit.*, h. 320. Ibn Abī al-Dam (1987), *op.cit.*, h. 316 – 317. Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*. Ibn Qudāmah al-Muqaddasiyy, Syams al-Din Abī al-Faraj (1983), *al-Syarḥ al-Kabīr*.

³²⁷ Ibn Abī al-Dam (1987), *op.cit.* al-Ramlī (1967), *Nihāyah al-Muhtāj*.

³²⁸ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*

³²⁹ Ibn Abī al-Dam (1987), *op.cit.* al-Ramlī (1967), *Nihāyah al-Muhtāj*.

³³⁰ Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*.

لا يكون في شهادة النساء لا رجال معهن في أمر النساء أقل من أربع
عذول

Maksudnya:

Tidak berlaku pada kesaksian wanita yang tidak bersama lelaki dalam urusan kaum wanita kurang daripada empat orang saksi adil.³³¹

3. Qiyas

- * Tatkala Allah S.W.T menyebut tentang saksi wanita, Dia telah menjadikan dua orang saksi wanita mengambil tempat seorang saksi lelaki dalam kes yang diharuskan kesaksian wanita sebagaimana yang dinaskan ayat 282 al-Baqarah. Oleh sebab itu, tidak boleh kurang daripada empat orang saksi wanita adil dalam kes yang diharuskan kesaksian mereka semata-mata.³³²
- * Kebanyakan ahli fatwa mengatakan bahawa kesaksian dua orang lelaki telah sempurna dalam semua kes kecuali zina. Manakala kesaksian dua orang wanita selama-lamanya mengambil tempat seorang saksi lelaki dalam kes yang diharuskan kesaksian mereka.³³³

Pendapat Yang Rajih

Pendapat penulis; **pandangan pertama** adalah **lebih rajih** berbanding empat pendapat lagi iaitu: Harus diterima kesaksian seorang wanita adil dalam kes yang biasanya dilihat oleh wanita sahaja. Namun sekiranya dua orang adalah lebih baik untuk menambah keyakinan dan ketenangan hati.

³³¹ al-Imām al-Syāfi‘ī (1993), *op.cit.* al-Muzāni (1993), *op.cit.*

³³² *Ibid.* al-Imām al-Syāfi‘ī (1993), *op.cit.*

³³³ *Ibid.*

Justifikasi penulis :

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar, athar dan lojik akal yang telah dikemukakan oleh jumhur *fuqahā*.

Lojik akal penulis:

Kaum wanita yang dianugerahkan dengan perasaan malu yang tinggi lazimnya akan memilih cara yang paling minimum iaitu memilih hanya seorang bidan atau doktor ketika melahirkan. Sekiranya mereka menghadapi masalah sakit puau (iaitu yang disenaraikan sebagai kecacatan wanita), sekurang-kurangnya mereka hanya reda untuk dirawat oleh seorang doktor pakar. Justeru itu penerimaan kesaksian seorang wanita dapat mengangkat kesusahan daripada ummat serta maksud syarak juga dapat dicapai untuk mensabitkan hak-hak agar tidak hilang. Lebih-lebih lagi pendapat ini tidak bercanggah dengan nas al-Quran dan sunnah.

Kritikan kepada hadis riwayat ‘Uqbah bin Ḥārith yang dijadikan dalil penerimaan kesaksian seorang wanita dalam kes susuan.

Bagi penulis ia merupakan ikrar wanita yang menyusu dan bukannya kesaksian. Abū ‘Ubayd telah mengulas bahawa wajib lelaki itu bercerai tetapi tidak wajib hakim berhukum dengannya.³³⁴

³³⁴ Abū Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaqq al-‘Aẓīm Ābādī (1995), ‘Awn al-Ma’būd Syarḥ Sunan Abī Dāwūd, (bersama syarah Syams al-Dīn Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah), j. 10, c. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 9.

4. Jenis-jenis Kesaksian

4.1. Kesaksian Bersandarkan Dokumentasi

Zaman kepesatan teknologi maklumat sekarang menyaksikan penggunaan tulisan, catatan, menandatangani dokumen-dokumen, catatan diari dan sebagainya dijadikan antara bahan bukti penting sama ada bertujuan mengukuh hak-hak atau menyabit dakwaan. Sebenarnya hal ini telah mendapat perhatian *fuqahā'* sejak era salaf soleh lagi. Bagaimana kedudukan kesaksian yang disandarkan kepada catatan ini? Secara ringkasnya, para *fuqahā'* tidak memperincikan perbahasan tajuk ini kepada kesaksian wanita bersandarkan dokumen. Ia hanya dibincangkan secara umum tanpa menentukan jantina saksi.

Hukum Kesaksian Bersandarkan Dokumentasi

Pendapat Pertama:

Sebahagian *fuqahā'* menolak kesaksian berdasarkan catatan semata-mata. Tidak dapat tidak saksi perlu mengingati kesaksian yang dikehendaki disamping catatan yang telah dibuat.³³⁷

Pendapat ini disepakati oleh Abu Hanifah, Abu Yūsuf, al-Syāfi'i³³⁸ dan al-Thawrī³³⁸

Hujjah-hujjah Pendapat Pertama;

³³⁷ al-Jaṣṣāṣ (1994), *op.cit.*, h. 621, 622 & 623. al-'Aynī (1990), *op.cit.* al-Dardīr (1995), *al-Syarḥ al-Saghīr*.

³³⁸ Abī Ḥayyān al-Andalūṣī al-Gharnāṭī (1992), *op.cit.*, h. 735.

1. Al-Quran.

Dalil 1;

Petunjuk kepada masalah ini dapat diambil daripada maksud ayat 282 al-Baqarah ‘*Maka salah seorang daripada mereka dapat mengingatkan yang lain*’. Ayat ini memberi petunjuk bahawa saksi hendaklah mengingati kesaksian serta menyebutnya.³³⁹

Dalil 2;

إِلَّا مَنْ شَهِدَ بِالْحَقِّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Kecuali sesiapa yang menyaksikan dengan kebenaran, sedangkan mereka mengetahuinya.

Surah al-Zukhruf (43): 86

Dalil 3;

وَلَا تَنْفُتْ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ

Maksudnya:

Janganlah kamu berpendirian pada perkara yang kamu tidak mengetahui mengenainya.

Surah al-Isrā' (17): 36

Dalil 2 dan 3 menunjukkan bahawa sekiranya saksi tidak mengingati kesaksiannya, ia tidak dikatakan tahu mengenainya. Tulisan atau catatan diperintahkan bertujuan membantu mengingati kesaksian yang pernah dibuat.³⁴⁰

2. Hadis.

³³⁹ *Ibid. al-Jaṣṣāṣ (1994), op.cit., h. 621.*

³⁴⁰ *Abī Ḥayyān al-Andalūṣī al-Gharnāṭī (1992), op.cit.*

Hadis riwayat Ibn ‘Abbās r.a yang bermaksud;

Bahawa Nabi S.A.W telah berkata kepada seorang lelaki: (Adakah) Kamu lihat matahari? Dia berkata: Ya! Rasulullah S.A.W lalu berkata: Apabila kamu lihat sedemikian maka persaksikanlah atau tinggalkan.³⁴¹

Ertinya kesaksian yang hendak diberikan mesti berdasarkan pengetahuan yang jelas diyakini serta diingati seperti jelasnya kita melihat matahari.

3. Lojik.

Lojik 1: Disebabkan wujudnya tulisan yang menyerupai antara satu sama lain.³⁴² Apatah lagi bentuk tulisan atau tandatangan sekalipun dapat ditiru, oleh itu ia tidak dapat menghasilkan ilmu serta tidak terjamin daripada berlaku helah dan penipuan.³⁴³ Menurut teori kesaksian Islam, saksi tidak boleh bergantung kepada catatannya semata-mata.

Lojik 2; Juga kerana *syahādah* adalah hasil *musyāhadah* sesuatu perkara dan hakikat ilmu mengenainya, sesiapa yang tidak mengingati kesaksian maka bertentangan dengan sifat ini.³⁴⁴

Pendapat Kedua:

Harus kesaksian bersandarkan catatan walaupun tidak mengingatinya.

³⁴¹ Telah ditakhrījkan di muka surat 91. Lihat nota kaki no. 11.

³⁴² al-Jassāṣ (1994), *op.cit.* al-‘Aynī (1990), *op.cit.*, h. 149. al-Dardīr (1995), *al-Syarḥ al-Saghir*, h. 126.

³⁴³ al-Kāṣānī al-Ḥanafī (1974), *op.cit.*, h. 273. al-Jassāṣ (1994), *op.cit.*, h. 623.

³⁴⁴ *Ibid.*

Pendapat ini didokongi oleh Imam Malik, sebahagian besar *fuqahā'* Maliki seperti Mutrif, ‘Abd al-Mālik, al-Mughīrah, Ibn Abī Hazim, Ibn Dīnar, Ibn Wahhāb, Sahnun, Ibn Ḥubayb³⁴⁵ dan sebahagian *fuqahā'* Hanafi seperti Muḥammad bin Abī Laylā³⁴⁶ dan Abū Yusūf dalam riwayat yang lain.³⁴⁷

Hujjah-hujjah Pendapat Kedua;

Sekiranya saksi mengenali tulisannya tetapi tidak mengingati fakta kesaksian di dalamnya dan didapati tiada bekas-bekas tulisan yang dipadamkan serta tiada keraguan, maka ia boleh dibuat penyaksian dengannya.³⁴⁸ Kesimpulannya mereka berpendapat tidak dapat tidak, ia perlu diterima sekiranya tidak berlaku kesan pemadaman dan tidak diragui catatan tersebut. Juga kerana ramai saksi yang lupa kepada kesaksiannya sendiri dan jika ia tidak berfaedah, maka tiada guna dibuat catatan tersebut.³⁴⁹

Pendapat Yang Rajih

Berasaskan pendapat dan hujjah-hujjah yang dikemukakan di atas, pada pendapat penulis **kesaksian bersandarkan dokumentasi harus diterima sekiranya saksi memenuhi ciri-ciri berikut;**

³⁴⁵ al-Dardīr (1995), *al-Syarḥ al-Ṣaghīr*.

³⁴⁶ Abī Ḥayyān al-Andalūṣī al-Gharnāṭī (1992), *op.cit.*

³⁴⁷ al-‘Aynī (1990), *op.cit.*

³⁴⁸ Abī Ḥayyān al-Andalūṣī al-Gharnāṭī (1992), *op.cit.* al-Dardīr (1995), *al-Syarḥ al-Ṣaghīr*.

³⁴⁹ *Ibid.*

- a) Saksi mengenali bahawa catatan tersebut benar-benar tulisannya dan bukannya tulisan yang ditiru. Atau pada zaman moden ini yang mana kebanyakan catatan dibuat secara bercetak, maka saksi perlu mengenali tandatangannya adalah benar-benar asli serta mengecam jenis dakwat dan kertas yang digunakan
- b) Saksi sekurang-kurangnya mengingati fakta topik kesaksian di dalamnya dan didapati tiada bekas-bekas tulisan yang dipadamkan serta tiada keraguan. Sekalipun tidak mengingati secara terperinci isi kandungan catatan tersebut memandangkan kesukaran untuk berbuat demikian.

Manakala **hukum kesaksian wanita bersandarkan dokumentasi** perlu selari dengan hukum asal kesaksian mereka khususnya dalam kes muamalah.

Justifikasi penulis;

- a) Firman Allah S.W.T yang berbunyi;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَبَّرْتُم بِذَكْرِنِي إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَاقْتُلُوهُ

Maksudnya:

Wahai orang-orang beriman, apabila kamu berhutang ke suatu tempoh tertentu, maka tulislah.

Surah al-Baqarah (2): 282

Ayat ini memberi petunjuk supaya ditulis atau didokumentasikan urusan hutang yang ditangguhkan bagi membantu mengingatinya apabila tiba masa tuntutannya.³⁵⁰ Semasa catatan dibuat, ia mestilah disertai oleh saksi-saksi seperti yang dinyatakan oleh ayat seterusnya.³⁵¹

³⁵⁰ Abī Ḥayyān al-Andalūṣī al-Gharnāṭī (1992), *op.cit.*, h. 723.

³⁵¹ Sila lihat al-Qurtubī (1988), *op.cit.*, j. 2. h. 247. Abī Ḥayyān al-Andalūṣī al-Gharnāṭī (1992), *op.cit.*, h. 727. al-Marāghī (1998), *op.cit.*, j. 1: Juzu' 3. Beirut-Lebanon: Dar al-Kotob al-Ilmiyyah, h. 432-433.

Ini bererti bahawa jurutulis dan saksi-saksi bukanlah terdiri dari individu yang sama. Justeru itu, para *fuqahā'* tidak mengambil dalil ayat ini bagi mengharuskan kesaksian bersandarkan catatannya sendiri. Walaubagaimanapun, faedah daripada catatan bagi membantu mengingati semula fakta kes menjadi petunjuk keharusan saksi bergantung kepada catatannya. Keharusan tersebut perlu dibataskan pada kes-kes tertentu sahaja seperti urusan muamalat yang kerap berlaku dalam masyarakat sehingga akan menimbulkan kesukaran jika jenis kesaksian ini tidak diterima secara mutlak.

- b) Realiti hari ini menyaksikan kebanyakan urusan hutang khususnya secara formal melalui institusi-institusi kewangan, badan-badan kerajaan seperti JPA, MARA dan lain-lain dibuat secara dokumen bercetak yang mengandungi banyak syarat-syarat yang mesti dipenuhi. Begitu juga dalam urusan muamalat yang lain seperti jual beli, kontrak perniagaan dan sebagainya. Saksi hanya diminta menandatangani perjanjian tersebut. Penolakan secara mutlak saksi-saksi yang tidak dapat mengingati sepenuhnya isi kandungan perjanjian akan mendatangkan mudarat yang lebih besar kepada empunya hak.
- c) Berdasarkan kaedah fiqh yang menyebut: *Tulisan Sama Seperti Perkataan*. Maksudnya tulisan atau dokumen boleh diterima sebagai keterangan sama seperti keterangan lisan. Kedudukan kedua-dua cara ini adalah sama kuat.³⁵² Berlandaskan kepada kaedah ini, apa yang dapat difahami ialah sekiranya dokumen atau catatan itu sendiri dianggap sama kuat dengan keterangan lisan,

³⁵² Sila lihat Bab I, h. 26.

maka lebih utama untuk diterima sekiranya dokumen tersebut merupakan catatan saksi yang memperakukan semula kesaksian bertulisnya di mahkamah.

4.2. Kesaksian Atas Kesaksian

Kadang-kadang timbul masalah saksi asal (iaitu yang melihat dan mendengar sendiri sesuatu peristiwa) mempunyai keuzuran untuk hadir ke mahkamah semasa perbicaraan sesuatu kes. Maka di sini diperlukan wakil saksi tersebut supaya kes-kes yang penting dapat diselesaikan dan agar hak-hak tidak hilang dari empunya.

Secara umumnya *fugahā'* mengharuskan kesaksian atas kesaksian dalam semua perkara.³⁵³ Sesetengah pendapat mengecualikan kes-kes yang dikenakan 'uqūbāt' seperti had zina, curi, minum arak dan lain-lain.³⁵⁴ Sebagai contoh sekiranya dua orang lelaki (saksi cabang) memberi kesaksian berdasarkan kesaksian dua orang lelaki yang melihat atau mendengar sendiri sesuatu peristiwa (saksi asal), maka diharuskan kesaksian tersebut. Pendapat ini menjadikan setiap saksi cabang mengambil tempat setiap saksi asal. Namun terdapat juga pandangan yang mengatakan hendaklah dua orang saksi cabang menyaksikan kesaksian seorang saksi asal.³⁵⁵ Oleh itu perlu kepada empat orang saksi yang menyaksikan kesaksian dua orang saksi.

³⁵³ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 23. al-Muzamī (1993), *op.cit.*, h. 328.

³⁵⁴ Ibn Abī al-Dam (1987), *op.cit.*, h. 295. al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 222. al-Buhūtī (1394H), *Kasyṣāf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*, h. 433.

³⁵⁵ al-Imām al-Syāfi'ī (1993), *op.cit.*, j. 6. h. 328-329. Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 24. Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *al-Kāfi*, h. 553 - 554.

Terdapat beberapa syarat yang mesti dipatuhi sebelum beramal dengan kesaksian atas kesaksian.³⁵⁶ Antaranya ialah semua saksi sama ada saksi cabang atau saksi asal bersifat adil, saksi cabang menyebut nama saksi asal, saksi asal mempunyai keuzuran syarak untuk hadir ke majlis kehakiman kerana sakit, bermusafir, dipenjarakan atau mati, saksi cabang masih mempunyai kelayakan menjadi saksi semasa menyampaikan kesaksian dan saksi cabang adalah lelaki. *Fugahā'* berselisih pendapat dalam menentukan kes kesaksian atas kesaksian, bilangan dan jantina saksi *fūrū'*.

Hukum Kesaksian Wanita Atas Kesaksian

Berhubung kesaksian wanita, menurut Imam Syāfi'i dan Imam Malik tidak harus kesaksian atas kesaksian seorang lelaki atau seorang saksi wanita kecuali dua orang lelaki.³⁵⁷ Oleh sebab itu bagi mazhab Syāfi'i dan sebahagian besar imam mazhab Maliki kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki ke atas kesaksian juga tidak harus diterima.³⁵⁸ Ini termasuklah dalam urusan kewangan kerana keadaan sebegini bukan berhubung dengan harta secara langsung tetapi berkaitan dengan penetapan kesaksian seorang lelaki atau wanita.³⁵⁹ Ringkasnya pendapat ini menyatakan bahawa tiada ruang bagi wanita untuk menjadi saksi cabang dalam apa jua bentuk sekali pun.

³⁵⁶ Sila lihat Ibn Abī al-Dam (1987), *op.cit.*, h. 302 – 306.

³⁵⁷ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.* h. 329. j. 7. h. 90. Ibn Abī al-Dam (1987), *op.cit.*, h. 298-299. Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 24.

³⁵⁸ *Ibid.* al-Nawawī (1995), *op.cit.* Ibn Abī al-Dam (1987), *op.cit.*, h. 306.

³⁵⁹ al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*

Berbeza dengan Imam Malik yang membenarkan kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki atas kesaksian seorang lelaki atau wanita di dalam urusan mal. Beliau menegaskan tidak harus kesaksian mereka walaupun bilangan mereka dua puluh orang ke atas kesaksian seorang wanita atau seorang lelaki selagimana tidak disertai oleh saksi lelaki.³⁶⁰

Imam Abu Hanifah mengharuskan kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki kerana saksi-saksi cabang memindahkan kata-kata dua orang saksi asal. Ia menyerupai kesaksian dua orang saksi ke atas ikrar dua orang lelaki iaitu sekadar memindahkan kata-kata kedua-duanya. Oleh itu harus memindahkan ikrar dua orang dengan kesaksian seorang lelaki bersama dua orang wanita. Begitu juga kesaksian dua orang lelaki.³⁶¹

Manakala Mazhab Hanbali mengharuskan kesaksian atas kesaksian dalam kes yang diterima kesaksian seorang lelaki bersama dua orang wanita kerana ia dibina di atas perkara yang dipermudahkan. Sebaliknya ia tidak diterima di dalam kes hudud kerana asas kes hudud tertolak dengan adanya syubhat. Sedangkan hal sebegini tidak sunyi daripada unsur-unsur syubhat. Qisas pula adalah ‘*uqūbāt* maka tidak diterima kesaksian atas kesaksian. Pendapat lain menyatakan wajib diterima di dalam kes selain hudud dan qisas.³⁶² Mereka berselisih untuk menerima kesaksian wanita atas kesaksian orang lain.

³⁶⁰ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 24.

³⁶¹ Ibn al-Farrā' al-Hanbālī al-Baghdādī (1414H), *op.cit.*, h. 264 – 265.

³⁶² Ibn Qudāmah Muqaddasiyy (1982), *al-Kāfi*, h. 550.

Pendapat Pertama tidak mengharuskan kerana hal ini berhubung dengan penyabitan kesaksian dan bukannya dengan harta secara langsung. Alasan kedua mereka ialah atas kesaksian itu sendiri telah lemah nilaiannya hujjahnya, maka haruslah menguatkannya dengan kesaksian lelaki.³⁶³ **Pendapat Kedua** mengharuskan kesaksian wanita bersama lelaki pada kesaksian cabang atas kes yang dibenarkan mereka menyertainya sebagai saksi kerana ia berkait dengan harta.³⁶⁴

Pendapat ketiga menyatakan bahawa harus wanita menjadi saksi cabang dan saksi asal dalam setiap kes yang dapat disabitkan dengan kesaksian mereka. Alasan pendapat ini ialah maksud kesaksian tersebut adalah untuk membuktikan fakta yang telah dipersaksikan oleh saksi asal, maka wanita dibolehkan menyablit hak-hak yang dipindahkan sebagaimana mereka dibenarkan untuk mempersaksikan kes pada asalnya. Oleh itu harus kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki ke atas kesaksian dua orang wanita bersama seorang lelaki atau ke atas kesaksian dua orang lelaki dalam kes *mal*.³⁶⁵ Begitu juga harus kesaksian wanita atas wanita sebagaimana harus kesaksian lelaki ke atas lelaki dalam kes yang dilihat oleh wanita sahaja.

Tarjīḥ

Setelah meneliti pendapat-pendapat di atas, penulis cenderung untuk **mentarjīḥkan** pendapat ketiga mazhab Hanbali berdasarkan hujjah-hujjah yang telah disebutkan.

³⁶³ *Ibid.*, h. 553.

³⁶⁴ *Ibid.* al-Buhūtī (1394H), *Kasyṣyāf al-Qinā'* 'an Matn al-Iqnā', h. 435.

³⁶⁵ *Ibid.*

5. Wanita Sebagai Penyiasat Saksi

Dalam menjalani prosiding kehakiman, kadang-kadang berlaku biodata saksi tidak dikenali oleh hakim seperti keturunan dan keperibadian yang meliputi amalan dan akhlak. Penyiasatan saksi perlu dibuat supaya saksi benar-benar memenuhi ciri-ciri yang telah digariskan syarak. Namun kredibiliti penyiasat saksi perlu diambil kira sebelum melakukan proses penyiasatan saksi.

Pada asasnya tahap keperibadian penyiasat saksi sama seperti saksi itu sendiri tetapi masih wujud khilaf *fugahā'* berkenaan penyiasat saksi dari kalangan wanita sama seperti khilaf mereka terhadap kesaksian wanita itu sendiri. Manakala disyaratkan pula penyiasat saksi hendaklah terdiri dari kalangan mereka yang luas pergaulan dengan masyarakat serta mempunyai pengalaman atau kemahiran mengenali perwatakan seseorang.³⁶⁶ Penyiasat saksi juga perlu mengetahui prosedur bermula dari kaedah membuat siasatan sehingga hasil siasatan diserahkan kepada hakim. Kemudian terserahlah kepada hakim untuk mengumpulkan maklumat yang diberikan secara rahsia atau soal siasat secara terang-terangan.³⁶⁷

Hukum Wanita Sebagai Penyiasat Saksi

Pendapat Pertama

³⁶⁶ al-'Aynī (1990), *op.cit.*, h. 140.

³⁶⁷ *Ibid.*

Berhubung dengan wanita sebagai penyiasat saksi, Abu Hanifah r.a mengharuskan wanita yang adil untuk menyiasat secara rahsia kerana penyiasatan rahsia merupakan salah satu bentuk perkhabaran urusan agama. Sebaliknya wanita tidak harus melakukan penyiasatan secara terbuka kerana ia menyamai teori kesaksian dari sudut kehakiman yang mana ia berlaku di dalam majlis kehakiman³⁶⁸ serta wajib diputuskan dengannya.³⁶⁹

Bagi Abu Hanifah dan Abū Yūsuf r.a, *tazkiyah* bukan bermakna *syahādah* kerana situasi yang mengelilinginya tidak memberi maksud *syahādah*.³⁷⁰ Oleh sebab itu tidak disyaratkan lafaz kesaksian dan tidak wajib disampaikan dalam majlis kehakiman. Juga tidak disyaratkan apa yang telah disyaratkan dalam kesaksian seperti bilangan dan jantina terutama dalam penyiasatan secara rahsia. Berlandaskan teori ini memadai seorang penyiasat saksi kerana ia bukanlah kesaksian yang mana tidak disyaratkan bilangan pada perkhabaran. Namun dua orang lebih baik menurut Abu Hanifah, Abū Yūsuf, Malik dan Ahmad r.a dalam salah satu riwayat.

Muhammad, Syāfi'i dan Ahmad dalam riwayat yang lain pula berpendapat perlu kepada dua orang *muzakkī* (penyiasat).³⁷¹ Manakala disyaratkan bilangan dalam penyiasatan secara terbuka menurut *ijmāk*.³⁷²

³⁶⁸ *Ibid.*, h. 145

³⁶⁹ *Ibid.*, h. 140.

³⁷⁰ *Ibid.*, h. 144.

³⁷¹ *Ibid.*, h. 143.

³⁷² *Ibid.*, h. 145.

Bagi Muhammad al-Syaybānī, *tazkiyah* memberi makna *syahādah* kerana wilayah kehakiman terbina di atas zahirnya ‘*adālah*, yang mana ianya dapat diserahkan melalui *tazkiyah*. Oleh itu disyaratkan bilangan sebagaimana disyaratkan sifat ‘*adālah* pada *muzakkī*. Manakala dalam kes hudud dan qisas, disyaratkan *muzakkī* adalah lelaki. Pendapat ini disepakati oleh imam empat mazhab.³⁷³ Muhammad r.a juga berpendapat bahawa penyiasat saksi-saksi kes zina haruslah dari kalangan lelaki dan mencukupi bilangan empat orang.³⁷⁴

Pendapat Kedua

Menurut Imam Malik wanita tidak boleh melakukan penyiasatan saksi (*tazkiyah al-syuhūd*) walau dalam keadaan apa sekalipun, sama ada dalam kes yang diharuskan kesaksian mereka atau sebaliknya. Mereka tidak boleh mentazkiyah sama ada saksi wanita lebih-lebih lagi saksi lelaki, sedikit atau banyak.³⁷⁵

Tarjih

Pada pendapat penulis, pendapat pertama lebih rajih berbanding pendapat kedua iaitu wanita yang adil diharuskan untuk menyiasat secara rahsia berlandaskan hujjah-hujjah yang telah dikemukakan oleh Abu Hanifah dan Abū Yūsuf r.a. Manakala dalam kes hudud dan qisas, disyaratkan *muzakkī* adalah lelaki kerana pendapat ini telah disepakati oleh imam empat mazhab.

³⁷³ *Ibid.*, h. 144.

³⁷⁴ *Ibid.*, h. 145.

³⁷⁵ Mālik b. Anas al-Asbahī (1994), *op.cit.*, h. 24.

6. Sebahagian Pandangan Ulama Kontemporari Berhubung Kesaksian Wanita

Dalam memperkatakan isu kesaksian wanita, di sana terdapat pendapat-pendapat cendikiawan semasa yang agak jauh berbeza dengan pendapat *fuqahā'* salaf seperti Muhammad al-Ghazali,³⁷⁶ Afzalur Rahman³⁷⁷ dan Hibah Rauf 'Izzat.³⁷⁸

Berikut adalah hujjah-hujjah mereka berkenaan topik kesaksian wanita;

1. Hadis yang menerangkan tentang kurangnya akal wanita berbanding lelaki hanyalah khusus untuk kes hutang-piutang sebagaimana dinyatakan ayat 282 al-Baqarah, yang mana zahir ayat ini telah menyamakan kesaksian dua orang wanita dengan kesaksian seorang lelaki. Ayat tersebut juga merupakan petunjuk untuk penjagaan hak agar tidak hilang, serta petunjuk apabila tidak ada orang lelaki yang dapat dijadikan saksi, maka saksi itu boleh terdiri daripada seorang lelaki dan dua orang wanita.³⁷⁹ Justeru pengertian hadis tersebut tidak harus diumumkan untuk keskes kesaksian yang lain.

³⁷⁶ Muhammad al-Ghazālī (1989), *op.cit.*, h. 58-61.

³⁷⁷ Sila lihat perbahasan-perbahasan beliau secara terperinci di dalam Afzalur Rahman (1994), *op.cit.*, j. 5. h. 584-593.

³⁷⁸ Hibah Rauf Izzat (1997), *op.cit.*, h. 71 – 72.

³⁷⁹ Hibah Rauf Izzat (1997), *op.cit.*, h. 71.

2. Selain daripada ayat 282 al-Baqarah, al-Quran hanya menetapkan syarat keadilan dan tidak menetapkan syarat kelelakian, walaupun jumlah bilangan saksi yang diminta adalah berbeza-beza. Syarat keadilan yang dimaksudkan ialah berkaitan dengan aqidah dan iman saksi secara umum tanpa membezakan sama ada saksi tersebut lelaki atau wanita. Pengertian ini diperolehi daripada lafaz ‘*daripada kamu sekalian*’ (منكم);³⁸⁰ yang sifatnya sangat umum.³⁸¹ Justeru dalam kes-kes kesaksian yang lain sama ada yang berbentuk fardu kifayah seperti dalam hal wasiat atau fardu ain seperti kes hudud, maka **kesaksian wanita adalah sama dengan kesaksian lelaki selagimana wanita tersebut memenuhi syarat adil** sebagaimana yang dikehendaki oleh ayat. Keharusan ini adalah kerana wanita dianggap memiliki keupayaan (*ahliyyah/solāhiyyah*) yang sama seperti lelaki. Sekiranya kekurangan akal yang disebutkan hadis adalah kekurangan *fīt̄riyyah* (semulajadi), maka pra-syarat kesaksian dua orang wanita akan dianggap wajib walaupun dalam hal-hal berkenaan ‘*uyūb al-nisā*’. Sedangkan sesetengah *fuqahā* mengharuskan kesaksian seorang wanita sahaja. Begitu juga dalam kes *li‘ān* yang menerima kesaksian seorang wanita sama seperti kesaksian *li‘ān* seorang lelaki.³⁸² Penggunaan perkataan berbentuk lelaki juga adalah satu kebiasaan al-Quran dan ia tidak semestinya ditujukan kepada lelaki sahaja. Ia juga merupakan kebiasaan dalam penggunaan bahasa Arab iaitu apabila bercakap kepada sekumpulan lelaki dan perempuan, maka lafaz yang biasa digunakan berbentuk lelaki.³⁸³

³⁸⁰ Lihat Surah al-Nisā’ (4): 15 dan Surah al-Talāq (65):2.

³⁸¹ Hibah Rauf Izzat (1997), *op.cit.*

³⁸² *Ibid.*, h. 72

³⁸³ Afzalur Rahman (1994), *op.cit.*, h. 593.

3. Para ulama telah bersepakat menerima riwayat hadis dari seorang wanita tanpa membezakannya dengan riwayat dari perawi lelaki. Bahkan dalam hal ini, Aisyah r.a telah melampaui kemampuan para sahabat dalam menghafal hadis daripada Rasulullah S.A.W yang dilupakan oleh sebahagian sahabat tanpa mendapat sokongan daripada perawi lain. Sekiranya kita boleh menerima riwayat dari seorang wanita dalam hal-ehwal keagamaan, mengapa kita tidak boleh bergantung kepada mereka dalam urusan keduniaan. Sedangkan urusan agama lebih besar lagi daripada hal-ehwal kedunian? Di samping itu, wanita sama ada termasuk *tābi'īn* atau sahabat telah menjadi saksi dalam pelbagai peristiwa sejarah. Walaupun sesetengah mereka berpendapat bahawa harus dibezakan bidang kesaksian dan bidang periyawatan. Namun sebahagian ulama melihat bahawa tahap keadilan yang diperlukan untuk kedua-dua bidang tersebut adalah pada kadar yang sama. Alasannya terdapat kepentingan dari segi penjagaan syariat dan fatwa agar tidak terjadi pembohongan. Yang menjadi kemasukan di sini ialah;

“Bagaimana mungkin periyawatan wanita dapat diterima seandainya dia selalu dianggap kurang (iaitu *naqṣ al-'aql*), kerana kekurangan ini boleh menghilangkan syariat (iaitu kurangnya akal seseorang boleh menggugurkan tanggungjawab syariat daripadanya). Dan pada masa yang sama kesaksianya untuk kejadian yang bersifat sampingan tidak diterima?”³⁸⁴

Semua hujjah yang dikemukakan di atas menunjukkan bahawa secara umumnya keterangan daripada wanita sepatutnya diberi keutamaan sama dengan keterangan daripada lelaki untuk semua kes.³⁸⁵

³⁸⁴ Hibah Rauf Izzat (1997), *op.cit.*, h. 73

³⁸⁵ Afzalur Rahman (1994), *op.cit.*

Pengecualian wanita dalam urusan *mudāyanah*, jual beli, kontrak dan lain-lain tanggungjawab kewangan kerana urusan tersebut yang sangat merumitkan dan juga tidak diminati oleh kaum wanita. Tambahan pula mereka tidak terlibat dengannya, maka al-Quran telah mensyaratkan dua orang saksi wanita supaya salah seorang dari mereka mendapat sokongan dari seorang lagi.

4. Muhammad al-Ghazali cenderung untuk mengambil hujjah-hujjah Ibn Ḥazm bagi mengharuskan kesaksian wanita dalam semua kes,³⁸⁶ kecuali beliau berpendapat bahawa bilangan kesaksian wanita mestilah menurut kadar bilangan yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan *al-Sunnah al-Nabawiyah* seperti empat orang dalam kes zina, dua orang dalam kes hudud selain zina dan sebagainya.³⁸⁷ Alasan beliau berlandaskan lojik akal seperti berikut;³⁸⁸
- a) Tiada erti sekiranya wanita menyaksikan pencuri memasuki rumahnya pada waktu malam atau siangnya, kemudian ditolak kesaksian mereka dalam kes curi.
 - b) Begitu juga jika berlaku pencerobohan ke atas jiwa dan anggota badan seseorang itu secara berleluasa di hadapan mata para wanita. Maka tiada gunanya jia wanita itu menyaksikan pembunuhan anggota keluarga atau orang-orang yang rapat dengan mereka sekiranya kesaksian mereka tidak diambil kira.

³⁸⁶ Sila lihat Muḥammad al-Ghazālī (1989), *op.cit.*, h. 59 & 60.

³⁸⁷ *Ibid.*, h. 61.

³⁸⁸ *Ibid.*, h. 58.

Pendapat Yang Rajih

Pandangan-pandangan yang dikemukakan cendikiawan semasa didapati sangat kontradiksi dengan pandangan *fuqahā'* salaf. Sebahagian alasan yang dikemukakan telah terjawab secara langsung di dalam perbahasan dan *tarjih* penulis menurut kategori kes sebelum ini. Sebahagian lagi akan dijawab oleh penulis di sini;

1. Memang benar hadis yang menyamakan kesaksian dua orang wanita dengan kesaksian seorang lelaki hanyalah berkenaan ayat 282 al-Baqarah iaitu khusus di bidang muamalat sahaja. Ia selaras dengan kajian psikologi yang mendapati bahawa kanak-kanak perempuan seawal usianya 3 tahun lebih cepat dalam tindakan verbal. Manakala kanak-kanak lelaki pada tahap yang sama membuktikan keupayaan mereka lebih cepat dalam bidang matematik.³⁸⁹ Keadaan semulajadi ini berterusan hingga dewasa yang mana kaum lelaki senantiasa terdedah kepada bidang muamalat berbanding wanita. Apatah lagi taklif mencari nafkah berada di pundak mereka.. Sudah tentu kaum lelaki lebih mahir dalam bidang tersebut berbanding wanita. Penemuan ini membenarkan lagi kerelevanan syariat Allah S.W.T berkenaan kesaksian wanita dalam bidang muamalat ini. Walaupun demikian, ia tidak menafikan kecekapan sebahagian wanita dalam bidang tersebut setelah mempelajarinya serta berkecimpung di dalam bidang muamalat melalui tafsiran yang telah dikemukakan sebelum ini. Hukum dibina di atas perkara umum berlaku dan bukan pada perkara yang jarang berlaku.

³⁸⁹ Sila lihat Bab Dua, muka surat. 75.

Penulis juga bersetuju dengan pendapat Hibah dan Afzalur Rahman memandangkan ayat ini masih tidak menetapi syarat-syarat 'illah. Namun hukum kesaksian wanita di dalam topik selain muamalah adalah jelas melalui dalil-dalil khusus untuk bidang tersebut serta *ditarjih* pula oleh Hadis-hadis Sahih, athar dan lojik akal. Maka adalah lebih utama berpegang kepada nas zahir daripada mengiaskan kepada perkara yang tidak jelas.

Berhubung maksud *naqṣ al-'aql* yang dipertikaikan, penulis berpendapat: walaupun hadis tersebut merupakan interpretasi kepada ayat 282 al-Baqarah, namun sifat *naqṣ al-'aql* itu sendiri merupakan satu keadaan fitrah semulajadi wanita yang tidaklah terhad bagi maksud lemah ingatan semata. Bahkan mengandungi pengertian lebih luas daripada itu sebagaimana yang telah ditafsirkan oleh para *mufassirin* dan *fuqahā'*. Justeru itu ia masih tetap terpakai dalam kes selain muamalah tapi dalam dimensinya yang lebih fleksibel.

2. Bagi persoalan berkenaan kaedah nahu Bahasa Arab yang mengumumkan sasaran dengan penggunaan lafaz dalam bentuk lelaki:³⁹⁰ Perlu disedari bahawa bukan semua lafaz dalam bentuk lelaki diumumkan untuk lelaki dan perempuan. Ianya terpakai selagimana tidak terdapat *qarinah* yang mengkhususkannya. Apabila wujud *qarinah*, maka ia haruslah kembali kepada hukum asal iaitu lafaz lelaki adalah untuk lelaki. Sebagai contoh: Berdasarkan ayat 282 al-Baqarah, umumnya para *fuqahā'* menterjemahkan kalimah '*rijāl*' kepada maksud Islam, merdeka dan mukallaf.

³⁹⁰ Sila rujuk hujjah majoriti *fuqahā'* dan *tarjih* penulis di dalam kes-kes kesaksian.

Namun setelah datangnya ayat seterusnya iaitu yang bermaksud ‘... cukuplah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari kalangan saksi-saksi yang kamu redai’, maka di sini terkeluarlah makna wanita daripada ayat tersebut.

Adapun ayat-ayat kesaksian selain ayat 282 ini yang menggunakan lafaz umum iaitu *syuhadā* telah dikhkususkan oleh hadis Nabi S.A.W yang menolak kesaksian wanita di dalam hudud dan qisas serta talak. Oleh itu maksud wanita juga terkeluar dari ayat-ayat kesaksian lain yang menggunakan lafaz umum. Apatah lagi mengambil makna yang zahir pada nas adalah lebih utama daripada mengiaskannya kepada makna yang tersembunyi selagi mana tiada nas lain yang mengkhususkannya.

3. Isu dalam kesaksian wanita bukanlah pada sifat ‘*adālah* kerana sememangnya ‘*adālah* seorang wanita sama dengan ‘*adālah* seorang lelaki. Sedangkan Allah S.W.T sendiri tidak pernah membezakan keimanan dan ketaqwaaan antara lelaki dan wanita yang menjadi faktor ‘*adālah* seseorang. Hakikatnya ialah titik perbezaan antara kesaksian lelaki dan wanita adalah pada tabiat *naqṣ al-'aql* wanita yang masih mempunyai pengertian yang luas. Tabiat tersebut tidak pula mencacatkan atas keahlian dalam pentaklisan agama secara umum sebagaimana haid dan nifas menghalang wanita daripada solat dan berpuasa. Selain daripada itu; persekitaran, implikasi dan doktrin balasan bagi setiap kes juga perlu di ambil kira untuk menentukan tahap kesaksian yang diyakini. Sebagai contoh: kes hudud dianjurkan agar diperketatkan wasilah pembuktianya bagi menjaga keaiban atau maslahah hambaNya.

4. Masalah faktor akal iaitu yang dikaitkan dengan IQ, sifat ingat, lupa dan *dābiṭ*.

Wujud perbezaan antara ingatan yang diasaskan dengan hafalan dan ingatan yang berpunca dari sifat *dābiṭ*. Dalam masalah kesaksian, ingatan perlu dengan sekali lihat atau sekali dengar kerana adatnya kes-kes yang memerlukan kesaksian berlaku atau terjadi sekali sahaja bukannya secara berulang-ulang. Lihat contoh perawi hadis wanita yang tidak seramai perawi hadis lelaki.

Maksud akal yang sempurna pula merangkumi IQ dan psikologi. Perkara sebegini jarang ada pada wanita. Sekiranya kita mahu merujuk kepada fenomena hari ini yang menyaksikan penglibatan ramai wanita di institusi pengajian tinggi, dalam urusan perbankan, perniagaan atau muamalat dan lain-lain bidang sosial, namun kita dapati persekitaran tersebut tidak dapat mengubah tabiat mereka menjadi seperti lelaki. Contohnya dalam hal perasaan dan berfikiran jauh. Mereka tetap membawa bersama fitrah semulajadi mereka yang keibuan, mengambil berat urusan rumahtangga, pembelas kasihan dan sebagainya lagi. Oleh sebab itu, perubahan iklim sosial terhadap wanita hari ini tidak mengubah sedikit pun hukum-hukum Allah S.W.T terhadap diri mereka kerana hukum dibina berdasarkan perkara umum yang berlaku.³⁹¹ Apatah lagi sekiranya diteliti dari aspek sejarah, ayat ini diturunkan dalam suasana yang mana sudah pun berlaku penglibatan wanita dalam masyarakat seperti perniagaan, politik, peperangan dan sebagainya walaupun mungkin dalam jumlah tidak sebanyak hari ini. Khadijah r.a telah membuktikan fakta ini sebagai seorang tokoh korporat yang berjaya. Aisyah r.a sebagai cendikiawan dan pakar rujuk para sahabat r.a dalam bidang ilmu dan lain-lain lagi.

³⁹¹ Wahbah al-Zuhayli (Prof. Dr) (1991), *al-Tafsīr al-Munīr*, h. 111. al-Marāghī (t.t), *op.cit.*, h. 75.

Meraikan fitrah kejadian wanita dari segala sudut, Islam meringankan bebanan taklif mencari nafkah serta melakukan tugas sosial yang lain di luar lingkungan kediaman mereka. Tugas sosial tersebut termasuklah menerima dan menyampaikan kesaksian. Apatah lagi kesaksian merupakan salah satu *wasīlah al-ithbāt* terpenting yang mana dengannya dapat diputuskan berkait hak-hak orang lain. Hak-hak tidak dapat diputuskan berdasarkan hujjah yang diiringi dengan sentimen perasaan.

Merujuk kepada peristiwa Aisyah r.a diqazaf; sekiranya sifat adil dan *dābiṭnya* dalam bidang periyawatan hadis menjadi jaminan, adalah lebih utama Rasulullah S.A.W dan para sahabat mendapatkan ikaranya bagi membersihkan dirinya daripada tuduhan tersebut. Bukankah keperibadian serta keimanan beliau mengatasi sesetengah sahabat Baginda S.A.W dari kalangan lelaki. Apatah lagi beliau merupakan salah seorang *Ummahāt al-Mu'minīn* (ibu orang-orang beriman). Sedangkan apa yang berlaku, masing-masing mendiamkan diri sehingga ayat 11 hingga ayat 16 surah al-Nūr diwahyukan. Peristiwa ini jelas menunjukkan wujud perbezaan antara bidang meriwayatkan hadis atau ilmu dengan bidang kesaksian.

Umum juga harus menyedari, walaupun dari sudut teori bidang periyawatan dan kesaksian kelihatan sama dan wujud korelasi antara satu sama lain, namun dari sudut praktikal, kedua-dua bidang tersebut amatlah berbeza antara satu sama lain. Bidang periyawatan terjadi atas dasar tuntutan ilmu yang mana secara adatnya tidak wujud unsur permusuhan di dalamnya. Manakala bidang kesaksian terjadi atas dasar tuntutan hak antara manusia yang melibatkan maruah agama, maruah diri, akal, jiwa dan harta.

Tuntutan-tuntutan tersebut lazimnya mencetuskan suasana permusuhan dan berkepentingan sehingga menimbulkan risiko ancaman pada nyawa, maruah, keluarga dan lain-lain kepada saksi-saksi, pihak penuntut bahkan hakim itu sendiri. Dalam hal-hal sebegini, umum mengetahui bahawa kaum wanita lebih lemah untuk berhadapan dengan suasana yang mengancam dirinya berbanding lelaki. Kajian saintifik telah membuktikan bahawa sejak dari usia kanak-kanak, lelaki mempunyai sifat suka menyerang atau memulakan perbuatan ganas. Mereka juga mempunyai daya keteguhan jiwa mengatasi kaum wanita apabila menghadapi sebarang ancaman. Fenomena ini menyerlahkan lagi kerelevanannya syariat Islam yang tidak membebangkan wanita dengan taklif kesaksian dalam kes yang berat.

7. Kesimpulan Umum

Natijah daripada interpretasi para *mufassirin* dan *fuqahā'* dalam perbahasan kes kesaksian wanita sebelum ini: penulis dapat rumuskan dua skop utama yang menjadi fokus atau isu dalam menentukan kedudukan kesaksian wanita iaitu:

1. '*Illah* kesaksian wanita menurut ayat 282 al-Baqarah sehingga ia boleh dijadikan punca *qiyyas* kepada kes selain mal sebagaimana yang dimaksudkan ayat tersebut.
2. Kesan pengaruh fitrah kejadian wanita terhadap kesaksian mereka. (atau tahap keupayaan mereka dalam kesaksian).